

قَتِيقَن قِيَتِه

PETIKAN TITAH

"BETA mengagumi sikap sabar yang ditunjukkan oleh seluruh rakyat dan penduduk dalam memberikan dukungan padu kepada kerajaan dalam usaha menangani wabak".
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1442H / 2021M
Anjuran Yayasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Hujung Minggu

قلبي في Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Apabila hilang amanah maka tunggulah kedatangan Hari Kiamat". (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK
4.36

SUBUH
4.46

SYURUK
6.11

DUHA
6.35

ZUHUR
12.24

ASAR
3.50

MAGHRIB
6.35

ISYAK
7.51

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 76

26 JUN 2021 / 1442 ذوالقعدة 15


JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

PUSAT KAWALAN JAMBATAN SHOAS DIRASMIKAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kiri) dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kanan) ketika hadir bagi merasmikan Pusat Kawalan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan mempamerkan plak perasmian pusat kawalan berkenaan pada majlis tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

KOTA BATU, Khamis, 24 Jun. - Pusat Kawalan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) dibuka rasmi pada hari ini dan perasmian diadakan di Bangunan Autoriti Jambatan Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu-kehormat, seterusnya menyempurnakan perasmian pusat kawalan tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

>> Muka 3

COVID-19 : 1 kes import baharu

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu dilaporkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 257 orang.

Kes 257 ialah seorang lelaki berumur 23 tahun yang tiba ke negara ini dari United Kingdom melalui Singapura, pada 11 Jun 2021. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Hasil penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan bahawa tidak ada kontak terdekat bagi kes baharu ini memandangkan kes ini telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan dirinya telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 415 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

>> Muka 3

Kongsi inovasi teknologi mengenai langkah penjimatan tenaga

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Satu pameran yang bertemakan Minggu Tema Tenaga (Energy Theme Week) dilancarkan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, ketika Persidangan Pertengahan Tahun dan Pameran (MYCE) Brunei 2021 memasuki minggu keempat juga terakhir.

Dengan tema 'Peralihan Tenaga : Ke Arah Masa Depan yang Mampan', acara selama seminggu ini merangkumi beberapa aktiviti pendidikan utama yang akan mengongsikan maklumat mengenai teknologi tenaga terkini yang boleh diperbaharui yang dapat digunakan oleh orang ramai atau secara

BRUNEI 2021
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE

komersial dan sektor perindustrian.

Ia juga bertujuan untuk berkongsi inovasi teknologi mengenai langkah penjimatan tenaga dalam menyokong agenda

kecekapan tenaga nasional. Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan majlis tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

>> Muka 6



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



AMBD lindungi integriti sektor kewangan
Muka 7



RENCANA
PENYALAHGUNAAN, pengedaran dadah : Anasir menggugat keamanan, keselamatan
Muka 27

STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 25 JUN 2021, 12.00 tengah hari

257

Jumlah kes jangkitan

139,203

Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)

3

Jumlah kematian

20,513

Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)

245

Jumlah kes yang sembuh

9

Kes aktif

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

Cabar diri beri sumbangan bermakna kepada masyarakat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Cosmopolitan College of Commerce and Technology Kali Ke-14 pada 8 Zulkaedah 1442 bersamaan 19 Jun 2021 Masihi, bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, Jerudong.

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Cosmopolitan College of Commerce & Technology Kali ke-14. Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Latip, Pengerusi

Eksekutif serta sekalian warga Cosmopolitan College of Commerce & Technology atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya untuk menyampaikan sijil kepada para graduan kita yang berjaya menamatkan pengajian pada pagi ini.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua 416 bakal graduan yang telah mencapai satu lagi kejayaan dalam perjalanan hidup masing-masing. Setiap individu dalam dewan ini telah membuktikan ketekunan, disiplin dan semangat gigih di sepanjang sesi pembelajaran di Cosmopolitan College of Commerce dan Technology. Tanpa kendur-kendur, para graduan telah berpegang teguh kepada misi untuk menjadi insan yang relevan, *agile* dan Job-Ready dalam era info-teknologi yang sangat dinamik dan pesat berubah. Ini bukan satu perkara yang mudah.

Atas usaha keras ini, para graduan kini berada dalam landasan betul untuk menampilkan diri sebagai insan yang lebih baik dari dahulu, yang telah mengharungi perjalanan untuk membina diri dari awal sehingga mempunyai potensi yang amat tinggi untuk tergolong dalam kalangan Belia Brunei yang dibanggakan oleh negara.

Kepada Yang Mulia Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Latip, Yang Mulia Mr. Daniel Jeyasundrakumar serta sekalian tenaga pengurus dan pengajar Cosmopolitan College of Commerce and Technology, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kerana terus memenuhi amanah, menyempurnakan tanggungjawab untuk menghasilkan para graduan yang berkaliber dan berkualiti tinggi.

Hasil kepimpinan yang berwawasan, kita sangat berbangga atas pencapaian pihak kolej dalam menghasilkan lebih daripada 3,400 orang graduan dalam mana, 87 peratus telah mendapat pekerjaan dalam

tempoh 17 tahun. Selaras dengan Dasar Belia Negara dalam memastikan belia akan mencapai meaningful employment, nyatalah Cosmopolitan College of Commerce telah dan terus memainkan peranan besar sebagai pemangkin transformasi masyarakat dan ekonomi, yang berupaya untuk menghasilkan belia yang menambah nilai tambah kepada keperluan industri dan yang lebih penting, sebagai modal insan yang amat diperlukan oleh negara. Setinggi-tinggi tahniah.

Tidak dapat dinafikan bahawa selaku insan yang sentiasa mencurahkan impak dalam pelbagai bidang yang diceburi, para belia telah dan terus menjadi sumber kebanggaan bagi masyarakat dan negara. Mereka tidak berdiri secara statik atau bertapak secara sendiri, malah para belia adalah golongan yang holistik, yang terus mencabar diri untuk memberikan sumbangan yang bermakna agar masyarakat sekiling tidak ketinggalan dalam arus kemajuan yang sedang berlaku pada kadar yang amat pantas. Inilah satu pembelajaran terbesar berikutan impak COVID-19, bahawa sebuah masyarakat pemedulian ataupun *caring society* amatlah kritikal untuk memastikan kesejahteraan golongan yang memerlukan, khususnya dalam berdepan dengan ketidakpastian semasa.

Kepada para graduan, disinilah peluang keemasan untuk menampilkan diri sebagai pemimpin yang akan menyumbang kearah masyarakat Brunei yang pemedulian ini. Dengan dibekalkan pengetahuan dalam bidang bisnes, teknologi maklumat, digital media, *creative media* dan *computing* para graduan mempunyai kompetensi yang amat relevan untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam mengharungi realiti yang menentengkan teknologi terkini. Sebagai misal, penggunaan Artificial Intelligence dalam Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang digunakan oleh ribuan golongan yang

memerlukan menunjukkan bahawa ianya sudah menjadi satu kebiasaan dalam kehidupan seharian kita.

Oleh itu, saya amat berbangga para pelajar di Cosmopolitan College of Commerce and Technology telah mengambil satu lagi langkah ke hadapan dengan usaha untuk membangun Aplikasi 'Avery' bagi Persatuan Dementia Brunei. Pelancaran aplikasi *tracking* ini amat dinantikan kerana ia bukan sahaja menunjukkan kualiti pemikiran para belia kita yang begitu jauh, apa yang turut penting ianya akan menjadi penghubung antara generasi belia dengan generasi warga emas. Ianya adalah satu nilai tambah yang sangat tinggi dalam penjagaan kebajikan golongan tersebut yang sangat diperlukan pada masa ini.

Oleh yang demikian, harapan kita adalah bagi Cosmopolitan College of Commerce and Technology untuk terus memupuk inisiatif berkebakikan seperti ini dalam kalangan para pelajar yang masih menjalani proses pelajaran. Apa yang paling mustahak adalah bagi kemahiran yang pelajari, di samping *critical thinking*, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti bukan hanya tertumpu di dalam bilik kuliah, malah dibawa keluar untuk diperluas dan diperkembangkan lagi demi kebaikan masyarakat secara amnya.

Sebelum mengakhiri, marilah kita imbas kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam sempena Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-10 pada 10 Mac 2021 yang lalu, antara lain Baginda menekankan: "*Sebagai prasyarat untuk menjadi belia pemimpin yang baik lagi hebat, maka para belia, tidak boleh tidak, mesti memiliki keperibadian dan 'jati diri' yang teguh*".

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
26	SABTU	15	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
27	AHAD	16	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	ISNIN	17	4.37	4.47	6.11	6.36	12.25	3.51	6.36	7.51
29	SELASA	18	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	RABU	19	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 JULAI	KHAMIS	20	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	JUMAAT	21	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	33 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

26 JUN 2021

Memperkasa belia celik Al-Quran

ALHAMDULILLAH Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQKBK) yang berlangsung baru-baru ini telah menyaksikan para belia memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dengan penuh penghayatan.

Setentunya musabaqah ini dapat menjadi wadah yang berterusan dalam melahirkan generasi Al-Quran di negara kita dan sekali gus membina belia yang memiliki keperibadian yang mulia iaitu belia yang berilmu dan berkemahiran dalam masa sama berakhlak calak Al-Quran. Kita berharap para belia ini akan dapat mendekatkan diri mereka kepada Al-Quran dan mempelajari isi kandungan yang terdapat di dalamnya dengan lebih mendalam.

Dengan Al-Quran, para belia mampu menghayati kehidupan sebagai seorang Muslim berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Keteguhan iman akan dapat menjadi benteng bagi para belia ini daripada terjerumus pada perkara-perkara yang tidak baik yang menyalahi ajaran-ajaran agama Islam. Di sini sudah nampak akan pentingnya memantapkan akidah belia-belie Islam dengan berpeduk dan penghayatan kepada ajaran-ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran. Bahkan mereka ini berpotensi menjadi pendakwah dan menyebarkan kesedaran Islam dalam kalangan rakan sebaya untuk diamalkan dalam kehidupan bagi mendapat rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Minat belia-belie tampil menyertai Musabaqah Tilawatil Quran adalah petanda bahawa belia-belie golongan harapan negara masih mudah dilentur dan dibentuk untuk menyahut kemahuan negara. Jika dipraktikkan sejak awal, tidak mustahil para belia ini akan dapat mengangkat imej negara dan menjadi modal insan yang mempunyai ciri-ciri luhur dan murni sebagai belia Muslim yang berakhlak mulia.

Belia masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang hebat seperti ketidakpastian dalam pertumbuhan ekonomi dunia, globalisasi mempengaruhi cara hidup, kerja dan masa depan. Ini adalah cabaran genting yang dihadapi oleh para belia kita. Oleh itu belia harus dibekalkan dengan ilmu dunia dan akhirat agar mereka bersiap siaga untuk masa depan dan dapat menyumbang secara proaktif kepada kemajuan diri, bangsa, agama dan negara.

Tidak dinafikan belia adalah komponen penting dalam usaha ke arah pembangunan untuk survival bangsa dan negara. Sebab itu harapan tinggi tergalas di bahu para belia negara ini sebagai generasi pewaris akan datang. Belia symul adalah tunggak kecemerlangan belia masa kini yang akan menjadi harapan negara dan seterusnya dapat menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Kerana itulah perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran Islam seperti Musabaqah Al-Quran ini akan dapat menjadi sumber inspirasi dan penyuntik semangat kepada golongan belia untuk terus mendekatkan diri kepada Al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan sebagai seorang belia yang berkualiti, beriman dan berakhlak mulia. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

PUSAT KAWALAN JAMBATAN SHOAS DIRASMIKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

>> Muka 1

Majlis Pembukaan Rasmi pusat kawalan tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan Majlis Penandatanganan Plak Perasmian pusat berkenaan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sejurus selesai menandatangani plak perasmian, tetamu-tetamu kehormat majlis dijemput ke bilik

operasi bagi sesi penerangan ringkas mengenai fungsi dan peranan pusat kawalan tersebut, disampaikan oleh Jurutera Autoriti Jambatan Brunei, Awang Mohammad Safwan bin Aba dan Vincent Chong dari HSE Engineering.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua-ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai Kanan, para pegawai dan kakitangan kerajaan daripada Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pusat kawalan berkenaan berfungsi untuk memantau keseluruhan operasi Jambatan SHOAS. Sejumlah 294 CCTV dipasang di sepanjang Jambatan SHOAS bagi memudahkan operasi pemantauan.

Autoriti Jambatan Brunei diberi kepercayaan untuk melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan Jambatan SHOAS pada 17 Mac 2020M. Pada 17 Disember 2020M, Autoriti Jambatan Brunei mengaktifkan pemantauan jambatan secara berterusan.

Selain itu, peranan Autoriti



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (depan, kiri) dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (depan, kanan) ketika memotong reben bagi Perasmian Pusat Kawalan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS), Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

Jambatan Brunei juga memberi khidmat bantuan, rondaan dan kawalan trafik bagi memastikan

keselamatan pengguna-pengguna dan menangani kenderaan yang rosak.

■ **PUSAT** Kawalan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dibuka rasmi pada hari ini di Bangunan Autoriti Jambatan Brunei.

■ **SEMASA** perasmian tersebut, tetamu-tetamu kehormat seterusnya menandatangani plak perasmian pusat berkenaan.

■ **SEJURUS** selepas itu, dijemput ke bilik operasi bagi mendengarkan sesi penerangan ringkas mengenai fungsi dan peranan pusat kawalan tersebut.



PARA tetamu dibawa ke bilik operasi bagi sesi penerangan ringkas mengenai fungsi dan peranan pusat kawalan tersebut.

COVID-19 : 1 kes import baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

>> Muka 1

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 116 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.


Menurut Kementerian Kesihatan lagi, sembilan kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah dalam keadaan yang baik dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 245 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 695 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,513 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 362 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 139,203 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes



Thailand Bazaar ketengahkan pelbagai produk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam ketika meninjau petak jualan pada majlis tersebut.

■ **Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

SALAMBIGAR, Jumaat, 25 Jun. - Kecekapan dan keberkesanan dalam menangani wabak COVID-19 di negara ini membolehkan Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat meneruskan projek pameran perdagangan tahunan dalam mempromosikan kerjasama ekonomi dan pelancongan juga hubungan di antara Thailand dan NBD.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul berkata, Thailand Bazaar dikendalikan sebagai cara untuk terus maju ke hadapan

dan mengatasi cabaran normal baharu.

Puan Yang Terutama menjelaskan demikian, semasa Majlis Pelancaran Thailand Bazaar, yang diadakan di Pusat Membeli-belah OneCity, di sini.

Dengan melangkah maju dalam mengatasi wabak ini, PYT mengongsikan, bahawa Thailand akan membuka kembali negara untuk memulakan semula industri pelancongan mereka

"Thailand membenarkan pengunjung yang telah divaksinasi sepenuhnya memasuki negara tanpa menjalani kuarantin bermula pertengahan Oktober. Phuket akan dibuka semula seawal 1 Julai

sebagai projek perintis dalam melonggarkan sekatan dan menerima pengunjung menggunakan *sandbox* model. Dengan kemudahan sekatan ini, kami berharap rakan-rakan di Brunei dapat mengunjungi kami di Thailand dalam masa terdekat," ujar PYT.

Sementara menunggu Thailand dibuka semula, jelas PYT, orang ramai berserta keluarga dialu-alukan untuk berkunjung ke Thailand Bazaar.

Menurut PYT, untuk edisi ketiga ini, Thailand Bazaar kali ini mempunyai lebih banyak variasi, mereka bukan sahaja menjemput vendor makanan yang menjual makanan Thai asli, tetapi juga menjemput vendor yang menjual produk Thailand yang diimport, Thai Franchise juga syarikat milik Thailand yang terlibat dalam industri pertanian dan tenaga di Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan bazar tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Thailand Bazaar diadakan selama tiga hari, bermula hari ini hingga 27 Jun 2021, dibukakan kepada orang ramai, bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Sebanyak 30 vendor Thailand di NBD mengambil bahagian dan mempamerkan pelbagai jualan, seperti makanan, minuman, pakaian, kosmetik dan sebagainya.

KEPERLUAN MEKANISME KESELAMATAN SOSIAL YANG INKLUSIF



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan G20 (First G20 Labour and Employment Ministerial Meeting) yang diadakan secara maya (atas), manakala gambar kanan, suasana pada mesyuarat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Negara-negara anggota ASEAN bersama-sama berhasrat untuk mengintegrasikan keseksamaan jantina dan pekerjaan yang responsif jantina di rantau ini melalui pengiktirafan bersatu oleh agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk buruh dan pekerjaan, entiti kebangsaan wanita, organisasi majikan dan pekerja serta organisasi wanita.

Menteri-menteri Buruh ASEAN dan Pegawai-pegawai Buruh Kanan juga terus menekankan, keperluan terhadap mekanisme keselamatan sosial yang inklusif yang dapat memperluas pertimbangan dan perlindungan kepada penduduk yang berpotensi terpinggir, terutama dalam konteks masa depan pekerjaan.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Mesyuarat Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan G20 Kali Pertama (First G20 Labour and Employment

Ministerial Meeting), diadakan secara maya, di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di sini.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat juga mengongsikan, bahawa negara-negara anggota ASEAN juga berhasrat untuk melaksanakan prinsip-prinsip keseksamaan jantina dalam dasar dan amalan buruh juga pekerjaan selaras dengan piawaian antarabangsa ke arah keseksamaan jantina dalam dunia pekerjaan dan pekerjaan yang layak untuk semua.

Yang Berhormat berkata, pada tahun ini, dengan sokongan Sekretariat ASEAN dan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-pegawai Kanan mengenai Amalan Buruh Progresif untuk Meningkatkan Daya Saing ASEAN bertujuan untuk melaksanakan kajian lanjutan mengenai peluasan keselamatan sosial kepada pekerja dalam pekerjaan tidak rasmi di rantau ASEAN.

Tambah Yang Berhormat, ASEAN bertekad dalam mengkaji trend pekerjaan informal terkini,

memahami cabaran dan peluang dalam memperluas keselamatan sosial di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping menentukan jurang dan keperluan kumpulan pekerja tertentu yang lebih cenderung dikeluarkan daripada perlindungan sosial.

Melalui kajian ini, ujar Yang Berhormat lagi, Menteri Buruh ASEAN dapat membuat kesimpulan dan cadangan untuk mempermudah perbincangan dasar kebangsaan dan rantau masing-masing mengenai perluasan perlindungan sosial.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 pada Jun tahun lalu, jelas Yang Berhormat, para Ketua Negara ASEAN menerima pakai Deklarasi ASEAN mengenai Pembangunan Sumber Manusia untuk dunia pekerjaan yang berubah dan Peta Jalannya, di mana ia menekankan kembali perlunya pembelajaran dan kerjasama sepanjang hayat dengan sektor swasta dan kerjasama antara agensi.

Mesyuarat Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan G20

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

dirasmikan oleh Menteri Buruh dan Dasar Sosial, Itali, Tuan Yang Terutama Andrea Orlando.


Negara Brunei Darussalam diundang sebagai Pengerusi ASEAN untuk tahun 2021 dan berkesempatan untuk berkongsi beberapa usaha progresif dan bermakna yang dimulakan oleh negara-negara anggota ASEAN untuk tahun ini dengan keutamaan yang diusulkan oleh ketua G20 2021.

Pada mesyuarat tersebut, para perwakilan dari organisasi antarabangsa turut menyumbang kepada pertukaran idea, dasar dan amalan terbaik mengenai kesan pandemik dalam dunia pekerjaan, manakala Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), ILO dan Kumpulan Bank Dunia mengemukakan kajian terbaharu mereka mengenai kerja jarak jauh, kesan Artificial Intelligence terhadap pekerjaan dan kemahiran yang akan menjadi permintaan paling tinggi di pasaran buruh,

berikutan peralihan yang sedang berlaku di dunia pekerjaan.

Pertukaran pandangan antara wakil-wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan organisasi memfokuskan pada keutamaan buruh dan pekerjaan G20, antaranya lebih banyak pekerjaan yang lebih baik dan setara untuk wanita: meningkatkan usaha menuju sasaran Brisbane, sistem perlindungan sosial dalam dunia pekerjaan yang berubah dan corak kerja, organisasi perniagaan dan proses produksi pada era digitalisasi.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang - Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Haji Ibrahim juga pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Buruh.



Kongsi isu peralihan dari sekolah ke tempat kerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menghadiri Mesyuarat Bersama G20 bagi Menteri-menteri Pendidikan dan Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan yang diadakan secara maya.

Sebagai Pengerusi Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi Tahun 2021, Brunei Darussalam dijemput sebagai tetamu khas Republik Itali yang memegang Jawatan Presiden G20 bagi tahun 2021. Mesyuarat Bersama ini diadakan selepas Mesyuarat G20 Bagi Menteri-menteri Pendidikan pada hari yang sama.

Mesyuarat Bersama G20 bagi Menteri-menteri Pendidikan

dan Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan diwakili oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan wakil-wakil dari sektor pendidikan dan pekerjaan.

Turut hadir, Singapura, Sepanyol dan Belanda sebagai tetamu khas untuk Mesyuarat-mesyuarat G20. Selain itu, pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), World Bank dan Kesatuan Afrika (AU) turut menghadiri Mesyuarat Bersama ini.

Sebagai sebahagian daripada agenda Mesyuarat Bersama tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang untuk berkongsi beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh ASEAN dan Kementerian Pendidikan Brunei

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menghadiri Mesyuarat Bersama G20 bagi Menteri-menteri Pendidikan dan Menteri-menteri Buruh dan Pekerjaan yang diadakan secara maya.

Darussalam mengenai isu peralihan dari sekolah ke tempat kerja.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut mengucapkan tahniah kepada Itali atas kejayaan kepimpinannya dalam mesyuarat-mesyuarat berkenaan dan menyokong Deklarasi Bersama G20 mengenai Peralihan dari Sekolah ke Dunia Pekerjaan yang menandakan komitmen G20 dalam bidang pekerjaan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

(Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud;

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Haji Ibrahim dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan KHEDN Negara Brunei Darussalam.

PELUANG PENDIDIK MEMBANGUN KAPASITI, KOMPETENSI PENDIDIKAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

TUNGKU LINK, Rabu, 23 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik mengadakan Seminar Pakar Pendidikan kali pertama dengan tema 'Pengkhususan Kontemporari Dalam Amalan Pendidikan Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan' dan memfokuskan kepada 'Kurikulum dan Inovasi Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan' sebagai subtema.

Seminar ini diadakan selama dua hari, bermula pada hari ini, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seminar tersebut dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.



ANTARA pendidik yang dikenal pasti sebagai pakar pendidik yang mengikuti Seminar Pakar Pendidik 2021.

Objektif Seminar Pakar Pendidikan adalah untuk memberi peluang kepada para pendidik untuk pembangunan kapasiti dan kompetensi dalam pelbagai bidang pengkhususan pendidikan selaras dengan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21.

Seminar ini juga merupakan platform bagi mewujudkan rangkaian kolaborasi dan komuniti pembelajaran profesional dalam meningkatkan dan penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pakar pendidik.

Acara dimulakan dengan kata alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Pakar

Pendidikan 2021.

Seminar diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan pelancaran Seminar Pakar Pendidikan yang pertama.

Sesi seminar bermula dengan sebuah ucapnata bertajuk 'Curriculum Reform and Innovation Towards Education Excellence: Singapore's Lessons' yang disampaikan oleh Profesor Zongyi Deng dari University College London (UCL).

Sesi pagi bagi seminar tersebut juga menyaksikan sesi perkongsian daripada Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum mengenai 'Curriculum Design' dan perkongsian daripada Ketua Pusat Teknologi Pendidikan mengenai 'Blended Learning Using SAMR Model'.

Manakala sesi petang diteruskan dengan perkongsian daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Pendidik yang mengongsikan kepada para peserta seminar mengenai enam bidang kepakaran yang dikenal pasti dalam sistem pendidikan, iaitu Bimbingan; Kurikulum dan Pengajaran; Pengukuran dan Penilaian Pendidikan; Penyelidikan Pendidikan; Pendidikan Khas; dan Teknologi Pendidikan.

Ketua-ketua jabatan yang terlibat turut mengongsikan maklumat yang berkenaan dengan bidang kepakaran masing-masing serta jangkaan dan hasil yang diharapkan sebagai seorang Pakar Pendidikan.

Acara diikuti dengan sebuah sesi perkongsian mengenai 'Generic Competency and Training Progression for Education Specialists' dan 'Training Needs



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika berucap pada Seminar Pakar Pendidikan 2021.

Analysis Survey for Education Specialists', disampaikan oleh Ketua Unit Pakar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA).

Hari kedua seminar akan disambung dengan dua sesi bengkel mengenai 'Crafting of Brunei Darussalam Education Specialist Competency Framework (BDESCF)' dan 'Virtual Gallery Walk and Consolidation'.

Seminar berkenaan turut diisi dengan sesi soal jawab dan perbincangan bersama Profesor Zongyi Deng, yang akan dikendalikan oleh Penolong Kanan Profesor, SHBIE, UBD, Dr. Hajah Sallimah binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir semasa sesi hari pertama Seminar Pakar Pendidikan 2021, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh,



KATA alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Pakar Pendidikan 2021.

Setiausaha-setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teras), Naib Canselor UBD, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teras).

Seramai 106 orang pendidik dikenal pasti sebagai Pakar Pendidik yang berpotensi dan dijemput sebagai peserta untuk Seminar Pakar Pendidik pada tahun ini.

Selain itu, guru-guru kanan (akademik) daripada sekolah-sekolah kerajaan dan daripada beberapa Sekolah Persediaan Arab dan sekolah-sekolah swasta juga turut dijemput hadir.

MCIS bincang isu keselamatan global, serantau

YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (kanan) pada Persidangan Keselamatan Antarabangsa Moscow (MCIS) Kali Ke-9 yang bermula hari ini di Moscow, Persekutuan Rusia dan disiarkan langsung secara dalam talian di Kementerian Pertahanan (kiri dan bawah kiri).

BOLKIAH GARISON, Rabu, 23 Jun. - Persidangan Keselamatan Antarabangsa Moscow (MCIS) Kali Ke-9 bermula hari ini di Moscow, Persekutuan Rusia yang disiarkan langsung secara dalam talian di Kementerian Pertahanan hingga Khamis, 24 Jun 2021.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof buat julung kalinya menyertai persidangan tersebut sebagai salah seorang *speaker* jemputan dan memberikan ucapan semasa sesi plenari yang membincangkan rantau Asia Pasifik dalam konteks politik global.

Dalam ucapan, Yang Berhormat, antara lain mengongsikan, perspektif Negara Brunei Darussalam mengenai hal ehwal keselamatan serantau dan antarabangsa, dan berkongsi hasil positif yang dicapai melalui

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

kerangka kerja kerjasama di bawah Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) dan ADMM-Plus dalam menangani isu-isu keselamatan yang luas.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyampaikan penghargaan terhadap sokongan Rusia kepada Pemusatan ASEAN di sepanjang 25 tahun kerjasama Dialog ASEAN-Russia, termasuk aktiviti di bawah Kumpulan Kerja Pakar ADMM-Plus dan di sektor berkaitan keselamatan ASEAN yang lain mengenai Anti-Penggunaan dan Jenayah Merentas Negara juga penglibatan mereka dalam arkitektur keselamatan serantau yang berkembang.

Turut hadir pada persidangan tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Pegawai-pegawai dari Jabatanarah-jabatanarah Perisikan dan Dasar Pertahanan serta Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Persidangan dibuka dengan sebuah video ucapan alu-aluan

daripada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres.

Menteri Pertahanan Persekutuan Rusia, Army General Sergei Shoigu juga menyampaikan kenyataan beliau semasa perasmian persidangan tersebut.

MCIS merupakan acara tahunan yang diadakan sejak 2012 oleh Kementerian Pertahanan Persekutuan Rusia.

Acara ini bertujuan untuk memupuk kefahaman mengenai isu-isu keselamatan yang membentuk dan mempengaruhi persekitaran strategik dengan para peserta persidangan membahas agenda keselamatan global dan serantau.

Antara isu-isu yang diketengahkan pada persidangan tahun ini, termasuk perbincangan mengenai peranan tentera dalam situasi COVID-19, keselamatan maklumat serta prospek kerjasama ketenteraan yang melibatkan Rusia dan rakan-rakan serantau.

■ PUPUK kefahaman mengenai isu-isu keselamatan yang membentuk dan mempengaruhi persekitaran strategik dengan para peserta persidangan membahas agenda keselamatan global dan serantau.



KONGSI INOVASI TEKNOLOGI MENGENAI LANGKAH PENJIMATAN TENAGA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Peralihan Tenaga menangani peralihan ke arah perkhidmatan tenaga yang lebih holistik dan moden juga pada masa yang sama, teknologi baharu memberikan

peluang untuk mengubah kelayakan persekitaran sektor tenaga. Sejalan dengan temanya, pameran ini mempamerkan inovasi teknologi terkini mengenai

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Tenaga ketika melancarkan Minggu Tema Tenaga (kiri), manakala gambar kanan, kedua-dua menteri berkenaan ketika meninjau lebih dekat pameran-pameran tersebut.

renewable energy, energy efficient products dan khidmat nasihat.

Langkah-langkah kecekapan tenaga, menerusi penyesuaian teknologi tenaga yang boleh diperbaharui adalah kunci untuk mencapai peralihan dan kelestarian tenaga, dalam pada itu, Kementerian Tenaga menerajui dalam memajukan integrasi konsep kecekapan tenaga melalui beberapa inisiatif.


Salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah program audit tenaga di premis kerajaan dan komersial berobjektif untuk memberikan cadangan-cadangan dalam meningkatkan penggunaan tenaga di premis-premis.

Melalui pameran ini juga akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai Perintah Kecekapan Tenaga 2021 (Standard and Labeling Order 2021 - SLO), di mana objektif utama SLO adalah untuk memastikan dan mempromosikan penggunaan peralatan dan produk elektrik yang cekap tenaga di negara ini bagi membantu mencapai hasrat untuk mengurangkan intensiti tenaga nasional sebanyak 45 peratus pada tahun 2035, berbanding tahun asas tahun 2005.

Ini meningkatkan komitmen terhadap peningkatan kecekapan tenaga sebagai salah satu strategi penting untuk menyokong peralihan tenaga, di samping penggunaan peralatan dan produk rumah berkecekapan tinggi juga akan membolehkan penggunaan tenaga yang lebih sedikit oleh pengguna yang bukan sahaja dapat membantu mengurangkan bil elektrik, tetapi juga mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Menerusi tenaga yang boleh diperbaharui, dengan penyertaan aktif daripada para vendor dan kontraktor PV Solar yang berdaftar, di bawah Kementerian Tenaga, pameran ini akan memperlihatkan pemasangan program Net-Metering bagi Sistem PV Solar.

Terdahulu dalam ucapnaya Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny, menekankan bahawa tema 'Peralihan Tenaga : Ke Arah



Masa Depan yang Mampan', bertujuan untuk menangani peralihan holistik ke perkhidmatan tenaga moden yang mesra alam yang dicirikan oleh transformasi teknologi.

Yang Berhormat menambah, bahawa tema persidangan selaras dengan Pelan Strategik 2020 - 2025 Kementerian Tenaga, di bawah Objektif Strategik 3 : Tenaga Hijau, yang menuntut keselamatan dan kelestarian tenaga jangka panjang bagi Negara Brunei Darussalam.

Minggu terakhir MYCE 2021 juga menghimpunkan beberapa forum dan simposium, yang disertai oleh pihak-pihak berkepentingan juga daripada akademik sektor tenaga, dalam perbincangan mendalam mengenai Dasar & Pembangunan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui, Pemeteran Bersih (Net-Metering) dan Solar Skala Kecil (Small-Scale Solar) juga Penutupan dan Pemulihan (D&R).

Dalam memastikan tanggungjawab sektor Minyak dan Gas terhadap alam sekitar, Forum D&R akan diadakan pada 28 Jun 2021 sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan D&R, amalan terbaik dan peluang perniagaan dengan cara yang selamat juga secara lestari kerana didapati semakin banyak telaga, saluran paip dan kemudahan lain mencapai jangka hayat akhir teknikal dan ekonomi mereka.

Forum ini akan dianjurkan bersama oleh Kementerian Tenaga dan Lembaga Petroleum Negara Brunei Darussalam (Petroleum Authority of Brunei Darussalam).

Persidangan mengenai tenaga juga akan menampilkan forum mengenai Dasar dan Pembangunan Tenaga Diperbaharui, yang akan dijalankan berlangsung pada 29 Jun 2021 nanti.

BRUNEI MYCE 2021

MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

Dianjurkan bersama oleh Kementerian Tenaga dan Universiti Brunei Darussalam (UBD), forum berkenaan bertujuan untuk memudahkan perbincangan dan perbincangan berterusan mengenai dasar tenaga yang boleh diperbaharui dan peta jalan pembangunan.

Sejalan dengan ini, Kementerian Tenaga menetapkan peta jalan tenaga boleh diperbaharui jangka sederhana dan mengenal pasti beberapa projek PV Suria yang akan dilaksanakan pada tahun 2025, di mana peta jalan ini menyasarkan sejumlah sekurang-kurangnya 10 peratus kapasiti tenaga yang terpasang boleh diperbaharui.

Usaha untuk meningkatkan sumbangan tenaga boleh diperbaharui secara nasional terbukti dengan beberapa projek Solar PV, iaitu 1.2MW Tenaga Suria Brunei (TSB), 3.3MW BSP Solar Plant, 200KW Berakas Power Company's Rooftop Solar PV dan 100KW Solar Rooftop di Pejabat Daerah Temburong.

Bersempena dengan forum tersebut, lawatan ke TSB, Seria Energy Lab dan BSP Solar Plant akan diadakan dengan kerjasama Brunei Shell Petroleum, Mitsubishi Corporation dan Green Brunei.

Selain itu, siri Webinar akan turut diadakan pada 30 Jun 2021, dihoskan oleh Institut Penyelidikan Tenaga Elektrik (Electric Power Research Institute - EPRI), bertajuk 'Mengintegrasikan Tenaga Suria dan Penyimpanan dalam Peralihan Tenaga Brunei' (Integrating Solar and Storage in the Brunei Energy Transition).

Brunei MYCE 2021 adalah inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengembangkan kumpulan pertemuan, insentif, konferensi dan pameran (MYCE), bertujuan untuk mempromosikan perkongsian pengetahuan dan meningkatkan aktiviti perniagaan di pelbagai sektor.

Maklumat lebih lanjut mengenai Minggu Tema Tenaga boleh didapati di <https://www.bruneitourism.com/brunei-myce>.

SEBAHAGIAN jemputan yang hadir pada majlis pelancaran tersebut, yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

COVID-19 : 775 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 10.00 pagi ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 256 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 414 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 115 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.


Menurut Kementerian Kesihatan lagi, lapan kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 245 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 775 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 20,445 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 439 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 138,841 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ketika berucap pada seminar tersebut.

GADONG, Rabu, 23 Jun. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) berkata, sejarah dan pengalaman dunia telah mengajar kita bahawa lazimnya, bank pusat berautonomi daripada pengaruh politik dapat membuat keputusan dan memberi impak yang positif kepada masyarakat.

Namun, perlu ditekankan bahawa berautonomi di sini bukan bermaksud tidak terikat langsung dengan kerajaan, tetapi bank pusat seharusnya mempunyai

■ **SEJARAH** dan pengalaman dunia telah mengajar kita bahawa lazimnya, bank pusat berautonomi daripada pengaruh politik dapat membuat keputusan dan memberi impak yang positif kepada masyarakat.

■ **BERDASARKAN** Perintah AMBD, 2010, AMBD mempunyai empat objektif utama, iaitu Pertama - mencapai dan memastikan kestabilan harga domestik; Kedua - memastikan kestabilan sistem kewangan dengan mengeluarkan peraturan kewangan dan piawaian yang berhemah; Ketiga - membantu dalam penubuhan dan pengoperasian sistem pembayaran yang cekap serta pemantauannya; dan terakhir sekali adalah untuk memupuk dan memajukan sektor kewangan yang mapan dan progresif.

■ **AMBD** juga gigih berusaha untuk menjaga dan melindungi integriti sektor kewangan dan reputasi negara ini daripada ancaman jenayah kewangan melalui Unit Perisikan Kewangan AMBD.

kuasa dan autonomi tertentu dalam membuat keputusan bagi mencapai objektifnya demi kebaikan masyarakat dan ekonomi.

Yang Berhormat menyatakan demikian pada Seminar sempena Penubuhan AMBD Ke-10 Tahun (2011 - 2021), yang berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, berdasarkan Perintah AMBD, 2010, AMBD mempunyai empat objektif utama, iaitu Pertama - mencapai dan memastikan kestabilan harga domestik; Kedua - memastikan kestabilan sistem kewangan dengan mengeluarkan peraturan kewangan dan piawaian yang berhemah; Ketiga - membantu dalam penubuhan dan pengoperasian sistem pembayaran yang cekap serta pemantauannya; dan terakhir sekali adalah untuk memupuk dan memajukan sektor kewangan yang mapan dan progresif.

Objektif-objektif tersebut katanya, menggariskan tugas dan tanggungjawab AMBD selaku autoriti monetari juga sebagai pihak berkuasa sektor kewangan. Tugas dan tanggungjawab ini diletakkan di bawah satu bumbung demi mencapai sinergi dan keberkesanan operasi yang maksima.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan, di bawah pimpinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan

AMBD LINDUNGI INTEGRITI SEKTOR KEWANGAN



YANG Berhormat Menteri di JPM ketika bergambar ramai pada Seminar sempena Penubuhan AMBD Ke-10 Tahun (2011 - 2021).

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD, AMBD telah giat berusaha ke arah menjadi sebuah organisasi yang mempunyai nilai-nilai teras seperti kecemerlangan, integriti, inovasi dan kerja berpasukan.

Jelas Yang Berhormat, mengimbas kembali perjalanan AMBD sepanjang 10 tahun ini, AMBD menggunakan masa awalnya untuk mengukuhkan dan memantapkan asas dan operasinya seperti lazimnya dilaksanakan oleh organisasi-organisasi yang baru ditubuhkan. AMBD mengutamakan untuk mempertingkatkan sumber-sumbernya, membina urus tadbir yang baik agar lebih telus dan akauntabel dan pada masa yang sama, menyempurnakan tugas dan tanggungjawab selaras dengan empat objektif utama AMBD.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai AMBD memainkan peranan utama dalam memastikan kestabilan dan mendukung pembangunan sektor kewangan. Dalam mengimbas penyeliaan dan pembangunan sektor kewangan, AMBD

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

menyadari perlunya untuk mendorong inovasi dan persaingan di sektor kewangan demi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Sektor kewangan yang teratur dan stabil juga pasti mampu menarik minat pelabur-pelabur asing ke Negara Brunei Darussalam.

Sedekad yang lalu, jelas Yang Berhormat, kita juga telah menyaksikan perubahan besar di dalam landskap sektor kewangan. Dalam menghadapi perubahan-perubahan ini, AMBD telah mengambil iktibar daripada Krisis Kewangan Global 2008. Oleh itu, AMBD mengamalkan penyeliaan berdasarkan risiko dan bekerjasama secara proaktif bersama pihak industri kewangan dalam usaha sama untuk memastikan kestabilan kewangan.

AMBD, kata Yang Berhormat, juga gigih berusaha untuk menjaga dan melindungi integriti sektor kewangan dan reputasi negara ini daripada ancaman jenayah kewangan melalui Unit Perisikan Kewangan AMBD. Unit ini

bertindak selaku Urus Setia kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Penganan yang membolehkan AMBD menyokong koordinasi bersama agensi - agensi penguatkuasaan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan. Unit ini juga menyelia kepatuhan institusi-institusi kewangan dan perniagaan bukan kewangan terhadap keperluan pembersihan wang haram dan pembiayaan penganan Negara Brunei Darussalam.

"Inisiatif-inisiatif unit ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila telah berjaya merangkul Anugerah Best Egmont Case Award pada tahun 2020. Kejayaan ini mencerminkan kemampuan AMBD sebagai sebuah organisasi yang masih muda untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit melalui kerjasama dengan agensi-agensi tempatan dan antarabangsa," ujar Yang Berhormat melahirkan ucapan tahniah.

Komited pastikan kestabilan monetari, kewangan

GADONG, Rabu, 23 Jun. - Peranan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam yang kian meluas dan semakin kompleks sejak penubuhannya pada 1 Januari 2011 disebabkan landskap kewangan yang pesat berkembang.

Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar menekankan perkara tersebut semasa berucap pada Seminar sempena Penubuhan AMBD Ke-10 Tahun (2011 - 2021) yang berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Beliau juga mengongsikan bahawa AMBD terus komited dalam menjalankan mandatnya untuk memastikan kestabilan monetari dan kewangan Negara Brunei Darussalam; dan usaha giat AMBD dalam mengembangkan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran sejak penubuhannya sebagai sebuah badan berkanun yang berautonomi, sehingga hari ini.

Acara tersebut diadakan untuk merayakan Ulang Tahun Penubuhan AMBD Ke-10 juga

pencapaian-pencapaian yang telah diraih sejak dekad pertama penubuhannya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan dan AMBD; serta orang awam yang telah dijemput.

Satu ucapatama disampaikan oleh Dr. Diwa Guinigundo, mantan Timbalan Gabenor, Banko Sentral ng Pilipinas, Republik Filipina yang antara lainnya memperkenalkan konsep *grey rhinos*, iaitu isu-isu besar yang sering kali diabaikan oleh penggubal dasar.

Antara contoh yang dikongsikan adalah pandemik COVID-19; persekitaran kadar faedah yang sangat rendah; dan perkembangan FinTech. Isu-isu tersebut telah menyebabkan volatiliti dalam peraliran modal.

Dr. Diwa Guinigundo juga menekankan keperluan bagi bank-bank pusat menambah baik dasar-dasar yang sedia ada selaras dengan persekitaran ekonomi global yang kompleks.

Seminar tersebut diikuti dengan sebuah pembentangan 'AMBD : Our Objectives, Growth and Future' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Perkembangan Korporat, AMBD, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat diikuti dengan sesi panel pertama yang bertemakan 'Maintaining Efficient Payment Systems and Monetary Stability' yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Urusan, Operasi Monetari / Perkembangan dan Antarabangsa, Dayang Hajah Noorrafidah binti Haji Sulaiman.

Sesi panel seterusnya 'Safeguarding Financial Stability' diketuai oleh Timbalan Pengarah Urusan, Regulatori dan Penyeliaan, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, manakala sesi panel yang terakhir pula, 'Developing The Financial Sector' diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan, Operasi Monetari / Perkembangan dan Antarabangsa, AMBD,



ANTARA yang hadir pada seminar tersebut.

Awang Mardini bin Haji Eddie. Perbincangan bagi setiap sesi turut disertai oleh pihak pengurusan dan pegawai-pegawai AMBD sebagai ahli-ahli panel.

Sesi seminar juga diselitkan dengan video ucapan-ucapan tahniah kepada AMBD daripada mantan-mantan Pengarah Urusan AMBD iaitu Dato Paduka Awang Haji Mohd. Rosli bin Haji Sabtu dan Awang Yusof bin Abd. Rahman; serta gabenor-gabenor dari rantau ini termasuk Tuan Yang Terutama Chea Chanto, National Bank of Cambodia; Tuan Yang Terutama Perry Warjiyo, Bank

Indonesia; Tuan Yang Terutama Sonexay Sithphaxay, Bank of The Lao PDR; Puan Yang Terutama Datuk Nor Shamsiah binti Mohd. Yunus, Bank Negara Malaysia; Tuan Yang Terutama Than Nyein, Central Bank of Myanmar; Tuan Yang Terutama Benjamin E. Diokno, Banko Sentral ng Pilipinas; Tuan Yang Terutama Ravi Menon, Monetary Authority of Singapore; Tuan Yang Terutama Sethaput Suthiwartnarueput, Bank of Thailand; dan Puan Yang Terutama Nguyen Thi Hong, State Bank of Viet Nam juga turut ditayangkan.

EDP SATU KOMPONEN PENTING PEMBANGUNAN PEGAWAI ABDB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Khamis, 24 Jun. - Peranan tinggi sebagai pemimpin untuk mengurus perubahan, menggalakkan kemajuan dan mahir dalam menangani arus perkembangan, terutamanya ketika era perkembangan pesat teknologi kini.

Dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan mempertahankan pertumbuhan sebuah negara, pada dasarnya, kepemimpinan yang bertanggungjawab di semua peringkat adalah sangat penting.

Perkara tersebut, ditegaskan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Majlis Penutup bagi Program Perkembangan Eksekutif (EDP)

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-16, di Mes Pegawai, Bolkiah Garison.

Menurut Yang Berhormat, EDP dilihat sebagai menyokong dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan yang sesuai dengan negara.

"Saya melihat ini sebagai kepentingan dalam meningkatkan profesionalisme dan memenuhi tugas-tugas yang sangat besar, yang diamanahkan kepada pembuat dasar dan perancang seluruh kerajaan.

"Alhamdulillah, kita dapat melihat faedah dan pulangan pelaburan ini dan saya sedar ramai daripada mereka yang hadir pada hari ini adalah alumni MINDEF EDP dan beberapa peserta yang menyandang jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan,"

ujar Yang Berhormat.

Bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), terang Yang Berhormat, EDP akan terus menjadi satu komponen penting bagi pembangunan Pegawai-pegawai Kanan ABDB, yang bercita-cita seperti dalam Kertas Putih Pertahanan pertama tahun 2004 dan diterapkan lagi dalam tiga Kertas Putih Pertahanan berikutnya, termasuk yang dilancarkan baru-baru ini sempena Ulang Tahun Jubli Intan ABDB, untuk memastikan ABDB akan terus membina kecemerlangan dalam kepimpinan dan pembangunan profesional.

Menurut Yang Berhormat, kita juga melihat perubahan datang bersama-sama cabaran yang tidak dijangka dan sudah hampir dua tahun berlakunya wabak COVID-19, yang membawa satu lagi kerumitan, mempengaruhi aspek sosial, ekonomi dan keselamatan masyarakat.

Dengan pelancaran program vaksinasi kebangsaan, baru-baru ini, ujar Yang Berhormat, diharap akan dapat melihat kemiripan normal dan mula menuju ke tahap pemulihan.

"Dengan ketidaktentuan yang

semakin meningkat, kerajaan terus menghadapi masalah dalam mengimbangi keutamaan untuk faedah rakyat dan negara dalam kekangan sumber.

"Ini menguatkan keperluan sokongan yang kuat untuk pendekatan seluruh kerajaan dan negara. Untuk mana-mana organisasi, kita mesti berusaha untuk memperbaiki diri dengan meningkatkan keupayaan organisasi, mengubah diri kita dalam memastikan dasar kita sejajar ke arah mencapai agenda pembangunan negara, dan bagi kita, adalah mencapai Wawasan Brunei 2035," tambah Yang Berhormat lagi.

Dengan pertimbangan ini, kata Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan, menganggap penting untuk melakukan strategi pertahanan yang holistik ketika kita berusaha untuk menjadi pasukan bersenjata yang hebat dan rakan kongsi yang dapat dipercayai.

Seperti yang dijelaskan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, yang dilancarkan baru-baru ini, terdapat banyak peluang untuk diterokai melalui kerjasama, terutamanya dengan memanfaatkan sains dan teknologi



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua ketika berucap pada Majlis Penutup bagi Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-16, di Mes Pegawai, Bolkiah Garison.

juga mengukuhkan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan untuk tetap teguh juga kesiapsiagaan masa depan.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan untuk sentiasa menegakkan tahap integriti yang tinggi dalam merealisasikan kepentingan negara.



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa menyampaikan sijil kepada peserta program.



EDP dedah pelbagai kaedah analisis

BOLKIAH GARISON, Khamis, 24 Jun. - Majlis penutup bagi Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-16, anjuran Kementerian Pertahanan, diadakan hari ini, di Mes Pegawai, Bolkiah Garison.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Seramai 28 peserta berjaya menamatkan pengajian mereka dalam EDP Ke-16, terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Universiti Islam Sultan Sharif

Ali (UNISSA).

Kementerian Pertahanan juga turut menjemput dan membiayai empat peserta luar negara, iaitu Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina dan Republik Singapura.

Program selama tiga bulan, yang disampaikan oleh Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP) National University of Singapore ini berhasrat untuk mendedahkan para peserta dengan pelbagai kaedah analisis dan pendekatan utama dalam bidang pengurusan awam dan pengurusan.

Para peserta juga berpeluang untuk membuat lawatan ke kementerian-kementerian kerajaan yang terpilih dan didedahkan dengan ceramah-ceramah khas, dengan harapan untuk mengukuhkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai persekitaran strategik negara melalui proses - proses pembentukan dasar sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPSSHBB), Ampuan Yura Kasumawati binti Dato Paduka Haji Mohd. Adnan dalam kata alu-aluannya menekankan,

kerjasama yang rapat di antara Institut tersebut dan LKYSPP dalam sentiasa memastikan kejayaan program meskipun menghadapi cabaran dari penularan COVID-19.

Ini, diikuti dengan ucapan daripada pihak LKYSPP, Vice Dean (Executive Education) and Associate Professor of Practice, Professor Francesco Mancini dan Leftenan Kolonel Kamrin bin Haji Damit sebagai wakil peserta EDP Ke-16, di mana beliau mengongsikan pengalaman para peserta di sepanjang program tersebut.

Tetamu kehormat pada majlis itu juga menyampaikan ucapan penutup, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta.

Dilancarkan pada 2004, program berkenaan telah menjangkau penyertaan seramai 387 pegawai kanan setakat ini.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; juga wakil-wakil daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

HALUAN

Cabar diri beri sumbangan bermakna kepada masyarakat

>> Muka 2

Dalam konteks ini, ingatlah, mencapai kejayaan adalah satu cabaran, tetapi mengekalkan kejayaan merupakan satu cabaran yang lebih besar. Oleh itu, bagi mengharungi dunia digital ini, kita hendaklah terus berusaha keras untuk mempertingkatkan kemahiran diri yang sedia ada selaku individu yang *interdependent*, yang cepat untuk menangkis perubahan yang pesat, serta pantas dalam proses penyesuaian dan penerapan (*adapt and*

adopt) terhadap apa jua transformasi.

Dalam masa masa, kita mahu belia Brunei untuk terus menunjukkan sifat berpengetahuan yang luhur. Bagi seseorang belia yang berpengetahuan, semakin bertambah ilmunya, semakin dia kan merendahkan diri untuk menjadi lebih cemerlang, baik untuk dirinya sendiri dan yang lebih penting, demi kebaikan masyarakat dan negara.

Sekali lagi, setinggi-tinggi syabas kepada para graduan dan para ibu bapa. Dalam saat meraikan kejayaan ini, janganlah lupa sokongan padu daripada ibu bapa dan ahli

keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan para graduan, kesungguhan para pensyarah mencurahkan ilmu, serta komitmen tenaga pengurusan untuk memudahkan urusan pengajian semasa berada di kolej. Peganglah waktu-waktu indah yang dilalui ketika menimba ilmu sebagai satu keluarga besar Cosmopolitan College of Commerce dan Technology sampai bila-bila.

Dalam kesempatan ini jua, tidak lupa diucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak pengurusan dan pensyarah Cosmopolitan College of Commerce dan

Technology dalam melengkapkan belia kita selaku future workforce yang akan membawa nilai *tangible* dan *intangible* kepada pembangunan negara, insyaaAllah.

Semoga segala khidmat bakti yang diberikan oleh biskita, sekalian warga kolej serta para graduan akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal kebajikan yang dilimpahkan ganjaran dunia mahupun ganjaran akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.*

BELIA GENERASI PENERUS SEMAI BUDAYA MEMPELAJARI AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Memang tidak dapat disangkal, Al-Quran mempunyai syafaat tinggi yang membawa pembacaanya ke tingkat yang lebih tinggi, di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Al-Quran menuntut kita untuk sentiasa menegakkan kebenaran dan pada masa yang sama, menyeru manusia untuk menggunakan minda juga intelek dengan sebaik-baiknya, agar berupaya untuk menghayati kuasa dan keagungan Ilahi.

Perkara tersebut, dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji

Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) Peringkat Akhir bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Semua itu, tambah Yang Berhormat, memerlukan seorang insan itu untuk memiliki hati yang terikat kuat, menjadikan Al-Quran sebagai bacaan utama dengan berpegang teguh pada isi kandungannya.

"Justeru, kita amat bersyukur ramai golongan kanak-kanak dan belia di negara ini yang sudah pandai membaca Al-Quran. Malah didapati makin ramai yang sudah digarap potensinya hingga diangkat ke status qari dan qariah, seperti para peserta Musabaqah ini, mahupun generasi muda yang mendapat rahmat menghafal seluruh kandungan Al-Quran.

"Seperti mana yang dihasratkan oleh raja kita yang dikasihi, di sinilah landasan yang perlu untuk dipertahankan serta diperluaskan secara berterusan demi melahirkan lebih ramai belia yang benar-benar memahami dan menghayatinya sehingga ke peringkat menerapkan roh Al-Quran dalam budaya kerja dan budaya hidup," jelas Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, tekan Yang Berhormat, di samping berupaya untuk membaca Al-Quran,



SUASANA Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

mengkhatakannya atau menghafaznya, apa yang lebih penting adalah untuk bersikap lebih gigih untuk menerokai isi kandungan Kalam Allah demi mendalaminya, memahaminya, menghayatinya, seterusnya mempraktikkannya dalam setiap ranah kehidupan.

Dalam erti kata yang lain, tambah Yang Berhormat, apa yang dihasratkan adalah belia sebagai generasi penerus yang menyemai budaya mempelajari Al-Quran sepanjang waktu dan hayat agar menjadi insan yang seimbang, yang bukan sahaja celik pada keadaan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

semasa, tetapi juga celik Al-Quran sebagai satu *constant* yang merentasi masa.

Ke arah ini, jelas Yang Berhormat, di sinilah keperluan bagi para belia di negara ini untuk berani melakukan perubahan, berani melangkah ke hadapan, menyahut dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Semoga pemahaman dan

penghayatan kepada inti pati Al-Quran akan menganugerahkan seluruh umat manusia, khususnya para belia di Negara Brunei Darussalam, hidayah dan hikmah melahirkan Muslimin dan Muslimat sejati yang sentiasa dilimpahi keretaan Allah, dengan berpegang teguh kepada Al-Quran serta amalan dan ajaran Rasul Junjungan untuk memelihara dan mengamalkannya dalam kehidupan harian," ujar Yang Berhormat lagi.

Awang Afiq Haririe, Dayangku Fauziah Nadhirah johan qari, qariah MTBQK 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud dan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, masing-masing muncul johan qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) Peringkat Akhir bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Naib johan qari dan qariah disandang oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid, sementara Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri menyandang tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat,

seterusnya menyempurnakan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Johan qari dan qariah menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai BND2,000 dan sijil penyertaan, manakala naib johan dan tempat ketiga qari dan qariah, masing-masing menerima hadiah wang tunai sejumlah BND1,500, BND1,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Manakala peserta qari dan qariah yang menerima hadiah saguhati membawa pulang piala iringan, wang tunai BND500 juga sijil penyertaan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Hidayatullah bin Haji Zulkiflee.

Majlis kemudian disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Morsidi selaku Pengerusi Majlis, yang antara lain berkata, acara musabaqah tersebut merupakan salah satu projek tahunan KKBS yang dihasrat untuk melahirkan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, musabaqah tersebut mengandungi tiga peringkat, iaitu Peringkat Saringan, Separuh Akhir dan Akhir, di mana seramai 10 peserta, iaitu lima peserta qari dan lima peserta qariah bertanding di peringkat akhir, termasuk johan menunggu qari dan qariah tahun 2020.

Majlis turut menyaksikan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyampaikan hadiah kepada johan qari MTQBK Peringkat Akhir bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

persembahan tausyeh belia dari Kumpulan Firqah Al-Fannan, diikuti dengan pengumuman keputusan musabaqah, disampaikan oleh Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Musabaqah pada tahun ini menyaksikan seramai 97 peserta, iaitu 60 qari dan 37 qariah bertanding di peringkat saringan, pada 31 Mac 3 April 2021, manakala seramai 29 peserta, iaitu 15 qari dan 14 qariah bertanding di peringkat separuh akhir, pada 13 Jun lalu.

MTQBK merupakan program anjuran KKBS yang mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an dan berjaya melahirkan ramai qari dan qariah belia berkaliber, seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing, khususnya dalam bidang

pembacaan Al-Quran secara berlagu atau *tarannum*.

MTQBK menyasarkan belia-belia berumur di antara 15 hingga 30 tahun, bertujuan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1996M, pada 1 Jamadilakhir 1417 bersamaan 13 Oktober 1996.

Selain untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, ia juga untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia juga memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan juga sebagai persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyampaikan hadiah kepada johan qariah MTQBK Peringkat Akhir bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri.

PENERIMA VAKSIN BERSYUKUR DAPAT LINDUNGI DIRI

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Khamis, 24 Jun. - Warga emas yang sudah mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 melalui Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 menyeru lebih ramai lagi rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya mereka yang berisiko tinggi dan warga emas lainnya untuk mendaftar dan menempah slot bagi suntikan vaksin.

Rata-rata mereka berkata, orang ramai tidak perlu takut dan bimbang untuk mendapatkan suntikan vaksin, kerana para petugas kesihatan yang berkenaan akan memastikan terlebih dahulu para penerima adalah dalam keadaan baik dan vaksin itu adalah selamat.

"Saya tidak berasa apa-apa semasa jarum disuntik dan tidak berasa sakit. Justeru orang ramai tidak perlu berasa bimbang untuk

mendapatkan suntikan vaksin ini," demikian ujar Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu sejurus menerima suntikan vaksin dos pertama di Pusat Vaksinasi Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat turut meminta orang ramai untuk mendapatkan suntikan vaksin demi untuk melindungi diri sendiri dan orang ramai, di samping menyahut seruan kerajaan dalam sama-sama memelihara kesejahteraan negara dan rakyat daripada jangkitan COVID-19.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka

Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim yang turut menerima dos pertama suntikan vaksin COVID-19 melahirkan rasa syukur setelah mendapatkan suntikan tersebut.

Jelas Yang Berhormat, walaupun pada awalnya berasa ragu-ragu untuk mendapatkan vaksin memandangkan banyak mendengar atau membaca hal-hal yang kurang meyakinkan terhadap vaksin tersebut sebelum ini, namun setelah menerima suntikan vaksin tersebut, Yang Berhormat yakin ia memang selamat untuk digunakan.

"Saya menyeru orang ramai terutamanya warga emas yang masih ragu-ragu supaya tidak perlu berasa cemas dan takut untuk mendapatkan vaksin kerana ia sememangnya satu keperluan untuk kita menjaga diri kita daripada COVID-19, bukan sahaja diri sendiri malah untuk orang sekeliling, keluarga dan juga masyarakat," ujar Yang Berhormat yang kini berusia 74 tahun.

Tambah Yang Berhormat lagi, kita jangan mudah terus percaya dengan khabar-khabar angin yang kurang elok didengar sehingga membuatkan orang takut untuk mendapatkan vaksin, namun hakikatnya ia adalah bertujuan untuk melindungi diri kita semua.

Kajian-kajian saintifik menunjukkan warga emas adalah golongan yang mempunyai risiko lebih tinggi mendapat komplikasi yang lebih teruk daripada jangkitan COVID-19 dan suntikan vaksin COVID-19 dibuktikan boleh mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 bagi warga emas.

Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan dan memberikan keutamaan kepada warga emas untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Mereka dinasihatkan untuk



AHLI-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim (kiri) dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu (kanan) ketika ditemu bual.



membuat tempahan slot suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi BruHealth bagi mengelakkan menunggu lama, walau bagaimanapun, slot untuk *walk-in* masih disediakan dengan jumlah yang terhad. Warga emas juga ada disediakan ruang khas untuk membuat pendaftaran vaksinasi COVID-19.

Mereka yang hadir untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 mengikut jadual atau janji temu yang diberikan adalah

dikehendaki untuk memakai sungkup muka dan mengamalkan penjarakan sosial semasa beratur serta mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan yang bertugas di pusat-pusat vaksinasi.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 semasa waktu pejabat.

■ **ORANG** ramai tidak perlu takut dan bimbang untuk mendapatkan suntikan vaksin, kerana para petugas kesihatan yang berkenaan akan memastikan terlebih dahulu para penerima adalah dalam keadaan baik dan vaksin itu adalah selamat.

■ **KAJIAN-kajian** saintifik menunjukkan warga emas adalah golongan yang mempunyai risiko lebih tinggi mendapat komplikasi yang lebih teruk daripada jangkitan COVID-19 dan suntikan vaksin COVID-19 dibuktikan boleh mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 bagi warga emas.

Mohon keselamatan agar terpelihara daripada musibah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Dalam memohon ke hadirat ilahi agar Negara Brunei Darussalam sentiasa diberikan perlindungan dan terhindar daripada bala dan segala penyakit khususnya wabak COVID-19 dan seterusnya memohon keselamatan bagi semua pengguna jalan raya agar terpelihara daripada sebarang musibah, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Ratib Al-Attas dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohd. Asyraf bin Haji Bujang dan seterusnya mengepalai bacaan Ratib Al-Attas.

Dalam pada itu, MKKJR turut menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan. Pemandu-pemandu juga terus diseru untuk sentiasa mementingkan keselamatan

■ **Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

dengan memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik umpamanya brek, tayar, lampu dan sebagainya serta mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu di samping sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan dan tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan dengan harapan untuk


tiba ke destinasi masing-masing dengan selamat.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa yang



Hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Ratib Al-Attas dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah anjuran MKKJR ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Ringkasan Kes



KEMENTERIAN TENAGA SASAR CAPAI 30 PERATUS KAPASITI RE PADA 2035



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Pengasas Bersama Green Brunei ketika mempengerusikan simposium mengenai 'Net-Metering and Small-Scale Solar' dengan agenda tenaga yang boleh dibaharui.

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2021

BERAKAS, Khamis, 24 Jun. - Kementerian Tenaga mengadakan simposium mengenai 'Net-Metering and Small-Scale Solar' dengan agenda tenaga yang boleh dibaharui (*renewable energy* - RE) menjadi tumpuan utama

dalam Minggu Tema Tenaga bagi Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2021.

Simposium yang mengumpulkan pelbagai agensi, termasuk agensi-agensi kerajaan, akademik, pihak-pihak industri di sektor RE dan orang ramai diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Ia, antara lain menekankan akan peranan Net-Metering sebagai pemangkin perubahan ke arah tenaga yang lebih mampan dan bersih, yang dikuasakan oleh Sistem Photovoltaic (PV) Suria

berskala kecil.

Dipelopori oleh Kementerian Tenaga, Net-Metering diperkenalkan sebagai projek demonstrasi berskala kecil yang melibatkan peserta dari sektor kerajaan dan sektor kementerian.

Projek ini memberikan hasil positif, di mana para peserta mengalami pengurangan bil elektrik bulanan mereka. Perbincangan itu juga menyentuh penglibatan dan sumbangan belia dalam integrasi RE dalam menyokong agenda perubahan



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

iklim nasional.

Di bawah program Net-Metering, Sistem PV Suria berskala kecil diizinkan untuk dihubungkan ke grid nasional, yang memungkinkan pemiliknya mengeksport lebihan elektrik yang dihasilkan menuju ke grid. Ini membolehkan pemilik menggunakan penggunaan elektrik mereka, yang kemudian menyebabkan pengurangan bil elektrik.

Objektif simposium ini sejajar dengan Pelan Strategik 2020 - 2025 Kementerian Tenaga, di bawah 'Objektif Strategik 3 : Tenaga Hijau', bertujuan untuk mencapai keselamatan tenaga jangka panjang bagi Negara

Brunei Darussalam.

Di bawah Program Net-Metering, Kementerian berkenaan baru-baru ini menyelesaikan pemasangan 100kW Rooftop Solar PV di Pejabat Daerah Temburong.

Dalam usaha untuk mencapai masa depan yang digerakkan oleh tenaga yang lebih bersih, Kementerian Tenaga menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus kapasiti RE pada tahun 2035.

Program Net-Metering bersama dengan usaha pembaharuan tenaga yang lain adalah inisiatif pertama untuk mempercepatkan penggunaan teknologi RE berskala nasional.

Bincang hubungan rakan kongsi EU - ASEAN



MEWAKILI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Ahli-ahli MMN pada Dialog Parlimen Serantau European Parliament dan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly yang dihoskan oleh European Parliament. Juga hadir, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat (atas). Manakala gambar kiri, suasana pada mesyuarat tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri sebuah dialog Parlimen Serantau European Parliament dan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly yang dihoskan oleh European Parliament (EP) pada Selasa, 22 Jun 2021.

Sesi dialog tersebut dihadiri oleh delegasi daripada parlimen-parlimen negara ASEAN dan delegasi daripada parlimen-parlimen negara Eropah.

Mewakili MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi dan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Hadir bersama pada mesyuarat tersebut, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Sesi dialog tersebut membincangkan mengenai

hubungan Parlimen Eropah dan Parlimen AIPA sebagai rakan kongsi yang berpotensi dalam menyumbang ke arah perkembangan hubungan European Union (EU) dan ASEAN dan langkah strategik dalam mendukung dan menyertai perlaksanaannya.

Dua perkara utama diketengahkan semasa sesi dialog, iaitu mengenai langkah-langkah pengurangan (*mitigation*) daripada kesan negatif pandemik COVID-19 dan isu perkembangan

hubungan perdagangan antara EU dan ASEAN.

Negara Brunei Darussalam (NBD) menghargai hubungan perdagangan di antara EU dan ASEAN juga menyokong sepenuhnya perjanjian Comprehensive and Progressive Trans - Pacific Partnership (CPTPP) yang memberikan peluang besar dalam perdagangan dan pelaburan di rantau Pasifik dan Eropah.

NBD juga mengambil faedah daripada sumbangan EU di dalam menyalurkan

kapasiti tenaga manusia. Ini termasuklah juga pembangunan perkhidmatan *online digital* dalam meningkatkan pasaran syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SMEs) untuk lebih konsisten dalam kepelbagaian ekonomi.

Yang Berhormat juga membuat kenyataan tentang kepentingan amalan terbaik berdasarkan ASEAN Rules of Origin agar lebih telus dan teratur dalam memperkembangkan perdagangan di rantau Pasifik dan Eropah.

TUDB TERUS JALANKAN AMANAH DENGAN BERKESAN



PEMERINTAH Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim ketika menyampaikan ucapan pada Upacara Perbarisan sempena Hari Ulang Tahun TUDB Ke-55.

RIMBA, Khamis, 24 Jun. - Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) terus berkembang dengan memperoleh sistem pertahanan udara dan peralatan penerbangan yang membolehkan TUDB untuk terus memainkan peranan dan menjalankan amanah dengan berkesan.

Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim berkata, keberkesanan ini telah diuji di dalam beberapa operasi dan gerakan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di dalam dan di luar negara.

"TUDB terus memainkan peranan dalam membantu Task Force COVID-19 Kumpulan Bantu dengan memberikan bantuan tenaga manusia dan aset bagi mencapai hasrat kerajaan dan Kementerian Kesihatan dalam menangani dan membanteras wabak ini," ujarnya.

Pemerintah TUDB menjelaskan perkara tersebut semasa Upacara Perbarisan sempena Hari Ulang Tahun TUDB Ke-55 berlangsung di Pusat Gerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini.

Terdahulu, ujarnya, jika mengimbas kembali detik awal penubuhan TUDB 55 Tahun yang lalu dengan penubuhan Seksyen Helikopter yang telah mengambil alih tugas penerbangan daripada Syarikat Worldwide Helicopters, seksyen ini, yang kemudian menjadi Platun Helikopter, berperanan untuk memberi bantuan pengangkutan anggota tentera dan perubatan serta operasi mencari dan menyelamatkan.

Pada tahun ini tambahnya, sejarah telah dilakar apabila Pesawat Dron, Integrator Unmanned Aerial System (UAS) telah secara rasminya dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Intan ABDB yang lalu dan setelah sistem tersebut beroperasi sepenuhnya nanti, pengawasan udara akan dapat ditingkatkan dan akan memberikan tahap kesedaran situasi (*situational awareness*) yang diperlukan bagi mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Dari segi kawalan dan pentadbiran udara menurutnya lagi, bermula pada awal tahun ini, Military Flying Sectors dan Rimba Ground, Pangkalan Tentera Udara

Rimba telah ditubuhkan dan dikendalikan sepenuhnya oleh Kawalan Trafik Udara, Cawangan No. 3 dan usaha ini diharap bukan saja dapat memperkembangkan lagi kemampuan anggota TUDB tetapi juga dapat mengeratkan lagi usaha sama TUDB dengan Jabatan Penerbangan Awam ke arah mengukuhkan keselamatan penerbangan.

"Bagi memastikan kesinambungan kepada inisiatif perkembangan operasi, TUDB juga giat melaksanakan projek pembangunan keupayaan dan infrastruktur. Antara keupayaan yang telah dirancang perolehannya adalah Support Helicopter Phase B, Air Transport, Medium Range Air Defence dan Early Warning Radar System," ujarnya.

Menurutnya, pada masa yang sama usaha berterusan ke arah mengukuhkan kelestarian (*sustainability*) bagi menentukan ketersediaan aset-aset udara berada di tahap yang optimum dan selain dari itu kajian sedang dijalankan bersama Kementerian Pertahanan dengan pendekatan Whole of Ministry Approach bagi mengenal pasti kaedah yang lebih teratur dan berkesan bagi mencapai tahap ketersediaan aset.

Salah satu pencapaian tersebut tambah beliau adalah peningkatan dalam kebolehan membaik pulih beberapa komponen pesawat oleh anggota TEMD secara *in-house*.

"Dalam apa jua perolehan aset, ia tidak akan menjadi keupayaan tanpa anggota yang berkebolehan. Sistem dan kelengkapan yang canggih tidak akan dapat menggantikan bahagian yang paling penting dalam sebuah organisasi iaitu anggota. Dari itu penekanan sentiasa diberikan kepada kepentingan latihan dan kursus, baik di dalam mahupun di luar negara. Dalam pada itu, anggota TUDB telah berjaya mempamerkan kebolehan dan pencapaian yang cemerlang dalam meningkatkan mutu keupayaan TUDB dari semasa ke semasa.

"Antaranya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang telah selesai menjalani Flying Category Upgrade ke Combat Ready Co-pilot dan menjadi kerabat diraja yang pertama memimpin terbang lalu dengan Formasi Berlian (Diamond Formation) semasa perbarisan Sambutan Jubli Intan ABDB yang lalu," jelasnya.

UPACARA Perbarisan sempena Hari Ulang Tahun TUDB Ke-55 berlangsung di Pusat Gerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba.



PEMERINTAH TUDB ketika membuat pemeriksaan Kawalan Kehormatan pada upacara tersebut.

Beliau seterusnya menyatakan, baru-baru ini juga pegawai dan anggota TUDB telah pun menghadiri kursus bagi Projek UAS di Amerika Syarikat dan menjadi operator dan *maintainer* yang pertama bagi keupayaan ini.

Kemampuan anggota TUDB terangnya di dalam pelbagai kursus adalah sangat membanggakan yang mana anggota Tentera Udara bukan saja telah berjaya menjulang nama TUDB di dalam kursus-kursus yang dikendalikan di dalam negeri, mereka juga telah membawa nama TUDB ke persada antarabangsa.

Antaranya ujarnya menambah, seorang anggota TUDB telah dianugerahkan Penuntut Terbaik Keseluruhan bagi Kursus Basic Airborne di Republik Islam Pakistan pada tahun 2020 dan seorang pegawai juga telah dianugerahkan The Institute of Mechanical Engineers Trophy dan The Halahan Trophy untuk pencapaiannya sebagai Penuntut Terbaik Akademik dan Penuntut Terbaik Keseluruhan bagi Engineering Officer Foundation Training di

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

United Kingdom pada tahun 2019.

Beliau menambah, manakala pencapaian anggota TUDB di dalam negeri juga tidak terkecuali dalam mencapai kecemerlangan di mana anggota TUDB sering meraih tempat teratas dalam pelbagai kursus seperti kursus asas kerani, bidang teknikal, pertahanan udara mahupun bahasa Inggeris dan seterusnya, penglibatan TUDB di dalam penugasan misi pengaman dan pemantau melalui United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL), Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) dan International Decommissioning Body (IDB) di Republik Filipina adalah merupakan komitmen yang berterusan dalam meningkatkan keselamatan serantau dan antarabangsa, di mana pada ketika ini empat anggota Tentera Udara Diraja sedang mengikuti penugasan misi-misi tersebut.

Dengan pencapaian ini, beliau berharap agar para pegawai dan

anggota TUDB akan sentiasa menunjukkan komitmen untuk menjadikan TUDB sebagai barisan pertahanan yang mantap, selaras dengan nilai-nilai teras TUDB iaitu Service Above Self, Teamwork dan Excellence.

Perbarisan dimulakan dengan menerima Tabik Hormat Panglima dan pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh Pemerintah TUDB.

Perbarisan tersebut diketuai oleh Mejar (U) Pengiran Abdul Aziz bin Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Wahab diikuti dengan Kapten (U) Abdul Hakim bin Haji Yahya selaku Ketua Kontinjen Kumpulan Gerakan dan Leftenan (U) Md. Hafiy Mahdi bin Marzuki selaku Ketua Kontinjen Kumpulan Bantu.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama TUDB, Awang Said bin Haji Yusop dan acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan acara pemotongan kek.



SALURKAN MAKLUMAT BERMANFAAT



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini ketika menyampaikan maklumat pada Program Sua Muka atau 'Personal Contact' bersama penduduk dari Kampung Luagan Dudok, Tutong (kiri), manakala gambar kanan, suasana pada program tersebut yang dihadiri oleh penduduk setempat yang diadakan di Pusat Kemasyarakatan Luagan Dudok.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 24 Jun. - Dalam usahanya untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dan membarigakan maklumat dan program juga perkembangan dan kemajuan mukim melalui akhbar Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Sua Muka atau 'Personal Contact' ke Kampung Luagan Dudok, Mukim Keriam, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Luagan Dudok.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, antara lain mengongsikan, cara pencegahan penularan COVID-19 dengan sentiasa mengamalkan kebersihan dan mengikut nasihat

dan garis panduan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Juga dikongsikan mengenai penyebaran maklumat palsu yang boleh diambil tindakan di bawah perundangan Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34, iaitu bagi sesiapa yang sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000 serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1), iaitu sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubhat untuk menjalankan hasutan, mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual,

mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; juga membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbentuk hasutan. Mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000.

Turut menyampaikan taklimat ialah Dayang Hajah Ilyasuriani binti Dato Paduka Haji Hamdani, iaitu Pengurus Sistem dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengenai portal e-Darussalam dan Talian Darussalam 123 (TD123).

Semasa Program Sua Muka tersebut, antara isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung ialah berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam. Program juga turut diisi dengan pameran dan aktiviti-aktiviti daripada Majlis Perundingan Kampung Luagan Dudok serta penduduk kampung berkenaan.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KUMPULAN BERISIKO TINGGI YANG DIGALAKKAN UNTUK DI VAKSINASI
HIGH-RISK GROUPS RECOMMENDED FOR VACCINATION

tekanan darah tinggi
high blood pressure

penyakit buah pinggang kronik
chronic kidney disease

penyakit jantung
heart disease

penyakit paru-paru (contohnya)
lung disease (e.g. asthma)

penyakit kanser yang stabil
stable cancer patients

strok/angin ahmar
stroke

kencing manis
diabetes

kolesterol tinggi
high cholesterol

obesiti BMI > 40
obesity BMI > 40

Sebarang pertanyaan, sila dapatkan nasihat daripada Doktor/Jururawat yang bertugas atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148
For any enquiries, please seek advice from a Doctor/Nurse on duty or call Health Advice Line 148

www.moh.gov.bn | f | i | c | 148

WEB - PDI berkolaborasi melaksanakan Program KAMIL



Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan WARGAMAS Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Pimpinan Pertubuhan WARGAMAS Brunei (WEB) mengadakan mesyuarat khas bersama Pimpinan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bagi merancang dan melaksanakan Program KAMIL, iaitu program mengenai ehwal Kebajikan, Amali, Muhasabah, Istiqamah dan Lutan, yang diadakan pada 21

Jun 2021, bertempat di PDI.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Dipertua WEB, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don menjelaskan bahawa tujuan mesyuarat khas tersebut adalah bagi membuat follow-up dan follow through terhadap Program Kolaborasi Keugamaan (PKK) yang telah dirasmikan pelancarannya oleh Yang

YANG Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei (dua, kanan) pada mesyuarat khas tersebut bersama Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (tengah) .

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada 9 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 22 April 2021 Masihi.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Yang Dipertua WEB dibuat pada hari yang sama.

Kedua-dua belah pihak, iaitu KHEU dan WEB akan bekerjasama dan berkolaborasi dalam melaksanakan tiga program utama yang merangkumi Program MKAQ (Majlis Khatam Al-Quran); Program KAMIL (Kebajikan, Amali, Muhasabah, Istiqamah dan Lutan); dan Program BKWE (Bantuan Kebajikan Warga Emas).

Program tersebut akan dilaksanakan untuk jangka masa pendek (tiga tahun) dan jangka masa panjang (lima tahun) mengikut keutamaan dan keperluan. Tujuannya adalah untuk

mengajak dan membawa warga emas mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, menimba dan bertukar-tukar ilmu, membuat kajian untuk memohon bantuan kebajikan warga emas, termasuk ibu-ibu tunggal juga untuk memenuhi keperluan kehidupan dengan amal ibadah dan amal kebajikan bagi persiapan juga bekalan akhirat.

Sehubungan itu, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh menyambut baik rancangan PKK yang dirancang oleh WEB dan dipersetujui oleh KHEU melalui penandatanganan MoU yang dibuat.

PDI akan memberikan kerjasama yang pandu bagi menjayakan PKK tersebut, di mana Pengarah PDI turut menjelaskan, Program KAMIL merupakan salah satu program dalam PKK mempunyai hubungan kait dengan PDI.

Oleh itu, perancangan jangka pendek dan jangka panjang akan disusun mengenaikannya agar mencapai matlamat dan sasaran WEB dan PDI. PDI akan memberikan kerjasama bantuan dalam bidang menguasai dan memperbaiki ehwal amali ibadah, khususnya sembahyang bagi warga emas dan lain-lain yang sangat berguna dan berfaedah bagi persiapan alam akhirat.

Rancangan Berdakwah Ke Pedalaman juga akan disusun bersama bagi memberi peluang kesempatan kepada Ahli-ahli WEB

untuk sama-sama mengalami keindahan dan susah senang berdakwah di kawasan pedalaman, sekali gus memberi pengalaman warga emas bagi sama-sama menyemarakkan dan mengindahkan lagi dakwah islamiah di Negara Brunei Darussalam.

Penolong Pengarah PDI turut menyatakan, bagi menjayakan Program KAMIL, maka bahagian-bahagian yang terdapat di PDI akan merangka dan menyusun Program Khas Amali Ibadah dan Program Berdakwah Ke Pedalaman juga Program Ceramah, Motivasi Kebajikan, Muhasabah dan Istiqamah secara berperancangan.

Timbalan Yang Dipertua WEB juga turut menjelaskan bahawa Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) WEB melalui Setiausaha Agung WEB dengan kerjasama Biro Keugamaan WEB juga membentuk Team 1 PKK - Program KAMIL.

Yang Dipertua WEB berharap agar kumpulan tersebut dapat memberikan kerjasama yang padu kepada PDI dalam merancang, mengurus dan menjayakan Program KAMIL.

Adalah diharapkan agar Ahli-ahli WEB seramai 902 orang dan Ahli-ahli MKAQ seramai 1,100 orang dapat mengikuti Program KAMIL secara bergilir-gilir dan bertahap untuk jangka pendek dan jangka panjang.



Tanggungjawab dan keprihatinan masyarakat dalam mencegah kegiatan pengedaran dadah

penyalahgunaan dadah. Pengedaran dan penyalahgunaan dadah adalah di antara punca berlakunya penyakit sosial dan kian menular serta mendatangkan kerosakan kepada individu, masyarakat mahupun negara.

Individu yang sudah terjebak dengan penyalahgunaan dadah akan sukar untuk mengawal diri dan akan melakukan perkara-perkara yang melanggar tatasusila, hukum agama dan juga undang-undang negara, demi untuk mendapatkan bekalan dadah seperti menipu, mencuri, mencederakan orang hatta sehingga membunuh dan seumpamanya.

Di samping itu, penyalahgunaan dadah juga memberi kesan yang tidak baik kepada keluarga, antaranya rumah tangga menjadi porak-peranda, anak-anak menjadi terbiar dan pelajaran anak-anak juga terjejas.

Selain itu, aktiviti dan penyalahgunaan dadah sekiranya dibiarkan berleluasa maka ia akan memberi kesan dan impak yang buruk terhadap masyarakat dan juga negara seperti mengakibatkan kadar jenayah serta isu-isu sosial semakin meningkat yang akhirnya akan menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat dan juga bernegara.

Perlu diketahui, bahawa penyalahgunaan dadah itu berpunca dari beberapa perkara, antaranya :

Pertama : Kurang pengetahuan dan penghayatan agama.

Kedua : Kurang kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Ketiga : Pengaruh rakan sebaya.

Keempat : Sikap ingin tahu dan ingin mencuba.

Agama Islam sangat mementingkan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah dari berlakunya pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini, antara agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal pembanteras penyalahgunaan dadah terkawal di Negara Brunei Darussalam ialah

Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Sebagaimana yang kita ketahui, tanggungjawab utama pihak BKN adalah untuk menguatkuasakan undang-undang yang berhubung kait dengan dadah di negara ini, usaha-usaha BKN dalam menguatkuasakan undang-undang ini akan menjadi lebih berkesan dan hanya akan berjaya mencapai tujuan dan maksudnya sekiranya mendapat sokongan padu daripada masyarakat kerana masalah dadah adalah sebahagian dari gejala sosial yang boleh mengancam masa depan negara. Justeru, adalah penting agar masyarakat berganding bahu dan membantu pihak BKN membanteras kegiatan sindiket dadah yang berlaku dalam negara ini.

Oleh yang demikian, kita menjunjung dan menaati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31, Tahun 1436 Hijrah bersamaan 2015 Masihi, antara lain baginda mengurniakan titah bahawa :

"Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu," demikian baginda bertitah.

Selaku masyarakat, kita hendaklah saling bekerjasama dan tidak bersikap lepas tangan ataupun *camah* mata iaitu sekadar memerhatikan berlaku kemungkaran di sekeliling kita dan juga di sekitar kita. Perlu diingat, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala melaknat orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mencegah kemungkaran sedangkan mereka berkuasa atau mampu untuk melakukannya. Daripada Huzaifah bin Al-Yaman Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda :

Maksudnya : "Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, kamu harus melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar atau jika tidak, maka Allah akan mengirimkan seksa, kemudian kamu berdoa dan tidak diterima oleh Allah bagimu". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sebagaimana yang kita maklum, bahawa pada tarikh 26 Jun setiap tahun telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. Tema Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini ialah 'Amar Makruf Nahi Mungkar : Tanggungjawab dan Keprihatinan Masyarakat dalam Mencegah Kegiatan Pengedaran Dadah'. Tema ini dipilih dengan pengkhususan perhatian kepada sindiket dadah rangkaian keluarga.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta berusaha mengawal serta mencegah daripada memusnahkan anak bangsa kita. Selaku masyarakat, kita hendaklah sentiasa bersatu hati dan bersatu padu serta sentiasa peka dengan apa yang berlaku di sekeliling kita, keluarga dan anak-anak kita serta masyarakat umumnya dalam usaha kita membanteras penyalahgunaan dadah. Iaitu dengan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dengan mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan demikian, Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi dan menyelamatkan kita, bangsa kita dan juga negara kita daripada segala perkara yang keji dan mungkar. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang makruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan". (Surah Ali-Imran, ayat 104)

Cahaya Islam terus bersinar



PENOLONG Pengarah PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar (kiri) ketika menyampaikan cenderahati kepada Muhammad Dhani bin Abdullah Jau.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BENGKURONG, Jumaat, 25 Jun. - Seorang lelaki berbangsa Iban melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman, yang berlangsung di sebuah rumah persendirian, di Kampung Bengkurong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz ikrah Islam, iaitu dua kalimah syahadah oleh Awang Tony anak Jau di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), PDI.

Awang Tony anak Jau yang berumur 31 tahun, berbangsa Iban, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Dhani bin

Abdullah Jau.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada mualaf berkenaan yang disempurnakan oleh Penolong Pengarah PDI.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada yang diraikan, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif.

Mengikut statistik keramaian orang yang telah memeluk Islam di Negara Brunei Darussalam sepanjang tahun 2019, secara keseluruhannya ialah seramai 349 orang, manakala sepanjang tahun 2020 ialah seramai 436 orang dan keramaian yang didaftarkan memeluk Islam sejak awal tahun 2021 ialah seramai 180 orang.

JUGA hadir, Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan (kanan dan atas kanan).



TANGGUNGJAWAB DAN KEPRIHATINAN MASYARAKAT DALAM MENCEGAH KEGIATAN PENGEDARAN DADAH

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 14 Zulkaedah 1442H/25 Jun 2021M


 جيلان حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGEDARAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH



- Membawa kepada kerosakan
- Antara punca penyakit sosial
- Mendatangkan kerosakan dan kesan tidak baik kepada:



Individu



Keluarga



Masyarakat



PUNCA PENYALAHGUNAAN DADAH

- Kurang pengetahuan dan penghayatan agama
- Kurang kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah
- Pengaruh rakan sebaya
- Sikap ingin tahu dan ingin mencuba



APA YANG KITA BOLEH BUAT?

- ✓ Membantu pihak Biro Kawalan Narkotik membanteras kegiatan sindiket dadah
- ✓ Meningkatkan kesedaran terhadap bahaya dadah
- ✓ Sentiasa peka dengan apa yang berlaku disekeliling kita
- ✓ Mentaati perintah Allah dan menjauhi laranganNya

HARI ANTARABANGSA MENENTANG PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH HARAM

26 Jun setiap tahun

Tema:

**"Amar Makruf Nahi Mungkar:
Tanggungjawab dan Keprihatinan
Masyarakat dalam Mencegah Kegiatan
Pengedaran Dadah"**

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

DARI MAHKAMAH

Didenda miliki barang tegahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Seorang lelaki tempatan di denda BND34,000 atau empat bulan penjara setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan memiliki barang tegahan.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret hari ini juga menetapkan tempoh denda ke atas Lisa bin Husain sehingga 30 Disember 2021.

Lisa bin Husain yang telah bersara di dakwa memiliki 49 karton rokok berbagai jenama. Dia ditangkap oleh Pegawai Pencegah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) Cawangan Bandar Seri Begawan semasa di Kawasan Kampung Wasan, Jalan Limau Manis pada 26 Mei 2021. Kesemua barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JKED, Awangku Muhammad Afiq bin Pengiran Haji Nordin di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Dadah : Kes disebut semula, 1 Julai

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Jun. - Perbicaraan awal terhadap seorang lelaki, warga tempatan, Awang Mas Fadillah bin Ibrahim yang disyaki terlibat di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah di teruskan di Mahkamah Majistret.

Pihak Pendakwa Raya telah menghadapkan bukti di hadapan Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman bagi menentukan sama ada bukti mencukupi untuk di bicarakan di Mahkamah Tinggi.

Awang Mas Fadillah, berumur 32 tahun, didakwa terlibat di dalam aktiviti pengedaran dadah di Flat Kerajaan, Kampung Sinarubai.

Defendan telah dihadapkan dengan tuduhan memiliki dadah terkawal, iaitu dadah kelas 'A' Methylamphetamine, iaitu sebanyak 809.89 gram bagi tujuan mengedar dan jika didapati bersalah, defendan boleh dihukum gantung hingga mati, di bawah Seksyen 3A bagi Akta Penyalahgunaan Dadah Bab 27.

Majistret Kanan Hajah Azrimah juga menetapkan kes itu disebut semula pada 1 Julai 2021, jam 2.00 petang.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suriana binti Haji Radin dan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Husna binti Haji Abidin manakala Pengiran Mohammad Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dari Yusof Halim & partners mewakili pihak defendan.

TINGKATKAN KESEDARAN BAHAYA MAKLUMAT TIDAK BETUL



PELAJAR-pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) diberi peluang untuk memainkan Harmony Square, iaitu permainan baharu dalam talian bagi membantu meningkatkan lagi akan kesedaran tentang bahaya maklumat tidak betul dalam talian (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Kedutaan Besar Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam memberi peluang kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) untuk memainkan Harmony Square, iaitu permainan baharu dalam talian untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya maklumat tidak betul dalam talian (*online disinformation*).

Seramai 69 pelajar Tahun 10 menyertai permainan tersebut yang bertujuan untuk membantu pelajar mengenal pasti teknik manipulasi dalam talian yang biasa untuk menimbulkan kemarahan (*trolling*), mengeksploitasi bahasa emosi untuk menimbulkan kemarahan dan prestasi atau meningkatkan jangkauan menggunakan bot dan pengikut palsu yang menyebarkan maklumat di ruang maya.

Pegawai Hal Ehwal Awam (PAO) Kedutaan AS, Jeff Barrus dalam ucapan alu-aluannya berkata, kerana orang muda menghabiskan lebih banyak

masa dalam talian, mereka perlu meningkatkan kemahiran literasi digital mereka agar tidak menjadi mangsa maklumat dan penipuan.

"Matlamat permainan ini adalah untuk mendedahkan taktik dan teknik manipulasi yang digunakan untuk menyesatkan orang, membangun pengikut, atau memanfaatkan ketegangan masyarakat untuk tujuan politik," tambahnya.

Bermain permainan tersebut, jelasnya, dapat membantu pelajar memahami bagaimana maklumat tidak betul berfungsi supaya mereka lebih mampu melihatnya di dunia nyata.

Program berlangsung di Makmal Komputer dan Makmal Bahasa sekolah tersebut turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah Menengah YSHHB, Dayang Chong Li Chen.

Harmony Square dicipta oleh ahli psikologi Universiti Cambridge dengan sokongan dari Pusat Penglibatan Global Jabatan Negara Amerika Syarikat, dan Agensi Keselamatan Siber dan Keselamatan Infrastruktur (CISA), Jabatan Keselamatan Dalam

Negeri AS.

Permainan didasarkan kepada 'teori inokulasi', iaitu idea bahawa mendedahkan orang kepada 'dosis' lemah teknik biasa yang digunakan untuk menyebarkan berita yang dimanipulasi, membolehkan mereka mengenal pasti dan mengabaikan maklumat yang salah ketika mereka mengalaminya pada masa depan.

Turut diselitikan selepas permainan ialah taklimat kepada pelajar mengenai peluang pendidikan tinggi di AS dan mendorong mereka untuk mula mendaftar di Universiti AS oleh Penasihat EducationUSA, Dayang Mayra Robles.

Education USA adalah rangkaian Jabatan Negara AS yang mempunyai lebih daripada 430 pusat penasihat pelajar antarabangsa lebih daripada 175 negara dan wilayah.

Rangkaian tersebut mempromosikan pendidikan tinggi AS kepada pelajar di seluruh dunia dengan menawarkan maklumat yang tepat, komprehensif dan terkini mengenai peluang belajar di institusi pasca-menengah di AS.

Jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu





Sekilas info JPA

Fakta 27

PADA tahun 2017, sistem pengurusan prestasi baharu Perkhidmatan Awam melalui pembaharuan bagi mempertingkatkan lagi budaya berasaskan prestasi (*performance-based culture*) dalam Perkhidmatan Awam. Pengemaskinian ini mengambil kira perkembangan serta keperluan untuk sentiasa menambah baik sistem pengurusan prestasi yang dipraktikkan dalam Perkhidmatan Awam. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 3/2019.

Fakta 28

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perkembangan dan kemajuan Pegawai-Pegawai Pentadbir di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS), manakala pengambilan diuruskan bersama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei adalah merupakan salah satu skim perkhidmatan yang tertua sejak awal sistem pentadbiran Residen British dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam Skim BAS ini dikenali sebagai Pegawai Pentadbir. Skim ini mula diperkenalkan semasa zaman pentadbiran Residen British untuk membolehkan kerajaan pada masa itu untuk mengambil anak atau penduduk tempatan bagi membantu dalam memastikan adat tempatan terpelihara dan isu-isu tempatan dapat ditangani tanpa menyebabkan sebarang persalahfahaman di antara pentadbiran dan rakyat. Mengikut laporan-laporan tahunan Brunei 1907 hingga 1920, Pegawai-Pegawai Pentadbir juga dilatih sebagai majistret untuk menjalankan pentadbiran di daerah dan menangani kes-kes mahkamah yang kecil.

Setakat Mei 2021, terdapat seramai 114 pegawai Perkhidmatan Awam di bawah Skim BAS, yang mana terdiri daripada 75 Pegawai Pentadbir lelaki dan 39 Pegawai Pentadbir wanita.

Fakta 29

Penglibatan jumlah wanita dalam Perkhidmatan Awam pun sudah meningkat sejak 1984. Kini, pegawai dan kakitangan wanita telah pun dilantik dalam semua peringkat. Peningkatan jumlah wanita dalam Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) juga telah meningkat lebih dua kali ganda dari 16 orang pada tahun 2012 ke 39 orang setakat Mei 2021.

Kaedah jawatan-jawatan yang dijabat oleh wanita telah pun dikemaskinian untuk membuka lebih banyak peluang yang adil bagi wanita dan cuti beranak telah pun ditambah daripada 56 hari kepada 105 hari.

Peraturan lama di bawah Bab 30, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 yang pada dahulunya menyatakan pegawai dan kakitangan wanita (dalam Perkhidmatan Tetap) boleh dikehendaki berhenti bekerja selepas berkahwin, tetapi boleh diambil berkhidmat semula secara Sebulan Ke Sebulan (SKS) telah ditiadakan.

Mulai 13 Disember 2018, perkhidmatan SKS ditiadakan bagi pegawai dan kakitangan perempuan yang berkahwin dan dimasukkan ke dalam Perkhidmatan Tetap di bawah Skim TAP dan SCP. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2009.

Fakta 30

Skim anugerah Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah merupakan sebahagian daripada kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang dihulurkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada warga Perkhidmatan Awam dalam bentuk program asuhan dan bimbingan bagi meningkatkan kapasiti, keupayaan dan kompetensi warganya agar dapat menyumbang ke arah pengukuhan Perkhidmatan Awam yang lebih cemerlang serta bangsa dan negara yang maju dan sejahtera.

Skim ini dibukakan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari dua tahun perkhidmatan yang memenuhi syarat-syarat penganugerahan yang berkuatkuasa. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 6/2017.

Ikuti maklumat mengenai JPA dan aktiviti-aktiviti sempena Hari Ulang Tahun JPA Ke-50, iaitu Jubli Emas JPA.
#JPA50 #50FactsFor50Years

KEPENTINGAN PENGENDALIAN SISA BUANGAN ELEKTRIK, ELEKTRONIK



SISA-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) mengandungi bahan-bahan yang berbahaya dan memerlukan tatacara pembuangan yang betul dan selamat (atas), manakala gambar bawah, antara barangan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) yang tidak lagi digunakan.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Ihsan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Pembuangan sisa elektrik dan elektronik (e-Waste) bukan di tempat yang dikhaskan seperti pembuangan sampah yang tidak teratur dan secara haram adalah sangat membimbangkan dan boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar. Ini kerana sisa-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) mengandungi bahan-bahan yang berbahaya dan memerlukan tatacara pembuangan yang betul dan selamat.

Sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) adalah bahan buangan alat-alat elektrik dan elektronik yang tidak lagi digunakan seperti televisyen, telefon bimbit, komputer, radio, peti sejuk, periuk nasi, gelombang mikro (*microwave*), penghawa dingin dan lain-lain lagi.

Pada 14 Oktober 2018, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) mengadakan inisiatif Hari Kitar Semula bagi sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) di tiga daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait. Tujuan inisiatif ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kaedah pembuangan bahan elektrik dan elektronik (e-Waste) yang betul dan selamat dan seterusnya menggalakkan orang ramai untuk

melakukan kaedah mesra alam ini melalui syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan kitar semula.

Terdapat dua tempat pengumpulan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) yang disediakan oleh JASTRe, iaitu di Stesen Pindah Sungai Akar untuk orang awam dan Tapak Pelupusan Sungai Paku bagi agensi-agensi kerajaan.

Di samping itu juga, terdapat beberapa buah syarikat kitar semula yang berdaftar di bawah JASTRe yang boleh menerima sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste). Orang ramai juga boleh memilih untuk menghantar sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) mereka kepada syarikat-syarikat yang terdaftar di jabatan tersebut. Senarai syarikat-syarikat tersebut boleh diperoleh dari laman sesawang jabatan berkenaan. Selain memberikan perkhidmatan kitar semula, syarikat-syarikat tersebut juga menyediakan kemudahan pengambilan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) dari rumah ke rumah terpulung pada jumlah berat bagi sisa tersebut.

Pembuangan sisa-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) di Stesen Pindah Sungai Akar ini adalah percuma, orang ramai hanya perlu menghantar sisa buangan elektrik dan elektronik

(e-Waste) ke tempat yang disediakan ataupun dengan menghubungi syarikat kitar semula untuk perkhidmatan pengambilan dengan membuat perjanjian awal dengan syarikat tersebut terlebih dahulu.

Setelah sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) ini dikumpulkan, syarikat kitar semula akan menjalankan tugas mereka dengan mengasingkan komponen-komponen yang terdapat dalam peralatan-peralatan sisa-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) tersebut sebelum dieksport ke luar negara.

Jika ada syarikat-syarikat atau mana-mana pihak-pihak yang didapati membuang sisa-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) secara haram dan tidak teratur, pihak JASTRe akan mengambil tindakan terhadap pelaku berkenaan. Mereka boleh dikenakan denda atau kompaun sebanyak BND100 hingga BND500.

Untuk membantu meningkatkan kesedaran terhadap orang ramai mengenai kepentingan pengendalian sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) ini, JASTRe menggunakan platform media sosial seperti Instagram dan baru-baru ini juga telah mengadakan Jerayawara Hari Alam Sekitar Sedunia dengan tema 'Ke Arah Mencapai Negara Eko' untuk memberi maklumat tentang alam sekitar dan juga maklumat-maklumat mengenai Jabatan tersebut.

Dalam era teknologi yang semakin maju ini, untuk menangani isu-isu pembuangan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) yang berpotensi akan meningkat, orang ramai adalah disarankan untuk mengurangkan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) dengan menggunakan barang-barang elektrik dan elektronik ini secara berhemah dan berteladan. Jadilah seorang pengguna yang bijak, dan mengamalkan cara hidup yang lestari dan bertanggungjawab.

Pihak kerajaan (JASTRe) berharap dengan adanya tempat pengumpulan khas dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk sisa-sisa buangan elektrik dan elektronik (e-Waste), orang ramai akan dapat menggunakannya dengan baik dan peka mengenai pentingnya cara-cara pembuangan yang teratur. Seluruh Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam perlu bertanggungjawab untuk sama-sama memastikan dan mengamalkan sikap menjaga kebersihan negara supaya negara ini kekal bersih, hijau dan selamat demi menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai e-Waste dan mana-mana perkhidmatan alam sekitar bolehlah melayari Laman Sesawang JASTRe, iaitu www.env.gov.bn ataupun layari laman Instagram mereka iaitu @jastre.bn.

KEMALANGAN : PEMANDU KENDERAAN DISARAN TAMPIL SEGERA



INSIDEN kemalangan yang melibatkan sebuah kenderaan dan motosikal yang berlaku di kawasan Kampung Salambigar berdekatan Gedung Serbaneka Fayze, Jalan Muara.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dengan bantuan pihak paramedik bertugas.

Walau bagaimanapun, pihak polis pada ketika ini sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti pemandu kenderaan yang terlibat dan disarankan untuk tampil segera ke Balai Polis Berakas bagi membantu siasatan.

Juga dipohonkan kepada orang ramai yang menyaksikan insiden berkenaan agar dapat mengongsikan sebarang maklumat bagi membantu melancarkan lagi proses penyiasatan pihak polis.

Di samping itu juga, dinasihatkan kepada para pengguna jalan raya, sepertimana peruntukan yang ditetapkan di bawah Seksyen 34 (1) Penggal 68 untuk memberikan tempoh selama tujuh hari bagi para pemandu yang terlibat dalam sebarang kemalangan untuk memberikan maklumat kepada pihak berwajib dan jika gagal hukuman denda akan dikenakan sebanyak BND4,000 dan pemenjaraan selama enam bulan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SALAMBIGAR, Khamis, 24 Jun. - Satu insiden kemalangan yang melibatkan sebuah kenderaan dan motosikal berlaku pada Selasa, 22 Jun 2021 sekitar jam 7.21 malam, bertempat di kawasan Kampung Salambigar berdekatan Gedung Serbaneka Fayze, Jalan Muara.

Hasil daripada siasatan awal

keanggotaan penyiasat Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjelaskan punca insiden kemalangan dipercayai daripada pemanduan semasa hendak memasuki persimpangan jalan kawasan tersebut.

Dalam kejadian tersebut penunggang motosikal mendapat kecederaan dan dikejarkan ke

Peluang mempelajari asas bahasa Arab

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



KURSUS ARAB

BELAJAR BAHASA ARAB

MARI BELAJAR BAHASA AL-QUR'AN (MBBQ)
YURAN : MBBQ - \$80 BAGI SETIAP MODUL

- MBBQ I(A) : KURSUS AL-TAMHIDI
- MBBQ I(B) : KURSUS PENGENALAN (AL-MUSTADI)
- MBBQ II : KURSUS PERTENGAHAN (AL-MUTAWASSIT)
- MBBQ III : KURSUS LANJUTAN (AL-MUTAQADDIM)

PROGRAM KEMAHIRAN BAHASA AL-QUR'AN
YURAN : PKBQ - \$140 BAGI SETIAP MODUL

- PKBQ I & II : MENDENGAR & BERTUTUR
- PKBQ III & IV : MENULIS & MEMBACA

PROGRAM TATABAHASA BAHASA AL-QUR'AN
YURAN : PTBQ - \$140 BAGI SETIAP MODUL

- PTBQ I
- PTBQ II



UNTUK PENDAFTARAN
SCAN ME

13 TARIKH MULA PROGRAM
OGOS 2021

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN
22 JULAI 2021

TEMPOH PROGRAM
DURASI : 8MINGGU BAGI SETIAP MODUL
SETIAP HARI JUMAT ATAU / DAN AHAD
JAM 8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

246 2000 ext 204202
+6734254374 (Telefon / Whatsapp)
C4L@unissa.edu.bn
www.unissa.edu.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) membukakan pendaftaran bagi Kursus Belajar Bahasa Arab bagi sesi Ogos 2021 kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia serta orang ramai yang berminat.

Adapun tujuan Kursus Belajar Bahasa Arab ini diadakan ialah bagi membuka peluang kepada orang ramai untuk mempelajari asas bahasa Arab yang merupakan bahasa Al-Quran.

Untuk makluman orang ramai, Kursus Belajar Bahasa Arab ini akan diadakan selama 12 minggu bagi Mari Belajar Bahasa Al-Quran (MBBQ) dan lapan minggu bagi Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (PKBQ), dan Program Tatabahasa Al-Quran (PTBQ) pada setiap Jumaat dan Ahad.

Yuran pendaftaran bagi MBBQ adalah BND80 (bagi setiap seorang peserta) manakala PKBQ dan PTBQ ialah sebanyak BND140 (bagi setiap seorang peserta).

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui pautan <https://bit.ly/C4LKBBQ> dan tarikh tutup pendaftaran bagi program ini ialah pada Khamis, 22 Julai 2021.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi PKPSH, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 202 / 204 atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.

Guru diseru dapatkan vaksin

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin mengalu-alukan para guru untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Sehubungan itu, bagi memudahkan proses suntikan vaksin COVID-19 dan mengelakkan kesesakan di pusat-pusat vaksinasi dan untuk keselesaan serta agar tempoh masa menunggu tidak lama, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama orang ramai untuk membuat tempahan slot bagi suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi BruHealth.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Pentingnya mengetahui tindakan menghadapi kebakaran



PESERTA-peserta Kursus Fire Marshal ketika diajar tatacara penggunaan alat pemadam api dengan betul dan menyelamatkan diri ketika kecemasan (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

TEMBURONG, Rabu, 23 Jun. - Seramai 25 orang kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dari Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Pekan Bangar mengikuti Kursus Fire Marshal dari 21 hingga 23 Jun 2021, bertempat di Dewan Muafakat, Jabatan Daerah Temburong, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'G', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai punca-punca berlakunya kebakaran; mengetahui tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat pengosongan bangunan secara bersistematik; tatacara penggunaan alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul; tatacara untuk menyelamatkan diri daripada terperangkap di dalam bangunan apabila berlakunya kebakaran; dan lawatan ke Balai Bomba Bangar bagi mengetahui fungsi bomba serta mengenali perkakas dan peralatan bomba.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, LS995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.



PENDAFTARAN PROGRAM TALAQQI TILAWAH AL-QURAN BERSANAD DIBUKAKAN

قُرْأَنُكُمْ تِلَاقِّي تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِرِسْنَدٍ

PROGRAM TALAQQI TILAWAH AL-QURAN BERSANAD

ANJURAN:
PUSAT
KEPIMPINAN DAN
PEMBELAJARAN
SEPANJANG
HAYAT

**DENGAN
KERJASAMA:**
FAKULTI USULUDDIN
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI

OBJEKTIF:

- Memberi peluang kepada masyarakat awam untuk belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan musyafahah.
- Meningkatkan kualiti dan mutu bacaan para peserta.

TARIKH MULA PROGRAM:
13 OGOS 2021
JUMAAT

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN:
17 JULAI 2021

PROGRAM BERTEMPAT DI:
KAMPUS
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Fakulti Usuluddin membukakan pendaftaran bagi Program Talaqqi Tilawah Al-Quran Bersanad (PTTA) bagi sesi Ogos 2021 kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia juga orang ramai yang berminat.

Adapun tujuan PTTA ini diadakan ialah memberi peluang kepada masyarakat awam untuk belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan Musyaffahah juga meningkatkan kualiti dan mutu bacaan para peserta.

Untuk makluman orang ramai, PTTA ini akan diadakan setiap Jumaat atau Ahad, mulai 2.30 petang hingga 5.30 petang. Yuran pendaftaran adalah sebanyak BND250 (bagi setiap modul) bagi setiap peserta.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <https://bit.ly/TALAQQI01>. Tarikh tutup pendaftaran bagi program ini ialah pada Sabtu, 17 Julai 2021, jam 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 202 atau 204 atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

WhatsApp icon +673 7371961 Instagram icon Facebook icon PSC.BN Email icon query@spa.gov.bn

Sila hubungi pada waktu Pejabat sahaja. (Isnin - Khamis dan Sabtu)
Kindly contact us during office hours (Monday - Thursday and Saturday)

UNISSA tawar Program Tadabbur Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai bagi sesi bulan Ogos 2021 Masihi.

Program Tadabbur Al-Quran bagi sesi Ogos ini akan diadakan selama enam minggu, iaitu pada setiap Ahad, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit), bertempat di kampus UNISSA.

Adapun tujuan Program Tadabbur Al-Quran ini khusus diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan pada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Ini selaras dengan konsep

Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh melayari pautan di <https://bit.ly/PTQC4L> dan tarikh akhir pendaftaran adalah pada Sabtu, 24 Julai 2021, jam 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi PKPSH, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 204 atau 202 atau melayari laman sesawang www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.

قُرْأَنُكُمْ تِلَاقِّي تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ
PROGRAM TADABBUR AL-QUR'AN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TEMPOH PROGRAM
6 MINGGU (SETIAP HARI AHAD)
JAM : 8.30 - 10.00 PAGI

YURAN PENYERTAAN
\$40 BAGI SETIAP MODUL

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN:
24 JULAI 2021

TARIKH MULA PROGRAM:
15 OGOS 2021

SCAN ME

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 247, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam
246 2000 ext 204/202
+673 2462000 (Telefon / Whatsapp)
C4L@unissa.edu.bn
Centre for Leadership And Lifelong Learning

VAKSIN : LINDUNGI DIRI, KELUARGA, MASYARAKAT

■ Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19, demi melindungi diri sendiri, orang yang tersayang dan masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19.

Faedah dan kelebihan yang diperoleh dari vaksin COVID-19 adalah jauh lebih baik daripada risiko mendapat jangkitan.

Oleh itu, orang ramai tidak perlu berasa takut dan ragu-ragu untuk mendapatkan vaksin ini kerana ia bukan sahaja untuk kebaikan diri sendiri malah juga bagi orang sekeliling kita.

Sehubungan itu, dalam sama-sama menyahut seruan dan saranan kerajaan dalam pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19, kira-kira 40 Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara hari ini mendapatkan suntikan vaksin mereka di Pusat Vaksinasi COVID-19, di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Rata-rata beberapa orang Ahli

PKWE yang ditemui melahirkan rasa syukur setelah mendapatkan suntikan berkenaan.

Dayang Hajah Azizah binti Matyassin, 64 tahun dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri melahirkan perasaan gembira dan bersyukur setelah menerima suntikan vaksin tersebut dan menyeru warga emas yang lain agar turut sama-sama mendapatkan suntikan vaksin ini untuk kesihatan diri sendiri dan tidak perlu berasa takut.

Beliau seterusnya menzahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberikan suntikan vaksin ini secara percuma bukan sahaja bagi rakyat dan penduduk tempatan, khususnya golongan warga emas.

Sementara itu, Awang Haji Yakob bin Haji Hitam, 73 tahun pula menggesa mereka yang belum lagi mendapatkan vaksin agar membuat tempahan sesegeranya dan jangan sampai terlambat.

"Kita menyahut saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan suntikan vaksin. *Kitani* inda boleh



■ AHLI-ahli PKWE yang ditemui melahirkan rasa syukur setelah mendapatkan suntikan COVID-19.

takut kerana dengan vaksin ini ia akan membantu sistem ketahanan tumbuh badan *kitani* daripada jangkitan penyakit. Bukan sahaja di Negara ini malah seluruh dunia juga menggunakan vaksin," ujarnya.

Beliau juga menyeru rakyat dan penduduk di negara ini untuk mendapatkan vaksin di Pusat-pusat Vaksinasi yang berdekatan di keempat-empat daerah dan jangan mengabaikan seruan kerajaan untuk mendapatkan suntikan vaksin.

Manakala bagi Dayang Hajah Maimunah binti Yusop, 64 tahun pula tidak menafikan ada mengalami perasaan gemuruh sebelum mendapatkan suntikan vaksin namun perasaan itu hilang dan beliau sangat bersyukur setelah menerima suntikan berkenaan.

"Bagi mereka yang belum mendapatkan suntikan vaksin adalah disarankan untuk mendapatkannya dan tidak perlu takut atau ragu-ragu kerana ia adalah untuk kebaikan kita dan juga orang di sekeliling kita," ujarnya.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan memaklumkan orang ramai bahawa pemberian suntikan vaksin COVID-19 adalah percuma bagi

kesemua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pemberian suntikan vaksin COVID-19 akan diteruskan mengikut fasa-fasa yang digariskan di dalam Strategi Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19, di mana fasa kedua baru saja bermula pada 21 Jun lalu iaitu bagi guru-guru, kakitangan pusat penjagaan kanak-kanak dan orang dewasa yang berisiko tinggi atau menghadapi penyakit kronik.

Sehubungan itu, bagi memudahkan proses suntikan vaksin COVID-19 dan mengelakkan kesesakan di pusat-pusat vaksinasi dan untuk keselesaan serta agar tempoh masa menunggu tidak lama, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama orang ramai untuk membuat tempahan slot bagi

suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi BruHealth dan tidak menggalakkan orang ramai untuk hadir secara *walk-in*.

Untuk makluman slot untuk *walk-in* akan masih diberikan dengan jumlah yang terhad.

Orang ramai yang hadir untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dikehendaki untuk memakai sungkup muka dan mengamalkan penjarakan sosial semasa beratur serta mengikuti arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan yang bertugas di pusat-pusat vaksinasi.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

■ **FAEDAH** dan kelebihan yang diperoleh dari vaksin COVID-19 adalah jauh lebih baik daripada risiko mendapat jangkitan.

■ **ORANG** ramai tidak perlu berasa takut dan ragu-ragu untuk mendapatkan vaksin ini kerana ia bukan sahaja untuk kebaikan diri sendiri malah juga bagi orang sekeliling kita.

■ **KIRA-kira 40 Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Brunei Muara** mendapatkan suntikan vaksin mereka di Pusat Vaksinasi COVID-19, di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



AWANG Haji Yakob bin Haji Hitam dan Dayang Hajah Maimunah binti Yusop setelah menerima suntikan vaksin COVID-19 (kiri dan kanan).

Penyewaan Dewan Muhibbah dibukakan 1 Julai

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) ingin memaklumkan bahawa penyewaan Dewan Muhibbah bagi tahun 2022 akan mula dibuka kepada orang ramai bermula Khamis, 19 Zulkaedah 1442 Hijrah bersamaan 1 Julai 2021 Masihi pada jam 9.00 pagi.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyewa dewan berkenaan bolehlah berurusan di Dewan Teater, jabatan berkenaan.

Pengundian calon Ketua Kampung Menunggol ditunda

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) ingin memaklumkan kepada penduduk Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu akan ditunda pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Waspada Dengan Penipuan Dalam Talian'. Tarikh Tutup : 30 Jun 2021
2. 'Bersama Menjaga Kebersihan Pantai'. Tarikh Tutup : 7 Julai 2021
3. 'Pupuk Amalan Bercucuk Tanam'. Tarikh Tutup : 14 Julai 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIKUT KOD QR DI BAWAH.





Lihat Senarai Iklan Jawatan Kosong

PSC.BN

+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@p.gov.bn

BIL	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1	PENYAMBUNG KABEL D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2021/0024/04	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA	03	7(A)	3 JULAI 2021
2	WARDEN D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2021/0025/06	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	3 JULAI 2021
3	TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT KHAS D.2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2021/0025/07	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA	01	7(A)	3 JULAI 2021
4	PENOLONG OPERESAN RENDAH D.1-2-3 EB.4.5 (BAHAGIAN IV) 2021/0024/03	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI (JABATAN PERDANA MENTERI)	01	7(A)	3 JULAI 2021
5	PENOLONG PENERBIT TINGKAT II D.1-2-3 EB.4.5 (BAHAGIAN IV) 2021/0025/04	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI (JABATAN PERDANA MENTERI)	04	7(A)	3 JULAI 2021
6	PEMUNGUT SERANGGA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2021/0025/03	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN	04	7(A)	3 JULAI 2021
7	PENYAMBUT TETAMU / OPERATOR TELEFON E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2021/0025/01	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	3 JULAI 2021
8	JURU X-RAY M.11 (BAHAGIAN II) 2021/0024/02	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	5 JULAI 2021
9	PENOLONG PEGAWAI PERKHIDMATAN TINGKAT I C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2021/0024/28	JABATAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	5 JULAI 2021
10	AHLI KAJI KIMIA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2021/0024/06	JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	5 JULAI 2021
11	PENOLONG PENGARAH PEROLEHAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2021/0025/02	JABATAN KERAJIAN KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	5 JULAI 2021
12	PEGAWAI PERIKATAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2021/0024/07	JABATAN PERIKATAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	38(B)	5 JULAI 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Lembaga Tawaran Kecil, Pengerusi, Kementerian Pendidikan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A' Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR FIRE PROTECTION SERVICES AND RELATED WORKS

BILANGAN SEBUT HARGA : MOE / LTK / 19 / 2021 / 2022 [JPPE-MEI-2021]

KETERANGAN : TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR FIRE

PROTECTION SERVICES AND RELATED WORKS OF PRIMARY AND SECONDARY SCHOOLS, HIGHER INSTITUTIONS, OFFICES AND HOUSING IN BRUNEI MUARA DISTRICT ZONE 2, MINISTRY OF EDUCATION, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : TIDAK TERHAD PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KATEGORI : B01, KA01, E01, KPME05 & REGISTERED WITH BRUNEI FIRE RESCUE DEPARTMENT

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : BND30.00

[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu Dilanjutkan : 29 Jun 2021

[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

SKIM BIASISWA BAGI JURUTERA PENYELENGGARAAN PESAWAT RUJ : HMSF / AMES / 2021

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan calon yang sesuai untuk menyertai Skim Biasiswa Jurutera Penyelenggaraan Pesawat. Pemohon yang berjaya akan menjalani program ijazah 4 tahun untuk memperoleh Sijil Pengiktirafan EASA sebagai tambahan kepada ijazah sarjana muda. Setelah berjaya menyelesaikan program ini, pelatih akan dipertimbangkan untuk diambil berkhidmat dengan terma dan syarat tertakluk kepada prestasi yang baik dan penyelesaian program latihan selanjutnya serta pencapaian lesen yang berkaitan.

Untuk mendapatkan Skim Biasiswa, mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :

Syarat-Syarat Am

• Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

- Umur 18 hingga 22 tahun pada 1 September 2021.
- Taraf kelamin bujang.
- Lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU).

Kelayakan Minimum

Memperoleh sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran BC-GCE 'A' Level sekali duduk dalam tempoh 3 tahun kebelakangan dengan minimum gred B mata pelajaran Fizik dalam peperiksaan BC-GCE 'A' Level dan minimum gred C mata pelajaran Matematik dalam peperiksaan BC-GCE 'A' Level dengan memperoleh UCAS Tariff Points minima 120 mata bagi tiga (3) mata pelajaran terbaik dan setiap mata pelajaran hendaklah tidak kurang daripada gred C.

- Memperoleh minimum gred B mata pelajaran Fizik dalam peperiksaan BC-GCE 'O'.

Kelayakan Bahasa Inggeris Minimum

• Sekurang-kurangnya Kredit C6 mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam BC-GCE 'O' atau sekurang-kurangnya Gred B mata pelajaran IGCSE English as Second Language atau yang sebanding dengannya atau Band Keseluruhan sekurang-kurangnya 6.5 dalam ujian IELTS yang diperoleh tidak lebih 2 tahun kebelakangan.

Minimum Kelayakan Bahasa Melayu

- Sekurang-kurangnya Kredit C6

mata pelajaran Bahasa Melayu dalam BC-GCE 'O'.

Syarat-Syarat Tambahan

- Boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu secara lisan dan tulisan.
- Cergas dari segi fizikal dan mental dengan penglihatan yang baik dan disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan (sah laku 6 bulan).
- Bersih dalam tapisan keselamatan.
- Lulus dalam proses pemilihan termasuk ujian bertulis, temu duga dan ujian-ujian yang disediakan.
- Boleh bekerja di bawah tekanan, kemahiran interpersonal yang baik, yakin diri, berdisiplin dan berdikari.

Borang Permohonan boleh dimuat turun di laman web <http://www.moe.gov.bn>. Setiap pemohon mesti melengkapkan dan menghantar borang berserta salinan sijil-sijil dan dokumen yang relevan serta satu keping gambar berukuran pasport yang terkini (tidak dapat dikembalikan) ke :

JABATAN PENGURUSAN BIASISWA
Tingkat 5, Blok C,
Kementerian Pendidikan
Berakas, BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup menghantar borang permohonan adalah pada Rabu, 30 Jun 2021, jam 12.00 Tengah Hari.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA : KHEU / JPI / PPPB / 11A-5 / 2021 - 2022

TAJUK SEBUT HARGA :

PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PEMBERSIHAN BANGUNAN (HOUSEKEEPING) TEMPOH 12 BULAN BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI HAFIZAH SURURUL BOLKIAH, BERAKAS DI BAWAH KAWALAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TAHUN 1442H - 1443H / 2021 - 2022M

Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran :



Rabu, 4 Zulhijjah 1442H / 14 Julai 2021M, tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN : JAPEN / TEN / 2021 / KRK / 01

TAJUK TAWARAN : PEMBEKALAN BARANG KEPERLUAN HARIAN UNTUK ANAK KECIL DI KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN BAGI TEMPOH 1 TAHUN

YURAN TAWARAN : BND10.00 sahaja (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 29 Jun 2021 jam 2.30 petang



JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN : JUA 09 / 2020

PERMOHONAN PENYIMPANAN TANAH KERAJAAN UNTUK TAPAK PERTANIAN KAMPUNG BATONG, KAMPUNG PARIT, KAMPUNG PANCHOR MURAI DAN KAMPUNG PENGKALAN

BATU, MUKIM PENGKALAN BATU, DAERAH BRUNEI DAN MUARA - LOT 79044

BILANGAN TAWARAN : JUA 01 / 2021

TOPOGRAPHICAL SURVEY BAGI PERSEDIAAN DAN PERLAKSANAAN CADANGAN KERJA-KERJA TEKNIKAL DAN INFRASTRUKTUR BAGI PROJEK PENANAMAN PADI SECARA KOMERSIAL, KAWASAN KANDOL, DAERAH BELAIT - KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR BAGI FASA 3



Tarikh Tutup : Selasa, 29 Jun 2020



**JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA
MENTERI**

UNIT TAHANAN DAN
PEMULIHAN
JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JKDN / UTP / 1 / 2021

Bilangan Tawaran :
TAWARAN MEMBEKALKAN
PAKAIAN SERAGAM
PEGAWAI DAN KAKITANGAN
UNIT TAHANAN DAN



PEMULIHAN JERUDONG,
JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI, JABATAN
PERDANA MENTERI

Tarikh Tutup :
Sabtu, 3 Julai 2021,
jam 11.30 Pagi



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

TAWARAN
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN :
JDBM / SH / BUFFET / K / 04 /
2021

TAWARAN :
MENYEDIAKAN /
MEMBEKALKAN JAMUAN
BAGI MAJLIS
KEBERANGKATAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG

DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA
DENGAN RAKYAT DAN
PENDUDUK DAERAH BRUNEI
DAN MUARA (BAGI AHLI-AHLI
JAWATANKUASA TERTINGGI,
VVIP, VIP, JEMPUTAN KHAS
DALAM DAN LUAR NEGERI,
PENGHULU-PENGHULU DAN
KETUA-KETUA KAMPUNG)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
29 Jun 2021, jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ATAU MEE DAN AYAM
GORENG BERSERTA AIR
MINUMAN BOTOL KECIL BAGI
LATIHAN DAN MAJLIS
KEBERANGKATAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA
DENGAN RAKYAT DAN
PENDUDUK DAERAH BRUNEI
DAN MUARA

TAWARAN BILANGAN :
JDBM / SH / TAPAU KUEH / K /
02 / 2021

TAWARAN :
MENYEDIAKAN /
MEMBEKALKAN 3 JENIS KUEH
BERSERTA 1 BOTOL KECIL
AIR PUTIH DAN 1 OUTER
MINUMAN MANIS SEMASA
MAJLIS KEBERANGKATAN
KEBawah DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA
DENGAN RAKYAT DAN
PENDUDUK DAERAH BRUNEI
DAN MUARA (BAGI
PENUNTUT PENGIBAR
BENDERA)

TAWARAN BILANGAN :
JDBM / SH / BUFFET / K / 03 /
2021



TAWARAN
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

TAWARAN BILANGAN :
JDBM / SH / TAPAU NASI / K /
01 / 2021

TAWARAN :
MENYEDIAKAN NASI BERPEK
(AYAM / DAGING DAN SAYUR)



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**

BIL. (11) JBS / ADM / UP / 2021

PETI SEBUT HARGA
Tingkat 4,
Jabatan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan,
Bangunan Kementerian
Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17,
Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1211
Negara Brunei Darussalam.

1. (60) JBS / ADM / QC / 2021
KETERANGAN :
MECHANICAL AND
ELECTRICAL TERM
MAINTENANCE FOR A
PERIOD OF TWENTY FOUR
(24) MONTHS FOR
1) JERUDONG SPORT
COMPLEX
2) NATIONAL SWIMMING
POOL, HBNSC.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 021 / 2021

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND INSTALLATION
OF STREET LIGHTING
ALONG MENGKUBAU
FLYOVER BRIDGE,
BRUNEI MUARA DISTRICT

2. (61) JBS / ADM / QC / 2021
KETERANGAN :
MECHANICAL AND
ELECTRICAL TERM
MAINTENANCE FOR A
PERIOD OF TWENTY FOUR
(24) MONTHS FOR
1) GAME VILLAGE AND
MARCHING FIELD
(PADANG KAWAD)
2) TRACK AND FIELD, HBNSC.

3. (62) JBS / ADM / QC / 2021
KETERANGAN :
MECHANICAL AND
ELECTRICAL TERM
MAINTENANCE FOR A
PERIOD OF TWENTY FOUR
(24) MONTHS FOR
1) SQUASH CENTRE, HBNSC.
2) LAWN BALL, HBNSC.
3) PETANQUE COURTS,
HBNSC.
4) TOP SPINNING COURT
(GELANGGANG GASING),
HBNSC.

4. (63) JBS / ADM / QC / 2021
KETERANGAN :
GENERAL BUILDING TERM
MAINTENANCE
FOR A PERIOD OF (12)
MONTHS FOR
1) MUMONG SPORTS
COMPLEX AND SWIMMING

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 022 / 2021

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND INSTALLATION
OF ENERGY EFFICIENT
LIGHTING FROM SIMPANG
TIGA PUNI / BUKOK TO
TEMADA IN TEMBURONG
DISTRICT

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 023 / 2021

TAJUK TAWARAN :
REINFORCEMENT OF LOW
VOLTAGE NETWORK FOR
TEMBURONG DISTRICT

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 024 / 2021

TAJUK TAWARAN :

DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA
DENGAN RAKYAT DAN
PENDUDUK DAERAH BRUNEI
DAN MUARA (BAGI AHLI-AHLI
JAWATANKUASA TADBIR

POOL.

2) BAREK LORONG 3 SERIA.

5. (64) JBS / ADM / QC / 2021
KETERANGAN :
GENERAL BUILDING TERM
MAINTENANCE
FOR A PERIOD OF (12)
MONTHS FOR
1). ARENA FIELD SERIA.
2). YOUTH CENTRE AND
MULTI PURPOSE HALL
(DEWAN SERBAGUNA BEKAS
GUDANG BERAS).
3) YOUTH AND SPORTS
OFFICE, KUALA BELAIT.

YURAN TAWARAN : BND10.00

Tarikh Tutup :
6 Julai 2021 /
25 Zulkaedah 1442 (Selasa)



REINFORCEMENT OF LOW
VOLTAGE NETWORK FOR
BELAIT DISTRICT

Tarikh Tutup :
13 Julai 2021,
Selasa
(Jam 2.00 Petang)

TAWARAN :
MENYEDIAKAN /
MEMBEKALKAN JAMUAN
BERSERTA MINUMAN
PANAS/MINUMAN BOTOL
SEMASA LATIHAN DAN
PERSIAPAN MAJLIS
KEBERANGKATAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA
DENGAN RAKYAT DAN
PENDUDUK DAERAH BRUNEI
DAN MUARA (BAGI
PETUGAS-PETUGAS DAN
AHLI-AHLI JAWATANKUASA)

TAWARAN BILANGAN :
JDBM / SH / BUFFET / K / 05 /
2021

TAWARAN :
MENYEDIAKAN /
MEMBEKALKAN JAMUAN
BERSERTA MINUMAN
PANAS/MINUMAN BOTOL
SEMASA LATIHAN DAN
PERSIAPAN MAJLIS
KEBERANGKATAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN
BB3910
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

TAWARAN :
JPH / 002 / SH / 2402 /
2021-2022
TAJUK :
MENINGKATKAN RUMAH
TEDUHAN (NURSERY SHADE
HOUSE) DI UNIT TAPAK
SEMAIAN HUTAN,

SEKSYEN PEMULIHAN HUTAN

TAWARAN :
JPH / 003 / SH / 2403 /
2021-2022
TAJUK :
MEMASANG GABION DI
KAWASAN TANAH SUSUR
DI TAMAN BIODIVERSITI,
TAMAN REKREASI HUTAN
BERAKAS

TAWARAN :
JPH / 003 / SH / 2404 /
2021-2022
TAJUK :
MEMELIHARA KAWASAN
TAMAN BIODIVERSITI DI
TAMAN REKREASI HUTAN
BERAKAS

TAWARAN :
JPH / 003 / SH / 2405 /
2021-2022
TAJUK :


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

Syarat-syarat Tawaran :

1. UNISSA / SB0020 / 2021 / 2022 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BUKU-BUKU RUJUKAN FAKULTI TEKNOLOGI ISLAM UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0021 / 2021 / 2022 : KERJA PEMELIHARAAN MEMOTONG RUMPUT BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 007 / 2021 - (T)

KETERANGAN :
DESIGN AND BUILD OF EXPERIMENTATION BUILDING FOR FACULTY OF SCIENCE, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (Re-Tender)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat jam 2.00 Petang pada Selasa, 13 Julai 2021.


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 008 / 2021 - (G)

KETERANGAN :
TO DESIGN AND BUILD OF CHEMICAL STORAGE, ENVIRONMENTAL AND LIFE SCIENCE, FACULTY OF SCIENCE, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (Re-Tender)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat jam 2.00 Petang pada Selasa, 13 Julai 2021.



KAMPUS SINAUT TUTONG SELAMA SATU (01) TAHUN
3. UNISSA / SB0022 / 2021 / 2022 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERABOT SERTA PERALATAN PEJABAT BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) KAMPUS SINAUT TUTONG

4. UNISSA / SB0023 / 2021 / 2022 : MEMBEKAL PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN

SHARIF ALI (UNISSA) KAMPUS SINAUT TUTONG SELAMA SATU (01) TAHUN

5. UNISSA / SB0024 / 2021 / 2022 : MEMBEKAL PERKHIDMATAN BURUH BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) KAMPUS SINAUT TUTONG SELAMA SATU (01) TAHUN

6. UNISSA / SB0025 / 2021 / 2022 : MENCETAK DAN MENGHANTAR BUKU-BUKU

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) JUN 2021

7. UNISSA / SB0026 / 2021 / 2022 : MENCETAK DAN MENGHANTAR ITEM-ITEM (BUKU-BUKU) BAGI KEPERLUAN HAFL AL-TAKHARRUJ KE-11 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup :



tidak lewat Rabu, 30 Jun 2021, Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /

GRASSCUTTING / KRK / ZA / WR
PERKARA :
TERM CONTRACT GRASS CUTTING MAINTENANCE AT KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN KG. BELIMBING SUBOK FOR 24 MONTHS (ZONE A)

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /

GRASSCUTTING / KRK / ZB / WR
PERKARA :
TERM CONTRACT GRASS CUTTING MAINTENANCE AT KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN KG. BELIMBING SUBOK FOR 24 MONTHS (ZONE B)

Tarikh Tutup :
29 Jun 2021


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /
GRASSCUTTING / PBBM / WR
PERKARA :
TERM CONTRACT GRASS CUTTING MAINTENANCE AT PUSAT BAHAGIA BRUNEI MUARA FOR 24 MONTHS

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /
PEMBUAGANSAMPAH / PPSSENTOSA / WR
PERKARA :
RUBBISH COLLECTION AND DISPOSAL AT PUSAT PENEMPATAN SEMENTARA SENTOSA FOR 24 MONTHS

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /
PEMBUAGANSAMPAH / PPSKGSGAKAR / WR

PERKARA :
RUBBISH COLLECTION AND DISPOSAL AT PUSAT PENEMPATAN SEMENTARA SENTOSA FOR 24 MONTHS

BIL. TAWARAN :
JUN / JAPEN / 2021 /
CLEANING&GRASSCUTTING / PPSKGSGAKAR / WR

PERKARA :
TERM CONTRACT FOR CLEANING (BUILDING & COMPOUND) AND GRASS CUTTING PUSAT PENEMPATAN SEMENTARA KG. SG. AKAR (24 MONTHS)
Tarikh Tutup :
29 Jun 2021


**DIVISYEN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
Q01 / KPN / DHRM / 2021-2022

TAJUK SEBUT HARGA :
PERKHIDMATAN MEMBEKAL JAMUAN DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TIGA [3] TAHUN



Tarikh Tutup :
Isnin,
26 Julai 2021
sebelum jam
9.00 Pagi.


**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH**

SEBUT HARGA
MEMBEKALKAN PENTAS, BACKDROP, LED SCREEN SERTA BARANGAN YANG BERKAITAN SEMPENA HAFLUT TAKHARRUJ (KONVOKESYEN) KALI KE-9 INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Tarikh Tutup :
tidak lewat pada Rabu,
19 Zulkaedah 1442H
bersamaan 30 Jun 2021M
jam 2.00 Petang


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
JAPEN / TEN / 2021 / KRK / 03

TAJUK TAWARAN :
PROVISION OF CATERING SERVICES TO THE WELFARE HOME, KG BELIMBING SUBOK COMPLEX FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS

BILANGAN TAWARAN :
JAPEN / TEN / 2021 / OKU / 01

TAJUK TAWARAN :

PROVISION OF CATERING SERVICES TO PUSAT BAHAGIA (ALL DISTRICTS) FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND10.00 sahaja
(tidak dikembalikan)

Tarik Tutup Tawaran :
Selasa, 29 Jun 2021
jam 2.30 Petang



>> Muka 22

MEMELIHARA TAMAN PERMAINAN DAN PERALATAN BERSEKAM DI TAMAN REKREASI HUTAN BERAKAS, BUKIT SHAHBANDAR DAN SUNGAI LIANG

TAWARAN :
JPH / 003 / SH / 2407 / 2021-2022
TAJUK :
MEMBAIK PULIH KAWASAN TANAH SUSUR DI TAMAN REKREASI TUMPUAN TELISAI



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 1 Julai 2021,
2.00 Petang

CV HENDAKLAH SENTIASA DIKEMAS KINI



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Nur Afiah binti Mursidi dari JobCentre Brunei semasa mengongsikan tatacara pembuatan CV kepada para peserta Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan.

BERAKAS, Rabu, 23 Jun. - Melamar atau merisik merupakan titik permulaan dalam sesebuah pasangan mendirikan rumah tangga yang diikuti dengan majlis pertunangan dan disempurnakan dengan akad nikah dan persandingan.

Berlainan pula dengan proses melamar pekerjaan seseorang pencari pekerjaan tersebut perlu mempunyai kemahiran dalam merangka Curriculum Vitae (CV) bagi menarik minat bakal majikan serta menambah peluang disenarai

pendek (*shortlisted*) ke proses selanjutnya iaitu temu duga.

Semasa menyampaikan taklimat pada Program Masyarakat Bermaklumat bertajuk 'Tatacara Penyediaan CV' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Nur Afiah binti Mursidi dari JobCentre Brunei menerangkan sesebuah CV tersebut hendaklah sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa.

"Sesebuah CV merupakan sebuah *living document* dan

adalah mustahak ia dikemas kini secara kerap," ujar Dayang Nur Afiah.

Dalam pada itu, beliau turut mengongsikan agar setiap CV yang dihasilkan oleh para peserta kelak hendaklah ringkas dan padat serta dihadkan kepada maksimum dua muka surat sahaja yang terbahagi kepada maklumat peribadi, maklumat pendidikan, sejarah pekerjaan terdahulu yang disenaraikan secara kronologikal serta rujukan yang terdiri daripada ahli akademik atau majikan terdahulu.

Sementara itu, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di JobCentre Brunei, Awang Md. Asyraf bin Haji Arine juga turut mengongsikan kaedah menghadapi temu duga pekerjaan kepada para peserta program.

Dalam taklimat beliau menyentuh kerap membuat persediaan merupakan kunci utama dalam kelancaran sesebuah temu duga. Beliau menyeru kepada para peserta untuk sentiasa bersedia dengan membuat pencarian menerusi media-media elektronik dan *online* mengenai latar belakang syarikat dan jawatan dalam persediaan menghadapi hari temu duga.

Beliau turut mengongsikan etika berpakaian semasa menghadiri sesi temu duga yang sememangnya perlu dititikberatkan oleh pencari-pencari pekerjaan.

Sementara itu, pada sesi yang berasingan turut menyampaikan taklimat ialah para pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang diwakili oleh Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar dan Awang Haji Muhd. Al-Zamiluddin bin Haji Ahmad.

Semasa menyampaikan taklimat berkisar mengenai sektor pertanian dan keusahawanan menyentuh bantuan yang dihulurkan kepada para petani yang serius termasuk data hasil pengeluaran pertanian bagi mengetahui sektor dan produk pertanian yang mempunyai permintaan, di samping bersedia untuk memberikan khidmat nasihat perladangan secara berteknologi.

"Untuk berjaya dalam pertanian seseorang pengusaha itu hendaklah mempunyai minat serta

modal, di samping berkemampuan memasarkan produk hasil pertaniannya," ujar Awang Mat Rusli.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh diterokai dalam bercucuk tanam seperti kaedah hidroponik, *vertical farming*, rumah terlindung malah turut dikongsikan kaedah *drip irrigation* dan fertigasi menggunakan *polybag*.

Sektor pertanian amat luas dan ia bukan sahaja tertumpu dengan bercucuk tanam malah para belia boleh menceburi sektor pemasaran dan membaiki pulih jentera pertanian yang juga mampu memberikan pulangan yang lumayan.



PEGAWAI-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar dan Awang Haji Muhd. Al-Zamiluddin bin Haji Ahmad semasa mengongsikan sektor pertanian dan keusahawanan pada program tersebut.

Penderma darah golongan dihargai



SUASANA Kempen Derma Darah Helping Hands yang berlangsung di *showroom*, Maju Motors Sendirian Berhad.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Bagi membantu menjamin bekalan darah dan produk-produk darah yang mencukupi, selamat dan berkualiti bagi pesakit-pesakit yang memerlukan, Maju Motors Sendirian Berhad dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal mengadakan Kempen Derma Darah Helping Hands bertempat di *showroom* syarikat berkenaan di Jalan Telanai, di sini.

Kempen tersebut berjaya mengumpulkan sebanyak 33 pail darah yang didermakan oleh orang ramai termasuk penyertaan daripada warga syarikat Maju Motors.

Selain menyertai kempen-kempen bergerak pendermaan darah, para penderma darah dan orang ramai berpotensi untuk menderma juga diseru untuk

mengunjungi Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Tabung-tabung Darah di semua hospital daerah untuk menderma pada hari dan waktu yang ditetapkan.

Para penderma merupakan golongan yang dihargai kerana sumbangan sukarela mereka dapat menyelamatkan nyawa dan meningkatkan keselamatan orang lain tanpa mengharapkan sebarang imbalan.

Pusat Pendermaan Darah sentiasa aktif mempelawa dan menggalakkan pengelolaan kempen-kempen pendermaan darah secara sukarela bagi memperkasa dan memperluaskan lagi aktiviti seperti semata-mata untuk menarik lebih ramai lagi penderma darah, sama ada yang sedia ada atau yang belum pernah menyumbangkan darah.

KUALA BELAIT, Rabu, 23 Jun. - Operasi Sepadu Langis JIPK 74/2021 yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait sekitar 11.57 malam kelmarin di tempat tinggal pekerja asing, Jalan Kuala Balai, Daerah Belait.

Hasil pemeriksaan tersebut, seorang perempuan warga-negara asing ditahan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, kerana dipercayai tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Manakala seorang lelaki warganegara asing juga disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 kerana dipercayai memberikan perlindungan kepada pesalah imigresen.

Oleh yang demikian, Ketua Pegawai Imigresen Kanan, Bahagian Penguatkuasa Undang - Undang, JIPK menyarankan agar meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan, berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi talian JIPK, +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Kuala Belait).

Operasi Langis : Warga asing ditahan, disiasat

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Sepadu Langis JIPK 74/2021 dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait di tempat tinggal pekerja asing, Jalan Kuala Balai, Daerah Belait (atas dan bawah).



PESERTA PMB TINJAU LEBIH DEKAT DARE

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

ANGGEREK DESA, Rabu, 23 Jun. - Penubuhan Darussalam Enterprise (DARE) dihasrat untuk membangun perusahaan menjadi penggerak perkembangan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Sehubungan itu, DARE menerima kunjungan daripada peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Belia dan Beliawanis Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara.



Auditorium, Bangunan Design & Technology, di sini, disampaikan oleh Pengurus DARE, Reuben Chin.

Menurutnya, DARE membangun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui peningkatan keupayaan; menyediakan latihan dan perkembangan PMKS; memudahkan cara ekosistem yang pro-perniagaan; menggalakkan budaya keusahawanan; dan menggalakkan sumbangan PMKS ke arah ekonomi yang mapan dan berdaya saing.

Ujarnya lagi, DARE merupakan badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Februari 2016 untuk membangun perusahaan, menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan lembaga tadbirnya majoriti, terdiri daripada sektor swasta.

Antara inisiatif dan program bantuan PMKS adalah promosi; akses pembiayaan; ruang perniagaan; latihan dan perkembangan; perkhidmatan sokongan; dan akses pasaran.



PENGURUS Darussalam Enterprise (DARE), Reuben Chin ketika menyampaikan taklimat kepada peserta-peserta PMB (atas), manakala gambar kiri, para peserta PMB ketika meninjau dengan lebih dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh DARE.

Para peserta PMB, seterusnya mengadakan lawatan ke iCentre untuk menyaksikan dengan lebih dekat lagi peserta-peserta yang sedang mengikuti sesi Program Micro Bootcamp yang merupakan program latihan juga bimbingan dalam penciptaan dan pelaksanaan idea, kemajuan produk, penyediaan pelan perniagaan, pengenalan

perniagaan, termasuk cara-cara untuk mendapatkan pembiayaan dan teknik pemasaran juga penjualan produk.

Lawatan berakhir di Kontena Park, iaitu sebuah kawasan yang disediakan bagi platform para pengusaha makanan untuk menguji dan mengesahkan produk mereka dalam suasana pasaran yang sebenar.

Pupuk kesedaran bahaya jenayah siber, dadah



PENOLONG Pegawai Narkotik I, Awang Ranil bin Rosli ketika menyampaikan taklimat mengenai 'Bahaya Dadah dan Sindiket Dadah Antarabangsa' kepada peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) (atas), manakala gambar atas kanan, Pegawai dari CSB, Dayang Siti Nor Izuana binti Ayob ketika menyampaikan taklimat, bertajuk 'Jenayah Siber'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Belia dan Beliawanis Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri diteruskan lagi hari ini dengan beberapa taklimat dan lawatan.



ANTARA peserta PMB bagi Belia dan Beliawanis Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara yang mendengarkan taklimat tersebut.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai perkongsian maklumat peribadi terperinci secara dalam talian yang boleh digunakan oleh penjenayah siber dengan mengeksploitasinya dengan mudah untuk melakukan jenayah terancang.

Melalui taklimat itu juga, para peserta didedahkan dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan Jenayah Siber dan penggunaannya dengan media sosial untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya penyalahgunaan teknologi media sosial, seperti *cyber-bully* dan penipuan dalam talian atau *scamming* atau *pishing* juga peras ugut.

Turut disentuh ialah Akta Penyalahgunaan Komputer Brunei, trend media sosial dan juga ancaman dalam talian seperti Ransomware dan kebaikan serta keburukan membeli-belah dalam talian yang menjadi trend pada masa ini.

Para peserta juga berpeluang menyaksikan tayangan beberapa buah video berkaitan Jenayah Siber.

Selepas itu, diikuti dengan taklimat dari Biro Kawalan Narkotik (BKN) mengenai 'Bahaya Dadah dan Sindiket Dadah Antarabangsa'.

Dalam taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik I, Awang Ranil bin Rosli menyeru kepada orang ramai, terutama sekali kaum wanita dan para muda belia agar tidak mudah terpedaya dengan sebarang tawaran pekerjaan, pemberian hadiah secara percuma dan malah tawaran lain berbentuk kewangan dan lain-lain daripada laman-laman sosial sehingga mengheret mereka menjadi mangsa 'keldai dadah' oleh sindiket penyeludupan dadah.

Pada taklimat tersebut, beliau juga turut mengongsikan antara empat jenis dadah yang sering kali disalahgunakan di Negara Brunei Darussalam, iaitu syabu, ganja, Ecstasy juga bahan-



bahan inhalan.

Menerusi taklimat seumpama ini, BKN berharap dapat memberikan pengetahuan kepada orang ramai mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah, bahaya dadah, jenis-jenis dan keburukan dadah, ciri-ciri mereka yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.

Selain itu, akta-akta dan hukuman-hukuman bagi pengedar, pemakan dan pemilik dadah serta teknik-teknik yang digunakan sindiket dadah antarabangsa juga turut dikongsikan bagi memupuk kesedaran kepada umum untuk saling berwaspada dan berhati-hati ketika melakukan perjalanan ke luar negara.



SUDAH jadi kebiasaan untuk aku menyusukan anak kecilku yang baru saja menyambut ulang tahun pertamanya baru-baru ini. Iman sudah merengek-rengok. Itu tandanya dia mahu tidur tapi entah kenapa beberapa kali juga dia tidak jadi untuk menutup matanya. Aku rasa belakang kepalanya basah. Belakang rambutnya basah dan dia nampak tidak selesa. Bilik tidur tidak aku lengkapkan dengan penghawa dingin. Hanya sebuah kipas di atas siling dan satu lagi diletakkan di tepi katil. Meskipun dalam jarak yang dekat. Bahang panas tetap terasa.

"Shhhhhh... shhh... shhhh," aku cuba memujuknya. Beberapa kali aku ulang dan mengharap agar Iman tidur cepat. Abangnya Arif sedang bermain-main di sisi kananku. Tidak sempat aku menyuruhnya mematikan lampu bilik, tiba-tiba seluruh rumah menjadi gelap gelita. Elektrik terputus. Aku terus memasang lampu telefon bimbit supaya Iman tidak takut walaupun Iman memang selesa tidur dengan lampu bertutup.

"Maaaaa," laung Arif. Mungkin ketakutan. Tetapi setelah dilihatnya cahaya daripada telefonku, aku nampak dia tersenyum menampakkan giginya yang rongak di hadapan. Arif bermain-main. Dia seperti tidak tahu ertinya tutup karan. Sibuk melihat gambar-gambar dalam telefonku. Melihat kek dan macam-macam lagi.

"Ahh, yupanya tutup kayan," seperti orang tua kehilangan gigi begitu lah Arif yang masih pelat bercakap. Dia seperti baru sedar elektrik terputus. Iman pula semakin gusar. Dia kepanasan. Aku cuba mencari-cari apa yang boleh aku gunakan untuk memastikan Iman tidak kepanasan. Aku berdiri dan mengambil sekeping kertas yang agak keras sedikit supaya boleh terasa anginnya jika dikipaskan. Aku kembali berbaring di sisi Iman lalu aku kipaskan. Terasa angin lembut meniup bulu romaku yang halus. Aku teruskan mengipas tapi tidak lama aku juga seperti tidak tahan dengan bahang panas. Kulitku mula gatal-gatal pada bahagian leher.

Setelah melahirkan pada tahun lalu, aku perasan akan perubahan pada kulit wajah yang mengering di kawasan atas dahi, belakang tengkuk terutama pada hujung-hujung rambut. Rutin harian ku selain menyusukan Iman, juga mencabut-cabut kulit kering itu. Kadang-kadang terasa nyeri apatah lagi selepas mencabut-cabut kulit kering itu, aku terus mengambil air sembahyang. Pedih! Menurut Nani, sahabatku, itu mungkin psoriasis dan ia mengambil masa agak lama untuk pulih. Salah seorang kawanku juga ada menghubungiku minggu lalu. Katanya psoriasis yang dihidapinya semakin teruk. Seluruh kepalanya gatal kalau terkena peluh. Dalam aku mencabut-cabut kulit kering atas kepala, suamiku menyusul masuk.

"Ada dian?" tanyanya pendek. Entah setelah lebih dari 30 minit elektrik terputus barulah dia datang. Tapi soalnya cukup ringkas seperti elektrik baru saja terputus beberapa saat.

"Ada, cuba lihat di dapur," aku juga menjawab ringkas sambil tanganku mengibas-ngibas kertas supaya Iman anak perempuanku satu-satunya tidak kepanasan. Dia juga sibuk merampas kertas di tanganku. Akhirnya aku terpaksa mengoyakkan separuh daripada kertas yang aku pegang untuknya. Dia terus mengipas-ngipas kertas itu sama seperti yang aku lakukan tadi.

Kulit leherku terasa semakin gatal. Dalam hati aku memanggil-manggil suamiku agar dia cepat menghidupkan lilin dan mengambil alih tempatku untuk menjaga Iman yang masih kecil. Dalam keadaan gelap, aku tidak berani meninggalkannya bersendirian. Dalam kepalaku ingin cepat-cepat membasahkan tubuhku supaya hilang gatal pada kulit kepala dan kulit leherku. Namun belum sempat suamiku datang, fikiranku tiba-tiba teringatkan peristiwa dukhan. Bumi akan gelap selama 40 hari. Hatiku kecut membayangkan bagaimana nasib anak-anakku. Ingatan demi ingatan datang bertalu-talu. Rasanya belum sebulan aku membaca tentang peristiwa dukhan ini, itupun setelah aku membuka Instagram Story salah seorang sahabatku.

Fikiranku menerawang jauh. Aku cuba membayangkan kegelapan selama 40 hari

itu. Aku perlu menyiapkan lilin sebanyak mungkin, fikirku. Tidak hanya lilin mungkin juga beberapa guni beras untuk persiapan. Aku jua mungkin memerlukan lampu minyak tanah seperti yang digunakan pada zaman nenek moyang lagi. Tapi bagaimana jika dukhan berlaku tetapi satu pun tidak ada di rumah? Bagaimana agaknya untuk mendapatkan barang-barang tersebut. Mungkin di kedai runcit yang terletak 200 meter dari tempat ku tinggal ini akan dipenuhi ramai orang. Aku membayangkan ramai orang berpusu-pusu membeli barang yang sama. Membayangkan kemungkinan itu, aku merasa semakin takut.

"Mama... Tiba-tiba lamunanku terhenti".

"Ui... sini lai..." aku menyahut. Farrel tidur di ruang tamu. Entah jam berapa tadi dia tidur. Mungkin dia kepanasan dan akhirnya terbangun. Aku menunggunya untuk masuk ke bilik.

Fikiranku kembali menerawang membayangkan bagaimana keadaan, anak-anakku sekiranya bencana seperti ombak besar menghambat rumah. Aku terbayangkan air melimpah yang boleh menghanyutkan seisi rumah. Bagaimana agaknya anak-anakku jika bencana itu berlaku. Adakah ruang dan waktu untuk aku membawa anak-anakku keluar dari rumah dan mendaki bukit yang terletak tidak jauh dari kawasan tempatku tinggal ini? Aku seolah-olah melihat air dalam yang mencecah sinta rumah. Ya Allah... betapa ngerinya perasaanku pada malam elektrik terpadam. Padahal ini bukan kali pertama lampu mati secara tiba-tiba. Dulu sewaktu tinggal di Kampong Ayer juga elektrik seringkali terputus tapi bayangan dukhan tidak pernah aku fikirkan mungkin disebabkan pada ketika itu aku langsung tidak mengetahui apa-apa mengenai dukhan itu.

"Maritah membalikan dian dulu. Takut lama tutup karan ani".

"Bah".

Dengan berpanduan cahaya lilin yang kian malap, aku mencapai tudung lalu aku sarungkan ke kepala. Walaupun hanya duduk dalam kereta sudah jadi kebiasaan untuk aku mengenakan tudung kepala malah atas sokongan suamiku juga, aku dapat menunaikan kewajiban menutup aurat meskipun belum sempurna secara keseluruhannya. Awan kelihatan memerah dan memberi cahaya yang lebih nyaman dibandingkan di dalam rumah. Sungguhpun begitu, aku masih tidak dapat melawan hentaman bayangan dukhan yang entah bila akan melanda bumi.

"Cemani kali keadaan bumi kalau dukhan melanda, siang pun gelap macam malam."

"Tapi sunyikah jua jalan macam malam ani. Atau manusia keluar berpusu-pusu untuk mencari sesuap nasi?"

"Selamatkah keadaan waktu itu, atau orang ramai inda peduli masuk ke rumah siapa saja untuk meminta makanan?"

Persoalan tanpa jawapan itu bertubi-tubi datang belegar di ruang minda. Asakan persoalan tersebut membuatkan bibirku terkunci. Ketika kereta keluar dari perkerangan rumah menuju ke jalan sunyi yang gelap kepalaku terasa sakit disebabkan ketakutan membayangkan keadaan ketika berlakunya dukhan. Beruntunglah malam itu hanya tutup lampu dan kereta masih dapat digunakan kerana pada ketika dukhan berlaku, tidak ada satu teknologi pun yang dapat digunakan. Manusia akan hidup seperti zaman dahulu kala tidak dibantu dengan teknologi canggih seperti hari ini. Sudah pasti telefon bimbit juga tidak dapat digunakan. Ya Allah! Bantulah kami, selamatkanlah kami dari kekufuran.

Kurang lebih 200 meter ke hadapan, jalan raya kembali bercahaya seolah membawa sinar bahawa kegelapan itu tidak akan berlaku selamanya tapi adakah kami boleh melepasi dunia gelap gelita sebelum matahari kembali muncul? Dapatkah aku dan anak-anak bertahan selama itu? Cukupkah bekalan makanan yang kami ada pada ketika kejadian itu berlaku? Subhanallah! Meskipun cahaya lampu jalan terang benderang tetapi hatiku tetap terpukul dengan bayangan masa hadapan yang entah bagaimanakah ia akan dilalui.

"Kalau dukhan cemat kali gelapnya," tiba-tiba ayat itu meluncur juga.

"Aww," suamiku menjawab pendek seolah



Oleh : Tun Teja
Ilustrasi oleh : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

faham dengan apa yang berkecamuk di dalam mindaku sebelum keadaan menjadi sunyi kembali.

"Bah, lakastah turun," ajak suamiku setelah kereta di parkir di hadapan sebuah kedai runcit yang buka 24 empat jam.

Siap anak-anak memilih *ice cream* panjang dan segala yang mereka mahukan, kami bergerak menuju kaunter untuk mendapatkan suamiku yang sudah bersedia membuat pembayaran. Di atas kaunter kelihatan dua kotak dian.

"Banyak jua dibalinya dian ani," ujarku di dalam hati. Tapi tidak apa, boleh juga digunakan untuk akan datang. Mana tahu tutup karan lagi.

Perjalanan mengambil masa sekurang-kurangnya tujuh minit untuk sampai ke rumah dan masuk pada kawasan gelap membuatkan aku kembali pada bayangan dukhan. Aiskrim perisa keladi yang aku makan sejak masuk ke dalam kereta tadi seakan hilang sedapnya tapi aku cuba mengusirnya dengan membawa anak kecilku berbual-bual. Arif dan Farrel pula kelihatan seronok makan aiskrim panjang itu.

"Bah lakas turun," aku mengarahkan Arif dan Farrel untuk turun dari kereta setelah kereta berhenti dan enjin kereta dimatikan. Suamiku tidak banyak bicara langsung turun. Aku tahu dia sudah tidak sabar untuk menghidupkan lilin yang baru saja dibeli. Begitulah suamiku, dia memang akan nampak sedikit teruja untuk mencuba barangan yang baru saja dibeli meskipun ia barang biasa sahaja. Keterujaan itu kadang lucu untuk dilihat tetapi mungkin itu caranya menggembirakan hatinya. Siap membuka pintu rumah, dia terus menghala ke dapur dan menghidupkan beberapa batang lilin dan diletakkan di beberapa ruang rumah. Manakala aku pula langsung membawa Iman yang aku kendong sejak awal lagi untuk masuk ke bilik dan membaringkannya di atas tilam. Kembali duduk dalam kegelapan sekali lagi bayangan dukhan menerpa. Aku merasa sedikit tertekan kerana gagal untuk mengusir bayangan itu. Namun, ia adalah hakikat yang memang tidak boleh didustakan. Akhirnya aku redha juga meletakkan diriku dalam bayangan masa hadapan yang gelap dan bersoal jawab dengan diri sendiri bagaimana untuk berjaya mengharungi kegelapan bersama suami dan anak-anak tercinta. Hatiku tiba-tiba diruntun pilu membayangkan bagaimana sekiranya aku terpaksa kehilangan salah satu dari mereka atau aku yang hilang dari hidup mereka setelah bumi kembali dimandikan cahaya mentari.

Aku kembali mengingat-ingat apa yang pernah aku baca melalui laman sesawang antaranya mengatakan dukhan adalah peristiwa akhir zaman sebelum berlakunya hari kiamat. Oleh itu, kita diseru untuk tidak melambatkan taubat. Sesungguhnya aku manusia biasa yang banyak melakukan dosa dan membaca itu membuatkan hatiku kecut, takut kalau esok dukhan berlaku padahal taubat belum sempat dibuat. Mudah-mudahan Allah memberikan kesempatan untuk aku bertaubat atas segala dosa-dosa lalu. Peristiwa dukhan ini sangat memberi kesan dalam diriku dan menjadi

salah satu pemangkin semangat agar aku terus istiqamah dalam memperbaiki diri seterusnya menghadapi hari esok dengan penuh iman dan ketakwaan.

"Shhh... shhh..." dalam ketakutan aku menepuk-nepuk paha Iman yang kelihatan semakin layu matanya. Mungkin sekejap lagi dia akan tidur. Dalam pada tanganku menepuk paha Iman, kembali bayangan menerpa bagaimana agaknya keluargaku yang tinggal jauh di Muara. Bagaimana bila tiba-tiba langit menjadi hitam dan kami terpisah entah untuk berapa lama? Bagaimana makan minum mereka? Bersediakah mereka? Tahukah mereka bahawa dukhan akan berlaku? Astaghfirullah Al Azim! Ya Allah, berikanlah hidayah-Mu kepada sekalian saudaraku. Usai mengaminkan doa tiba-tiba satu fikiran muncul melupakan tentang keluargaku yang jauh digantikan pula dengan keluarga yang ada di rumah ini. Bagaimana jika berlakunya dukhan hentaman meteor menghujani bumi, tapi Farrel pada ketika itu masih berada di sekolah sedang menunggu hendak dijemput? Bagaimana kalau suamiku sedang dalam perjalanan ke sesuatu destinasi lain?

Dan aku pula tinggal berdua bersama Iman di rumah. Ya Allah! Selamatkanlah keluargaku dari bencana meski aku tahu tidak ada seorang pun di antara kita yang tahu, siapakah antara kita yang hidup atau sebaliknya ketika peristiwa dukhan itu berlaku. Allah Maha Mengetahui apa yang tidak kita ketahui. Dukhan pasti berlaku sama ada kita bersedia ataupun tidak.

Dua minit ke pukul 1.30 pagi, elektrik kembali menyalurkan tenaganya dan seluruh ruang rumah dimandikan cahaya lampu. Sejurus itu, aku pun mengucapkan syukur dan sekali gus menerangkan ketakutan yang aku alami sepanjang tutup lampu itu. Namun, aku sudah berikrar dengan diri sendiri untuk terus istiqomah mengejar syurga abadi dan membersihkan diri dari belenggu dosa lampau. Cepat atau lambat kita tetap akan menuju ke penghujungnya. Malam itu, malam yang tersulit untuk aku melelapkan mata kerana bayangan dosa-dosa lalu bagaikan menari-nari dihujung mata sambil hati tidak putus-putus memohon ampun kepada Allah.

"Ya Allah, engkau terimalah taubat hamba-Mu ini, sesungguhnya aku banyak berdosa. Ampunkan aku Ya Allah".

Aku terus berdoa. Bukan senang mengusir ketakutan membayangkan hari penghabisan meskipun lampu sudah ada, elektrik tidak putus lagi.

"Ketika hari kiamat, manusia tidak lagi memikirkan anak-anaknya, ibu bapanya, sahabat, jiran atau sesiapa pun jua. Manusia hanya sibuk dengan diri sendiri," masih terngiang-ngiang suara Cikgu Khadijah ketika memasuki topik hari Kiamat untuk mata pelajaran ugama.

Aku bersyukur, sekurang-kurangnya aku lahir dan membesar di negeri Islam. Ya Allah engkau hidupkan aku dalam iman. Matikan aku dalam iman. Ampuni dosa-dosaku Ya Allah, tempatkan aku kelak di dalam syurga-Mu.



Penyalahgunaan, pengedaran dadah : Anasir menggugat keamanan, keselamatan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

AKTIVITI penyalahgunaan dadah merupakan satu isu global yang giat ditangani tanpa kendur-kendurnya dan tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam. Tarikh 26 Jun diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram.

Penyalahgunaan dadah boleh membawa kepada kesengsaraan dan kebinasaan, yang mana dadah boleh menyebabkan orang yang melakukannya itu lupa diri, lupa agama dan lupa dunia kerana ia memberi kesan buruk kepada akal, melemahkan tenaga berfikir dan kecerdasan, mengakibatkan penyakit urat saraf serta boleh mengganggu kesihatan mental dan fizikal. Impak penyalahgunaan dadah sangatlah besar dalam kehidupan sehingga boleh menjejaskan masa hadapan, menjejaskan pemilikan harta benda dan mengganggu ketenteraman masyarakat.

Bagi penagih yang sudah berkeluarga, dadah boleh meruntuhkan kebahagiaan rumah tangga, boleh menyebabkan berlakunya perceraian dan memporak-perandakan kebahagiaan keluarga, mereka lupa tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak. Dadah juga boleh menghabiskan wang dan harta. Penagih dadah boleh menyebabkan penagih kehilangan pekerjaan dan akhirnya sanggup melakukan apa saja jenis jenayah.

Disebabkan itulah menentang penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah haram mesti giat dilakukan dan memerlukan *Whole of Nation Approach* apatah lagi taktik aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram ini akan menghadapi evolusi dari semasa ke semasa. Kerjasama orang ramai adalah sangat diperlukan agar kegiatan seumpama ini dapat dibendung sewajarnya.

Sepanjang tahun 2019 hingga Mei 2021, seramai 1,807 orang telah ditangkap oleh pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan 1,484 adalah terdiri dari lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Sepanjang tempoh tersebut pula, seramai 669 orang adalah terdiri dari mereka yang berumur lingkungan 30 ke 39 tahun. Pada sepanjang tempoh tersebut tahun 2020 telah mencatatkan tangkapan yang tertinggi yang mana seramai 851 orang berbanding tahun 2019 hanya 698 orang.

Melalui statistik tersebut menunjukkan aktiviti penyalahgunaan dadah masih membimbangkan dalam masyarakat walaupun pelbagai pendekatan telah diambil untuk menyelesaikan isu ini. Ia sekali gus menandakan pengedaran bahan terlarang itu juga masih berleluasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali

Ke-31 Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi :

"Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan, ialah penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu".

Para ulama telah bersetuju bahawa dadah itu termasuk di dalam pengertian arak kerana arak boleh mengganggu dan menghilangkan fikiran, akan tetapi kesan dadah adalah lebih buruk lagi daripada arak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 90 - 91 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang, oleh itu mahukah kamu berhenti daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil".

Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

Daripada Ibnu Umar Radiallahu'anhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Semua yang memabukkan itu adalah termasuk dalam erti kata arak dan semua yang memabukkan itu adalah haram". (Riwayat Al-Imam Muslim).

Bisnes keluarga

Apa yang membimbangkan, sepertimana yang dilaporkan dalam media-media tempatan, terdapatnya tangkapan BKN pada 10 September tahun lalu yang melibatkan kegiatan dadah sebagai bisnes keluarga, sekali gus menjadikan tangkapan tersebut merupakan serbuan yang menghasilkan rampasan dadah, wang dan harta benda terbesar pernah dicatatkan oleh BKN.

Dari tangkapan itu dapatlah disimpulkan bahawa betapa dadah itu boleh menghancurkan keluarga dan masyarakat dalam sekelip mata. Masa depan menjadi gelap malah harta benda yang digunakan dalam kehidupan juga turut dirampas.

Sehubungan itu, tema Amar Maruf Nahi Mungkar : 'Tanggungjawab dan Keprihatinan Masyarakat Dalam Mencegah Aktiviti Pengedaran Dadah' telah dipilih menjadi tema kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan pengkhususan kepada sindiket dadah rangkaian keluarga.

Kita adalah dianjurkan agar menjadikan institusi keluarga tempat yang paling selamat dan utama dalam melahirkan masyarakat yang bertamadun. Oleh itu janganlah sama sekali kita hancurkan dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral itu. Ibu bapa mestilah memberikan contoh yang

baik kepada anak-anak malah kewaspadaan dalam penjagaan anak-anak haruslah ditingkatkan.

Selaras dengan keadaan dunia yang semakin canggih, menjadikan peranan ibu bapa dan penjaga kini semakin mencabar. Banyak perkara baharu yang mesti dipelajari walaupun masih boleh mengaplikasikan cara didikan ibu bapa terdahulu. Kita harus ingat, anak-anak ketika ini punya pendedahan yang sangat luas dan malah sangat cepat terhadap teknologi dan media sosial. Dengan itu elemen-elemen negatif, jika tidak dipantau, akan mudah sampai dan mempengaruhi anak-anak.

Oleh itu, secara asasnya kita patut mengetahui akan tanda-tanda orang yang terlibat dengan dadah supaya dapat membantu mengenal pasti dan seterusnya untuk mengatasinya, antaranya:

- Selalu ponteng sekolah, tidak hadir bekerja, mutu kerja menurun dan hasil kerja merosot.
- Kebersihan dan kesihatan diri tidak terurus.
- Tidak bermaya, selalu menguap dan mengantuk, mudah marah dan meradang tanpa sebab.
- Lari dari tanggungjawab sehingga keluarga terbiar.
- Sembunyi-sembunyi melakukan sesuatu.
- Hilang selera makan.
- Menjauhkan diri dari keluarga dan kawan rapat dan meninggalkan kegemaran sebelumnya.
- Minta wang berlebihan atau mengambil wang tanpa izin.

Dalam perkara ini, ibu bapa atau penjaga yang mendapati tanda-tanda tersebut ada pada anak-anak mereka, maka eloklah disiasat dan ditangani dari awal sebelum merebak lebih jauh. Jika tidak berdaya, maka hubungilah dan berundinglah dengan pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab mengenainya.

Pengedar dadah adalah musuh negara

Pengedar-pengedar dadah adalah musuh negara yang mesti dihapuskan kerana kegiatan mereka membawa kesan kerosakan kepada keharmonian kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat juga mendatangkan ancaman kepada keselamatan dan ketahanan nasional malah boleh merosakkan masa depan seseorang.

Walaupun terdapat agensi ditubuhkan untuk membanteras aktiviti tidak bermoral ini, namun tanggungjawab menangani isu ini juga patut dipikul oleh masyarakat kitani yang prihatin. Setiap anggota masyarakat hendaklah sama-sama berganding bahu dalam usaha menghentikan gejala ini. Laporkan sekiranya mengetahui sebarang aktiviti pengedaran dadah yang berlaku di kawasan masing-masing.

Pihak BKN sememangnya sering mengingatkan malah memberi amaran akan terus menjejaki dan memburu para pengedar dadah hingga mereka tertangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Perlu diketahui, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

BKN juga ingin menyeru kepada orang ramai supaya akan dapat terus bekerjasama menyalurkan maklumat yang dapat membantu pihak kerajaan dalam sama-sama membasmi aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan kesejahteraan awam dan menjejaskan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, boleh menghubungi talian +673 2448877 (waktu pejabat) atau Hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ke ncb@narcotics.gov.bn.





PREMIS DISYAKI SELEWENG 1.6 JUTA KG MINYAK MASAK DISERBU

KUALA LUMPUR, 25 Jun. - Sebuah premis pemborong minyak masak di Bandar Tun Razak di sini diserbu selepas disyaki menyeleweng minyak masak dianggarkan berjumlah 1.6 juta kilogram sejak April lepas.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal (KPDNHEP) Kuala Lumpur Nurul Syarina Md Anuar berkata serbuan dilakukan pada 12 tengah hari semalam menerusi Operasi Penyelewengan Bekalan Minyak Masak susulan laporan dan maklumat yang

diterima berhubung kegiatan itu.

Beliau berkata premis berlesen itu beroperasi sejak Mac lepas dengan mendapatkan sumber bekalan minyak masak dari pengilang dan pembungkus di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Pahang serta dipercayai dijual kepada sebuah syarikat tidak berlesen di Johor Bahru, Johor.

"Jumlah bekalan yang dibekalkan kepada syarikat tidak berlesen berkenaan sejak April lepas sehingga sekarang dianggarkan sebanyak 1.6 juta

kilogram melibatkan nilai subsidi RM960,000," katanya dalam sidang media di Stor Eksibit KPDNHEP KL di sini hari ini.

Beliau berkata pemilik premis terbabit yang juga seorang warga tempatan berusia 40 tahun telah diambil keterangan manakala beberapa dokumen disita untuk siasatan lanjut.

Nurul Syarina berkata bekalan

minyak masak bersubsidi berkenaan juga dipercayai diekspor ke luar negara dan kegiatan itu menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan di pasaran tempatan.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Peraturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana membekalkan barang kawalan

iaitu minyak masak kepada pihak yang tidak berlesen.

Beliau berkata pihaknya sentiasa memantau dan menjalankan pemeriksaan ke atas semua rangkaian pengedaran minyak masak bagi memastikan bahan itu sentiasa ada di pasaran dan tidak diseleweng pihak tidak bertanggungjawab. - ©BERNAMA

MAQIS serah tiga tan ayam sejuk beku dilucuthakkan kepada Zoo Melaka

MELAKA, 25 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan sumbangan bekalan makanan berupa tiga tan ayam sejuk beku untuk haiwan di Zoo Melaka di sini hari ini.

MAQIS dalam satu kenyataan berkata ayam sejuk beku dari Thailand bernilai RM27,270 itu adalah hasil rampasan yang telah dilucuthakkan membabitkan kes dari Mei sehingga Jun tahun ini.

"Kesemua bekalan ayam sejuk beku itu dirampas semasa cubaan dibawa masuk dari negara jiran ke Malaysia melalui pangkalan haram di tebing Sungai Golok di Rantau Panjang, Kelantan.

"Bekalan ini didapati tidak memiliki dokumen seperti permit import MAQIS, Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Halal," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, penyerahan bekalan makanan itu disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Datuk Shadan Othman.

MAQIS berkata inisiatif itu diharap dapat membantu melancarkan operasi Zoo Melaka selain menampung bekalan makanan untuk haiwan-haiwan di dalamnya. "Pihak kita juga komited

melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang memerlukan seperti Zoo Melaka.

"Selain itu, MAQIS juga sentiasa tegas menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang negara dalam memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di kesemua pintu masuk," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

India catat 51,667 kes baharu COVID-19

NEW DELHI, 25 Jun. - Jumlah kes COVID-19 di India meningkat kepada 30,134,445 pada Jumaat, selepas menambah 51,667 lagi kes baharu sepanjang 24 jam lalu, lapor Xinhua.

Angka kematian mencecah 393,310 apabila 1,321 lagi pesakit meninggal dunia sejak pagi Khamis. Masih terdapat 612,868 kes aktif di negara ini, dengan penurunan sebanyak 14,189 kes.

Sejak pandemik itu melanda negara ini sejumlah 29,128,267 pesakit dibenarkan keluar hospital dengan yang terbaru seramai 64,527 orang. - ©BERNAMA

Polis Thailand tumpas sindiket dadah, sita aset 134 juta baht

YALA, 25 Jun. - Polis Thailand berjaya merampas 70,000 pil kuda dan 2 kilogram Methamphetamine daripada sebuah sindiket pengedaran dadah di wilayah Yala dalam tiga operasi bersepadu yang bermula pada Selasa (22 Jun).

Ketua Polis Daerah Yala (Yala Regional Police chief) Mej Jen Tinnakorn Rangmat berkata pihak berkuasa turut menahan 19 individu dan berjaya menyita aset yang dianggarkan bernilai 134 juta baht (RM17.52 juta) milik anggota kumpulan itu.

Beliau menambah barangan yang disita termasuk kereta, motosikal, barangan kemas dan senjata api.

"Siasatan awal polis mendapati sindiket itu terlibat dalam penyeludupan dadah dan kes pengubahan wang haram," katanya dalam satu sidang media di sini, hari ini. - ©BERNAMA

Tiga terbunuh helikopter tentera terhempas di Leningrad, Rusia

ANKARA, 25 Jun. - Tiga orang terbunuh selepas sebuah helikopter tentera terhempas di wilayah Leningrad Rusia pada Khamis, lapor Anadolu.

Nahas itu menyebabkan helikopter jenis Mi-8 turut terbakar sebaik terhempas, lapor agensi berita TASS. Helikopter itu dikatakan sedang menjalankan latihan penerbangan. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 3 maut, puluhan lagi terperangkap bangunan runtuh di Florida

WASHINGTON, 25 Jun. - Sekurang-kurangnya tiga disahkan meninggal dunia manakala 12 yang lain cedera, sementara puluhan hilang dalam kejadian bangunan kediaman runtuh di Miami-Dade County, Florida di tenggara Amerika Syarikat pada Khamis, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Miami-Dade menerima panggilan kecemasan kira-kira 1.30 pagi waktu tempatan. Runtuhan itu membabitkan sebahagian kondominium Champlain Towers South 12 yang terletak di tepi pantai Surfside, kira-kira 10 batu di utara Pantai Miami.

Setakat ini 35 orang dilaporkan terperangkap dan dua yang lain berjaya diselamatkan, kata Penolong Ketua Jabatan Bomba Miami-Dade, Raide Jadallah. - ©BERNAMA

Varian Delta : Timbalan KM Sarawak mahu kawalan di sempadan Sarawak diperketat

KUCHING, 25 Jun. - Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Dr James Jemut Masing mengarahkan supaya kawalan keselamatan di sempadan Malaysia-Indonesia ditingkatkan bagi mengekang kemasukan pendatang tanpa izin ke Sarawak susulan lonjakan kes COVID-19 di Indonesia.

Beliau berkata angkatan tentera dan agensi penguatkuasaan sempadan seperti Pasukan Gerakan Am (PGA) serta Jabatan Imigresen perlu memperhebat pengawasan mereka di laluan haram, atau dikenali sebagai jalan tikus di sepanjang sempadan antarabangsa.

"Ini mesti dicegah dengan apa jua cara. Itulah sebabnya kita mesti awasi ratusan jalan tikus (di

sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia). Saya telah meminta Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PGA dan Jabatan Imigresen untuk berjaga-jaga," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab menjaga keselamatan di Sarawak, Masing menzahirkan kebimbangan terhadap laporan sebuah portal minggu lepas yang mengatakan bahawa kawasan Jawa di Indonesia telah melaksanakan penutupan wilayah setelah 12,624 kes baharu COVID-19 dikesan dengan 107 daripadanya adalah varian Delta dari India, yang amat mudah berjangkit.

Menurutnya beberapa pendatang asing yang mencerooboh masuk ke Sarawak melalui

sempadan Malaysia-Indonesia berkemungkinan berasal dari Jawa atau pulau-pulau dari negara jiran Indonesia, dengan membawa varian berbahaya itu.

"Apa yang membimbangkan saya adalah menurut ATM, PGA dan Jabatan Imigresen, pendatang tanpa izin ini yang masuk melalui ratusan jalan tikus, kembali semula (ke Sarawak) dalam beberapa hari setelah diusir pulang," katanya.

James Masing seterusnya mengulangi cadangannya sebelum ini agar tembok ataupun pagar dibina di kawasan strategik sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia untuk mengekang pencerobohan pendatang tanpa izin ke negeri ini. - ©BERNAMA

Penyelam jumpa nota bertariikh November 1926 dalam sebuah botol di sungai Michigan

MICHIGAN, 25 Jun. - Seorang kapten kapal di Michigan, Amerika Syarikat (AS) menjumpai sepucuk nota yang ditulis pada 1926, di dalam sebuah botol di dasar sungai dan berjaya menghubungi anak perempuan penulis surat itu, lapor United Press International (UPI).

Jennifer Dowker, pemilik syarikat pelancongan, Nautical North Family Adventures, berkata botol itu dijumpai ketika menyelam di Sungai Cheboygan untuk

membersihkan bahagian bawah kapal pada 18 Jun lalu.

Nota bertariikh November 1926 mengandungi ungkapan: "Adakah orang yang menemui botol ini akan mengembalikan kertas ini kepada George Morrow Cheboygan Michigan dan memberitahu lokasi ia dijumpai?"

Penemuan itu menjadi tular sebaik Dowker memuat naik gambar botol dan nota itu dalam laman Facebook syarikatnya.

Pada Hari Bapa yang lalu beliau menerima panggilan daripada seorang wanita dikenali Michele Primeau.

Primeau, 74, berkata bapanya meninggal dunia pada 1995, sering meninggalkan nota di tempat yang sukar dijangka.

"Saya masih ingat ketika kami menukar kabinet ubat di bilik mandi, kami menemui nota yang ditulis di dinding," katanya. - ©BERNAMA

MESYUARAT BRI TUMPU KERJASAMA PERANGI WABAK, DORONG PEMULIHAN EKONOMI



BEIJING, 24 Jun. - Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) telah membawa peluang dan limpahan manfaat kepada dunia sejak inisiatif itu dilancarkan lapan tahun lalu, kata Menteri Luar merangkap Ahli Dewan Negara China, Wang Yi.

Setakat ini, katanya sebanyak 140 negara telah menandatangani dokumen kerjasama BRI dengan China. Jumlah dagangan antara

China dengan negara BRI melebihi US\$9.2 trilion (RM38.29 trilion), dan jumlah pelaburan langsung syarikat China di negara berkaitan melebihi US\$130 bilion (RM541.19 bilion).

"BRI telah menjadi wadah kerjasama antarabangsa berskop paling besar dan luas di dunia," katanya pada mesyuarat peringkat tinggi kerjasama antarabangsa

inisiatif BRI bagi rantau Asia Pasifik yang diadakan secara maya pada Rabu.

Mesyuarat bertemakan "tingkatkan kerjasama melawan wabak, dorong pemulihan ekonomi" itu dihadiri pemimpin atau tokoh politik dari 29 negara, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pertubuhan antarabangsa yang lain.

Pada mesyuarat itu Wang Yi turut mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kesepakatan antarabangsa membabitkan vaksin, memperkukuh kesalinghubungan, mendorong kerjasama pembangunan hijau, serta mempergiat pembangunan perdagangan bebas global.

Katanya, rantau Asia Pasifik

adalah kawasan pembangunan dan kerjasama, bukanlah arena untuk percaturan geopolitik.

Justeru, China komited berusaha bersama-sama pelbagai negara di rantau ini mewujudkan pembangunan berkualiti tinggi, berkongsi pelan melawan wabak, mendinamikkan kesalinghubungan global, memperkukuh keyakinan pemulihan ekonomi global, serta menyumbang kepada pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama insan.

Peserta mesyuarat juga bersependapat bahawa perpaduan dan kerjasama adalah kunci untuk menghapuskan wabak. Masyarakat antarabangsa harus menjamin vaksin diagihkan secara adil, khususnya membantu negara

membangun memperoleh produk awam itu.

Di samping itu, peserta mesyuarat menyeru agar kerjasama BRI ditingkatkan demi mewujudkan pembangunan hijau dan pemulihan ekonomi yang berterusan, sekali gus mempercepat proses mewujudkan matlamat pembangunan mampan 2030 PBB, serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi pasca wabak.

Inisiatif hubungan rakan kerjasama vaksin dan pembangunan hijau BRI anjuran 29 buah negara diluluskan dalam mesyuarat ini. - ©BERNAMA

Lebih 15 juta botol air zamzam diedarkan di Masjid Suci

MEKAH, 24 Jun. - Pengurusan Hal Ehwal Dua Masjid Suci, mengedarkan lebih 15 juta botol air zamzam sejak ibadah umrah dibenarkan semula.

Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), pihak pengurusan turut memanfaatkan teknologi untuk melayani pengunjung Masjidil Haram dengan menyediakan robot pintar bagi mengedarkan botol air zamzam.

Robot itu mampu mengedarkan 30 botol air zamzam dalam tempoh 10 minit dan ia boleh bekerja sehingga lapan jam tanpa campur tangan manusia, berhenti hanya 20 saat untuk mengisi botol.

Selain itu, air zamzam turut diedarkan oleh petugas sambil menggalas beg sandang. Sampel air juga akan diambil setiap hari untuk diperiksa bagi memastikan kualiti air yang diedarkan bagi menjamin keselamatan jemaah. Paip air automatik untuk air zamzam turut disediakan. - ©BERNAMA

UK longgar peraturan, bolehkan VIP saksikan separuh akhir, final Euro 2020

MOSCOW, 24 Jun. - Menteri Media dan Data United Kingdom (UK), John Whittingdale pada Rabu berkata pegawai dan peminat VIP akan dikecualikan daripada kuarantin sebaik tiba di negara ini untuk menyaksikan perlawanan Euro 2020, lapor Sputnik.

Menurut Sky News, sebahagian peraturan COVID-19 pada perlawanan separuh akhir dan final Euro 2020 yang dirancang berlangsung di Stadium Wembley, London akan diubah. Namun, Whittingdale berkata faktor keselamatan tetap menjadi keutamaan, kerana mereka yang dikecualikan daripada beberapa peraturan umum masih perlu mematuhi sekatan lain.

Senarai VIP merangkumi anggota organisasi bola sepak, wakil negara yang bermain, penaja atau rakan kongsi Kejohanan Euro 2020. Jumlah VIP yang bakal menghadiri perlawanan akhir pada 11 Julai, dianggarkan seramai 2,500 orang.

Menurut beliau, pengunjung terlibat juga perlu mematuhi beberapa sekatan lain, tidak dibenarkan melancong ke sekitar Britain dan pulang seurus selepas perlawanan.

Pada awal Jun, UEFA bercadang untuk memindahkan gelanggang perlawanan dari London ke Budapest kerana pihak berkuasa Britain enggan mengecualikan peserta VIP daripada kuarantin wajib 10 hari untuk mereka yang tiba dari negara dalam senarai merah dan kuning. - ©BERNAMA

Brazil catat 115,228 kes baharu COVID-19

SAO PAULO, 24 Jun. - Brazil pada Rabu mencatatkan jumlah kes harian tertinggi iaitu sebanyak 115,228 menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 18,169,881, kata Kementerian Kesihatan.

Kira-kira 2,392 orang meninggal dunia pada tempoh yang sama, menjadikan jumlah keseluruhan korban kepada 507,109, lapor Xinhua.

Sao Paulo, negeri paling padat penduduk, kekal sebagai wilayah paling teruk dijangkiti, menyebabkan sekatan pergerakan dilanjutkan sehingga 15 Julai berikutan kes dan kemasukan ke hospital yang terus meningkat.

Selain itu, negeri Mato Grosso do Sul, Santa Catarina dan Parana, turut menyaksikan sistem penjagaan kesihatan mereka hampir lumpuh.

Brazil mencatat jumlah kematian COVID-19 kedua tertinggi di dunia, selepas Amerika Syarikat (AS) dan jangkitan ketiga terbanyak di belakang AS dan India. - ©BERNAMA

Presiden Xi hubungi angkasawan jalani misi Tianhe

BEIJING, 24 Jun. - Presiden China, Xi Jinping membuat panggilan telefon dengan tiga angkasawan China yang menjalankan misi di modul teras Tianhe pada Rabu.

Dalam proses itu, sistem ukuran dan kawalan berpangkalan udara yang terdiri daripada beberapa satelit pengesanan dan penghantaran data (TDRSS) telah berfungsi memastikan panggilan telefon yang dibuat di Bumi ke angkasa lepas itu jelas dan lancar.

Menurut Pusat Penghantaran Maklumat Angkasa Beijing, sistem tersebut telah memberikan

sokongan pengukuran, kawalan serta penghantaran data yang stabil kepada modul teras Tianhe, kapal Tianzhou-2 dan Shenzhou-12 melalui satelit Tianlian 1-03, Tianlian 1-04 dan Tianlian 2-01.

Menurut ketua jurutera pusat, Zheng Yonghui, panggilan telefon yang lebih panjang juga dapat dibuat dengan sokongan tiga satelit Tianlian tersebut, khususnya Tianlian 2-01 yang kali pertama digunakan dalam misi angkasa lepas pembawa angkasawan.

Kelajuan dan kecekapan penghantaran audio dan video antara Bumi dengan angkasa

banyak ditingkatkan, mutu panggilan dan masa panggilan juga telah dibaiki.

Panggilan audio dan video antara Bumi dengan angkasa memerlukan penerimaan dan penghantaran data dalam jumlah besar.

Wang Xue ialah seorang daripada jurutera yang bertugas dalam misi menganalisis dan menghantar data terlibat di pusat Beijing tersebut.

Kru beliau telah menyelidik dan membina perisian untuk meningkatkan kestabilan dan kebolehpercayaan pelaksanaan misi ini. - ©BERNAMA

KASA lancar pelan antirasuah, garis 34 pelan tindakan

PUTRAJAYA, 24 Jun. - Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 hari ini yang menggariskan 34 pelan tindakan yang melibatkan antaranya pengurusan kewangan, tadbir urus dan pengurusan alam sekitar.

Menterinya Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata inisiatif dalam pelan lima tahun itu turut merangkumi aspek pengurusan alam sekitar dan air, menepati misi utama kementerian iaitu 'Memastikan Pelestarian Alam Sekitar Yang Mampan'.

"Pelan ini merupakan satu living document yang akan melalui fasa penambahbaikan pada penghujung tahun kelima

agar terus relevan dengan situasi semasa," katanya pada majlis pelancaran OACP KASA secara maya hari ini.

Turut hadir Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Azam Baki dan Ketua Setiausaha KASA Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Tuan Ibrahim menyeru warga KASA memberikan sepenuh komitmen dengan memastikan pelaksanaan setiap inisiatif OACP itu dibuat secara berterusan di setiap peringkat dalam usaha membentuk nilai etika murni dan jati diri yang kukuh.

Naskah OACP KASA setebal 82 muka surat itu boleh didapati di <https://online.flippingbook.com/view/72550875/81/>.

Sementara itu, Azam berkata SPRM terlibat dalam bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) ketika dalam peringkat pembangunan OACP KASA, yang mana melalui CRM, segala risiko dan masalah dalam organisasi akan dapat dikenal pasti.

"Jika alam sekitar tidak dijaga dengan baik oleh pegawainya (KASA), maka ia akan membawa kepada pelbagai masalah. Perbuatan yang tidak berintegriti dalam tugas memulihara alam sekitar akan menjejaskan kelangsungan hidup manusia yang bergantung pada alam sekitar dan air," kata Azam. - ©BERNAMA

Bekas Presiden Filipina Benigno Aquino III meninggal dunia pada usia 61

MANILA, 24 Jun. - Bekas Presiden Filipina Benigno Simeon Aquino III meninggal dunia Khamis pagi pada usia 61 tahun, lapor Xinhua.

Perkara itu dimaklumkan jurucakap Presiden Harry Roque. Beliau turut menzahirkan

ucapan takziah kepada keluarga Aquino.

Keluarga Aquino masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai perkara itu.

Media tempatan melaporkan Aquino dikejarkan ke sebuah

hospital di pinggir bandar Quezon pada Khamis pagi, dan meninggal dunia akibat kegagalan jantung.

Aquino menjadi Presiden Filipina ke-15 dari 2010 hingga 2016. - ©BERNAMA



CHINA, LAOS, MYANMAR, THAILAND LANCAR RONDAAN BERSAMA KE-106 DI SUNGAI MEKONG

KUNMING, 23 Jun. - China, Laos, Myanmar dan Thailand pada Selasa melancarkan operasi penguatkuasaan undang-undang dan rondaan bersama kali ke-106 di kawasan Sungai Mekong serta kempen mempromosi

pengetahuan antidadah.

Sehari sebelum, simposium kerjasama antidadah dan mesyuarat komander membabitkan empat negara itu diadakan secara maya, sempena Hari Antidadah Antarabangsa ke-34 yang jatuh pada Sabtu ini.

Peserta simposium telah menganalisis situasi keselamatan dan jenayah dadah di rantau

Sungai Mekong, di samping merumuskan kejayaan operasi 100 hari memerangi dadah di rantau tersebut.

Selain memutuskan untuk mengadakan rondaan bersama demi memperkukuh pengawalan di kawasan perairan utama, peserta juga bersetuju untuk melaksanakan kempen promosi pengetahuan antidadah agar

penduduk di rantau ini mendapat jaminan keselamatan serta suasana bebas dadah.

China, Laos, Myanmar dan Thailand telah melakar kejayaan dalam kerjasama antidadah pada tahun ini, khususnya di Sungai Mekong sepanjang

100 hari sejak Mac lalu.

Kerjasama itu membuahkan hasil apabila 84 kes penyeludupan dadah seberat 7.416 tan dapat ditumpaskan selain 128 individu ditahan serta lapan pistol dan 807 peluru dirampas. - ©BERNAMA

Covaxin, Covishield berkesan terhadap varian Delta Plus

NEW DELHI, 23 Jun. - Vaksin COVID-19 tempatan, Covaxin dan Covishield dianggap berkesan terhadap varian Delta Plus COVID-19, kata Setiausaha Kesatuan Kesihatan Rajesh

Bhushan pada Selasa.

"Kedua-dua vaksin India yang kami gunakan dalam program vaksinasi COVID - Covishield dan Covaxin - berkesan terhadap varian Delta.

"Tetapi sejauh mana dan berapa banyak antibodi yang dihasilkannya, akan kami kongsikan nanti," kata Bhushan, lapor Sputnik, memetik agensi berita India, ANI. - ©BERNAMA

Empat vaksin China lulus untuk dieksport setakat ini

BEIJING, 23 Jun. - China mengumumkan senarai kemas kini empat vaksin yang mendapat kelulusan untuk dieksport ke luar negara, di sini, pada Selasa.

Empat vaksin itu termasuk vaksin buatan China National Pharmaceutical Group Beijing (Sinopharm Beijing), Sinovac Biotech (SVA), CanSino Biologics dan China National Pharmaceutical Group Wuhan (Sinopharm Wuhan).

Daripada kesemua vaksin tersebut, dua daripadanya iaitu Sinopharm Beijing dan SVA telah disenaraikan sebagai vaksin penggunaan kecemasan oleh Pertubuhan Kesihatan

Sedunia (WHO).

Dalam kemas kini itu turut dimaklumkan kesemua vaksin itu telah disuntik secara besar-besaran di negara ini, serta mendapat kelulusan untuk digunakan di lebih 100 negara di dunia.

Menurut Ketua Jabatan Perdagangan Luar, Kementerian Perdagangan China, Li Xingqian, ia menunjukkan hasrat China untuk menjadikan vaksin sebagai produk kesihatan awam global, selain memperkukuh kerjasama antarabangsa melawan wabak.

"China menyokong semua syarikat vaksin tersebut untuk

meningkatkan bekalan vaksin kepada luar negara agar pelbagai negara khususnya negara membangun dapat dibantu dalam memperoleh vaksin.

"Kami juga akan terus menghulurkan bantuan kepada pelbagai negara yang berhasrat untuk membeli vaksin buatan China," ujar Li.

Tambah beliau, China akan terus membantu syarikat vaksin China untuk merapatkan kerjasama dengan WHO untuk melaksanakan pelan COVAX, serta menajalankan kerjasama penyelidikan dan pengeluaran vaksin dengan negara luar. - ©BERNAMA

COVID-19 : Singapura kurangkan tempoh notis tinggal di rumah kepada 14 hari

SINGAPURA, 23 Jun. - Berkuat kuasa 24 Jun, Singapura akan mengurangkan tempoh Notis Tinggal di Rumah (SHN) di kemudahan khusus kepada 14 hari berbanding 21 hari untuk semua pelancong yang baru tiba dari negara atau wilayah berisiko tinggi, menurut Kementerian Kesihatan republik itu hari ini.

Kementerian itu menyatakan Pasukan Petugas Pelbagai Kementerian (MTF) telah memantau situasi tempatan dan global, dan keputusan untuk mengurangkan tempoh SHN berdasarkan bukti terkini yang dikumpulkan sejak sebulan lalu.

"Pada akhir April 2021, hanya sedikit maklumat mengenai Varian Yang Membimbangkan (VOC) termasuk tempoh daya tahannya. Sebagai langkah berjaga-jaga, kami mewajibkan pelancong yang baru tiba dari negara atau wilayah berisiko tinggi untuk mematuhi SHN 21 hari.

"Kami telah menyemak semula bukti antarabangsa dan data kes tempatan," kata kementerian di laman webnya.

Semua negara atau wilayah dianggap berisiko tinggi kecuali Australia, Brunei Darussalam, Hong Kong, Macau, China dan New Zealand.

Walaupun terdapat peningkatan jangkitan varian baharu, kementerian menyatakan pihaknya tidak menemukan bukti - sama ada data luar negeri atau tempatan yang menunjukkan varian ini mempunyai jangka hayat lebih lama.

Sejak memperkenalkan SHN 21 hari dari 8 Mei 2021, kementerian itu berkata terdapat 270 kes diimport dilaporkan dalam kalangan pelancong pada 22 Jun 2021.

"Semua mereka yang dikuarantin didapati dalam keadaan baik untuk tempoh 14 hari. Oleh itu, kami akan mengurangkan tempoh SHN daripada 21 hari kepada 14 hari," katanya.

Bagaimanapun, kementerian menyatakan pelancong diminta melakukan ujian sendiri secara berkala menggunakan alat ujian diri antigen fast test (ART) pada hari ketiga, ketujuh dan ke-11 selepas tiba di Singapura, semasa tempoh SHN.

Ujian itu diperlukan memandangkan varian baharu itu lebih mudah berjangkit, selain membolehkan kes jangkitan dikesan lebih awal dan rawatan perubatan yang sesuai dapat diberikan secepat mungkin kepada pelancong yang dijangkiti, katanya. - ©BERNAMA

41 juta penduduk dunia di ambang kebuluran

NEW YORK, 23 Jun. - Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada Selasa memberi amaran sekitar 41 juta orang di seluruh dunia kini di ambang kebuluran.

Menurut Sputnik, WFP menyatakan kebuluran sedang dialami di empat negara - Ethiopia, Madagascar, Sudan Selatan dan Yaman - yang menjejaskan

584,000 orang.

"Analisis WFP baru-baru ini menunjukkan seramai 41 juta orang di 43 negara kini diancam risiko kebuluran," kata agensi PBB itu dalam satu kenyataan media.

Menurut WFP jumlah orang menghadapi masalah kebuluran meningkat dari 27 juta pada 2019.

Peningkatan kebuluran tahun ini didorong kenaikan harga barang

makanan penting, ditambah dengan konflik, perubahan iklim dan masalah ekonomi sedia ada, katanya.

WFP menyatakan pihaknya mempunyai kepakaran untuk menjangkau semua yang berisiko kebuluran jika mempunyai dana yang mencukupi. Menurut WFP untuk tahun ini sejumlah US\$46 bilion dana diperlukan. - ©BERNAMA

Lukisan karya Wassily Kandinsky hilang hampir 70 tahun dijual pada US\$1.4 juta

MUNICH, 23 Jun. - Sebuah lukisan cat air karya artis Rusia Wassily Kandinsky yang dipercayai hilang lebih tujuh dekad telah dilelong dan terjual pada harga US\$1.4 juta.

Menurut United Press International (UPI), lukisan, 'Gebogene Spitzen' (Petua Lengkungan), dilukis pada 1927 ketika pelukis itu mengajar di sekolah seni Jerman Bauhaus.

Sejak dijual pada 1949, sejarawan seni itu tidak dapat menjejaki lokasinya. Satu-satunya bukti kewujudan lukisan itu adalah lakaran kecil dalam senarai karya seninya oleh sejarawan seni Vivian Endicott Barnett.

Ketterer Kunst dari Rumah Lelongan Munich menyatakan lukisan itu dikatakan dilihat di kawasan rumah seorang pengumpul barang seni di Jerman pada Mei.

Seorang pengumpul dari Berlin membeli lukisan itu dalam lelongan pada Sabtu.

Kandinsky terkenal sebagai pelopor lukisan abstrak, sangat bergantung pada palet warna terang dan bentuk geometri. - ©BERNAMA

IOC puji persiapan Sukan Olimpik musim sejuk Beijing

BEIJING, 25 Jun. - Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dalam satu laporan baru-baru ini memuji persediaan China menjelang temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Musim Sejuk 2022.

China bukan sahaja berjaya menarik penyertaan sehingga 300 juta penduduk dalam sukan musim sejuk malah berupaya mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta menyumbang kepada pembangunan jangka panjang.

Menurut IOC, temasya itu turut

menjadikan Beijing antara destinasi pelancongan sukan musim sejuk kepada pelancong dalam dan luar negara.

Difahamkan, Pusat Ski Gunung Tinggi dan Pusat Kereta Salji yang terletak di daeah Yanqing, Beijing akan menjadi destinasi pelancongan sukan musim sejuk selepas temasya Olimpik berakhir.

Gelanggang pertandingan di bandar Zhangjiakou pula, sejak awal pembinaannya, reka bentuknya mengambil kira untuk

kegunaan pelancong sama ada pada musim panas atau sejuk.

Menyentuh mengenai penyediaan pekerjaan baharu kepada penduduk setempat, laporan itu memberitahu bahawa bandar Zhangjiakou menjadi contoh untuk usaha pembasmian kemiskinan ketika pelaksanaan persiapan temasya tersebut.

Setakat penghujung 2019, kadar penduduk miskin menurun daripada 30.24 peratus kepada 0.39 peratus manakala, kadar

kemiskinan pula menurun daripada 0.038 peratus daripada 16.81 peratus pada 2015 di daerah Chongli.

Pada tempoh sama, resort ski dan hotel yang telah dibina di Chongli memberikan peluang pekerjaan kepada hampir 2,000 orang.

Menurut IOC lagi, langkah Beijing yang mengutamakan sistem lalu lintas berkarbon rendah turut menyumbang kepada matlamat China iaitu mencapai puncak pelepasan karbon dan neutral karbon masing-masing menjelang 2030 dan 2060. - ©BERNAMA

PMS - LFT SEKADAR SERI



ANTARA aksi menarik pada perlawanan di antara pasukan PMS (Persatuan Melayu Sengkarai) dengan pasukan LFT (Luang Femili Tem) (atas dan bawah).

■ Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 25 Jun. - Pada Liga Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA), pasukan PMS (Persatuan Melayu Sengkarai) terikat seri 2 - 2 menentang Pasukan LFT (Luang Femili Tem) pada perlawanan yang berlangsung di Padang Kompleks



Sukan Tutong, di sini.

Gol pertama daripada PMS dijaringkan oleh Mohd. Mazazizi Mazlan pada minit ke-21.

Pada minit ke-51, PMS sekali lagi berjaya menjaringkan gol yang disumbangkan oleh Pengiran Md. Firdaus Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Pada perlawanan babak pertama itu menyaksikan PMS berjaya menguasai permainan, namun serangan balas daripada LFT hampir sahaja membuahkan hasil tetapi berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang PMS.

Dalam babak kedua pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun permainan lebih dikuasai oleh PMS.

Seterusnya, LFT berjaya menjaringkan gol tunggal pada minit ke-69 hasil sepakan penalti, Rezecon Rasian.

Pada minit ke-73, LFT berjaya menyamakan kedudukan dengan jaringan gol daripada Hamizan Muhd. Hakimi.

Perlawanan berakhir dengan jaringan 2 - 2 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Rimba Star menang besar



BERAKAS, Jumaat, 25 Jun. - Pasukan Rimba Star menang besar setelah menewaskan pasukan Phosphor dengan keputusan 7 - 0 pada perlawanan Liga Belia Bawah 18 Tahun 2021 yang berlangsung di Kompleks Padang Berakas, di sini.

Pada separuh masa pertama, Rimba Star berjaya menjaringkan tiga gol yang masing-masing dijaringkan oleh Md. Norhazmie,

ANTARA aksi pasukan Rimba Star menentang pasukan Phosphor pada Liga Belia Bawah 18 Tahun 2021 (kiri dan kanan).



Sebagai Majikan, Awda perlu:

1

AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2

GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3

NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4

LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5

PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

f @ 123 www.moh.gov.bn

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Ahmad Sharin dan Md. Rafie.

Pada babak kedua pula menyaksikan empat gol berjaya dijaringkan oleh Rimba Star, masing-masing dijaringkan oleh Md. Rafie, Md. Haziq Syafiq,

Ahmad Sharin dan Md. Norhazmie.

Keputusan perlawanan kekal dengan kiraan 7 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.



Sukan

INFO SUKAN

DUA puluh satu tahun yang lalu, Persatuan Pelumba-pelumba Tutong dengan kerjasama Persatuan Batang Mitus (BAMIT) mengadakan Perlumbaan Kriterium Mountain Bike sebagai salah satu acara perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Tutong. Sebanyak empat kategori dibukakan untuk mencari juara.



ePaper Pelita Brunei

UBD KUTIP 3 MATA PENUH



AKSI-aksi menarik perlawanan Universiti Brunei Darussalam (UBD) menentang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berkesudahan UBD menang 2 - 1 pada Kejohanan Bola Sepak UBD 2021 Antara Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Jun. - Kumpulan 'B' pada Kejohanan Bola Sepak Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2021 Antara Institusi-Institusi Pengajian Tinggi membuka tirai dengan menyaksikan pasukan UBD berentap menentang pasukan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di Padang 'A', Kompleks Sukan UBD, di sini.

Pasukan tuan rumah, UBD, berjaya mengutip tiga mata penuh setelah berjaya menumpaskan pasukan UNISSA dengan keputusan, 2 - 1.

Pada babak pertama, pasukan UNISSA lebih dahulu berjaya menggegarkan kubu pertahanan pasukan UBD

menerusi Faisol Din-ah, pada minit ke-26 untuk mendahului 0 - 1.

Namun, jaringan gol yang dibuat oleh pasukan UNISSA tidak melunturkan semangat pasukan UBD untuk menyamakan kedudukan selang lima minit kemudian melalui sepakan gol Abu Suffian bin Haji Adanan.

Jaringan 1 - 1 tersebut kekal hingga tamat separuh masa pertama perlawanan.

Pada separuh masa kedua, Jurulatih pasukan UBD, Haji Abdul Arif Faiz bin Haji Bulat mengatur strategi baharu permainan hingga Md. Nurwafuddin bin Haji Osman berjaya membolos gawang pihak lawan pada minit 68 untuk menjadikan kedudukan 2 - 1.

Meskipun asakan demi asakan dilakukan ke benteng

pasukan UBD, namun nasib belum menyebelahi pasukan UNISSA apabila kedudukan 2 - 1 kekal hingga pengadil membunyikan wisel penamat.

Jurulatih pasukan UNISSA, Awang Haji Mohammad Khairul Rijal bin Begawan Mudim Haji Sapar mengulas, bahawa kedua-dua pasukan bermain dengan baik, namun beliau mendapati anak didikannya membuat dua kesilapan hingga memberikan kelebihan yang seterusnya dimanfaatkan dengan baik oleh pasukan UBD.

Meskipun pasukannya kalah pada pusingan pertama ini, Awang Haji Mohammad Khairul Rijal setentunya berharap untuk memperbaiki prestasi anak buahnya dan akan menjalankan latihan agar kemenangan berpihak kepada mereka bagi dua perlawanan akan datang nanti.

2 pengadil Brunei berpeluang mengadili Kejohanan AFC, Hong Kong

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) dan Persatuan Pengadil Negara melalui

Tahukah Awda

SYARIKAT Celcure Haji Ibrahim merupakan perusahaan kilang pertama milik orang Melayu bumiputera ditubuhkan. Terletak di Batu 3 ½ Jalan Tutong, kilang ini adalah yang ketiga ditubuhkan di Borneo selain Sabah dan Sarawak dengan biaya sebanyak BND250.000. Di samping kegunaan di dalam negeri, kayu-kayan ini juga dieksport ke luar negeri.

SUMBER : Pusaka, Bil 33

Jabatan Pengadil menghantar seorang pengadil dan seorang pembantu pengadil yang diberi kepercayaan oleh Asian Football Confederation (AFC) bagi mengadili satu Kejohanan AFC, di Hong Kong.

Pengadil dan pembantu pengadil berkenaan adalah Abd. Hakim bin Mohd. Haidi juga Ali Faisal bin Rosli.

Kejohanan bermula pada 23 Jun 2021, di mana kedua pengadil tersebut mengadili perlawanan di antara Eastern Long lions menentang Lee Man (Hong Kong).

Sebelum mengadili kejohanan, kesemua pengadil akan dinilai terlebih dahulu dan kedua-dua pengadil daripada Negara Brunei Darussalam lulus dalam ujian yang dijalankan.

PENGADIL dan pembantu pengadil, Abd. Hakim bin Mohd. Haidi dan Ali Faisal bin Rosli diberi kepercayaan oleh Asian Football Confederation (AFC) bagi mengadili satu Kejohanan AFC, di Hong Kong.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSOPAN SANTUN, BERBUDI BAHASA, AMALAN TERPUJI

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam